



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

MODUL KENYALANG CEMERLANG SPM 2022

**BAHASA
MELAYU**

EDISI GURU

ISI KANDUNGAN

Perkara

MUKA SURAT

Isi Kandungan

i

Format Instrumen Peperiksaan SPM Mulai Tahun 2021

ii

Karangan Respons Terhad

iii

Strategi Menulis Karangan Bahagian A

iv

Karangan Respons Terbuka

v

Strategi Menulis Karangan Bahagian B

vi

Ciri-Ciri Karangan Cemerlang

vii

1103/1 Kertas 1

Cadangan Kriteria Penskoran Bahasa Melayu Kertas 1

1-6

Frasa Menarik Yang Boleh Digunakan Untuk Menulis Karangan

7-9

Set Soalan 1103/1 : Kertas 1

Set 1

10 - 12

Set 2

13 - 15

Set 3

16 - 20

1103/2 Kertas 2

1103/2 Contoh Dan Panduan Penandaan

21 – 49

Set Soalan 1103/2 : Kertas 2

Set 1

50 - 60

Set 2

61 - 70

Set 3

71 - 80

Cadangan Skema Jawapan

81 - 137

Segunung Budi Selaut Kasih

viii

Apresiasi

FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN 2021
MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU (1103)

Bil	Perkara	Kertas 1 (1103/1)	Kertas 2 (1103/2)	Kertas 3 (1103/3)	Kertas 4 (1103/4)
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	Ujian Bertulis	Ujian Bertutur	Ujian Mendengar
2	Jenis Item	• Subjektif Respons Terhadap • Subjektif Respons Terbuka	• Subjektif Respons Terhadap • Subjektif Respons Terbuka	• Subjektif Respons Terhadap • Subjektif Respons Terbuka	• Objektif Anek a Pilihan • Objektif Pelbagai Bentuk • Subjektif Respons Terhadap
3	Bilangan Soalan	Bahagian A Satu (1) soalan berdasarkan kombinasi kepelbagaian bahan rangsangan Jawab 1 soalan Bahagian B Empat (4) soalan esei. Pilih dan jawab satu daripada empat soalan Jumlah soalan : 5 Soalan	Bahagian A – Sistem dan Aplikasi Bahasa 1. Morfologi 2. Sintaksis 3. Penyuntingan 4. Bahasa Melayu Standard • menukarkan bahan teks klasik/lama kepada Bahasa Melayu Moden/ Standard 5. Peribahasa Bahagian B – Pemahaman Soalan 6 dan 7 Berdasarkan petikan bahan prosa dan bukan prosa (Umum/ Drama / Cerpen / Prosa Tradisional /Puisi Tradisional/ Sajak) Soalan 8 Berdasarkan novel tingkatan 4 dan 5 Bahagian C – Rumusan	Bahagian A – Individu • 1 petikan/bahan rangsangan yang disediakan untuk setiap calon • Bersoal jawab dengan pentaksir Bahagian B – Kumpulan • 1 tajuk/tema umum disediakan untuk perbincangan • Perbincangan dalam kumpulan 3 – 5 orang calon	• 4 – 6 petikan • Instrumen mengandungi 20 hingga 25 soalan (Jawab semua soalan) • Jawapan berdasarkan petikan.

			Soalan 9 menulis rumusan		
			Jumlah soalan : 9 soalan		
4	Jumlah Markah	100 markah	100 markah	70 markah	30 markah
5	Wajaran				
6	Konstruk	Kemahiran menulis • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta	Kemahiran membaca • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai • Mencipta	Kemahiran mendengar dan bertutur • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis • Menilai	Kemahiran mendengar • Memahami • Mengaplikasi • Menganalisis
		Pengetahuan sistem bahasa			
		Nilai			
7	Tempoh Ujian	2 jam	2 jam 30 minit	Individu: 3 hingga 5 minit Kumpulan: 12 hingga 15 minit	30 minit
8	Cakupan Konteks	Mencakupi semua standard kandungan dan standard pembelajaran yang Terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)			
9	Aras kesukaran	5:3:2 Rendah:Sederhana:Tinggi			
10	Kaedah Penskoran	• Holistik	• Analitik • Holistik	• Analitik • Holistik	• Dikotomus • Analitik
11	Alat tambahan				• DVD/ CD Rakaman /Audio • Pemain DVD/CD/ Laptop

**KARANGAN RESPONS TERHAD
BAHAGIAN A KERTAS 1 (1103/1)**

1	Soalan ini akan diajukan dalam Kertas 1 iaitu Soalan Bahagian A. Hanya satu soalan diberikan dan calon wajib menjawabnya.
2	30 markah diperuntukkan dan masa menjawab 30 minit
3	Soalan dikemukakan daripada kombinasi kepelbagaian bahan rangsangan yang merangkumi 18 tema dalam DSKP.
4	Karangan berdasarkan bahan rangsangan bermaksud bahan untuk menulis karangan telah disediakan dan calon diminta mengembangkan idea asas (berdasarkan gambar) untuk menjadi sebuah karangan yang lengkap.
5	Contoh bahan rangsangan seperti gambar ilustrasi, foto, kartun, iklan, dialog, e-mel, catatan, graf, data, petikan rencana, atau berita daripada surat khabar
6	Dua atau tiga bahan dikemukakan. Tiada kata kunci yang diberi. Murid perlu meneliti dan memahami maklumat berkaitan tema/isu dalam setiap bahan untuk mencari isu atau tema yang dibincangkan dan fokus soalan. Semua bahan wajib disentuh dan boleh digunakan dalam perenggan pendahuluan, perenggan isi atau perenggan penutup.
7	Tema dikemukakan dalam pernyataan soalan. Karangan perlu menetapi tema yang dikemukakan dalam bahan rangsangan
8	Semua soalan berformat dan tidak berformat boleh dikemukakan dalam bahagian ini. Karangan berformat seperti surat kiriman rasmi, surat kiriman tidak rasmi, laporan, ucapan/ syarahan/ ceramah/ perbahasan, wawancara, ulasan, dan rencana.
9	Calon perlu menulis karangan sekitar 150 hingga 200 patah perkataan. Anda perlu mematuhi jumlah had perkataan yang ditetapkan.
10	Soalan ini diperkenalkan untuk membantu calon memperoleh markah yang tinggi dalam bahagian karangan.

STRATEGI MENULIS KARANGAN BAHAGIAN A

- 1 Calon digalakkan menjawab soalan ini dahulu sebelum menulis karangan di Bahagian B.
- 2 Sebelum menjawab, perhatikan dengan teliti maklumat yang diberikan dalam arahan soalan untuk menentukan fokus soalan. Maklumat yang terdapat dalam bahan perlu diuraikan dalam karangan.
- 3 Rancang rangka karangan anda dan pastikan rangka karangan dan calon dicadangkan menulis lima perenggan (perenggan pendahuluan, 3 perenggan isi penting dan perenggan penutup) dan setiap perenggan sebanyak 40 patah perkataan.
- 4 Tulis isi dan fakta dengan jelasnya. Masukkan peribahasa atau cogan kata yang relevan.
- 5 Idea sendiri berupa cadangan boleh dimasukkan dalam bahagian penutup.
- 6 Letakkan sekurang-kurangnya satu slogan, peribahasa, ataupun kata-kata hikmat.
- 7 Keganjangan karangan sekitar 150 patah perkataan hingga 200 patah perkataan. **Calon perlu mematuhi had jumlah perkataan yang ditetapkan; iaitu tidak kurang daripada 150 perkataan dan tidak melebihi 200 patah perkataan.**

KARANGAN RESPONS TERBUKA
Bahagian B Kertas 1 (1103/1)

1	Soalan ini wajib dijawab dalam tempoh 1 jam 30 minit dan diperuntukkan sebanyak 70 markah. Kertas SPM 1103/1 Bahasa Melayu Bahagian (B) mengandungi empat soalan dan calon diminta memilih salah satu daripada soalan tersebut
2	Soalan dikemukakan daripada pelbagai bahan rangsangan yang merangkumi 18 tema dalam DSKP.
3	Empat soalan diuji dalam Bahagian B ini merangkumi Domain Awam, Domain Peribadi, Domain Pendidikan, dan Domain Kerjaya. Calon diminta memilih SATU daripada domain soalan tersebut untuk dijawab mengikut kemahiran mengarang masing-masing.
3	Setiap soalan akan dimulakan dengan satu petikan yang diambil daripada sumber tertentu. Seterusnya diikuti oleh stimulus yang berkaitan dengan petikan sumber. Arahan atau fokus soalan berkaitan dengan petikan sumber. Karangan perlu menepati arahan soalan.
4	Semua soalan berformat dan tidak berformat boleh dikemukakan dalam bahagian B ini. Karangan berformat seperti surat kiriman rasmi, surat kiriman tidak rasmi, laporan, ucapan/ syarahan/ ceramah/ perbahasan, wawancara, ulasan, dan rencana.
5	Tema dikemukakan dalam pernyataan soalan. Murid perlu meneliti dan memahami maklumat berkaitan tema/ isu dalam setiap bahan.
6	Calon perlu menulis karangan antara 350 hingga 500 patah perkataan sahaja. Calon perlu mematuhi had jumlah perkataan yang ditetapkan; iaitu tidak kurang daripada 350 perkataan dan tidak melebihi 500 patah perkataan.

STRATEGI MENULIS KARANGAN BAHAGIAN B

- Calon perlu menganalisis dan memahami tugas yang diberikan dalam ayat soalan.
- Karangan Bahagian B mesti ditulis antara 5 hingga 6 perenggan.
- Pemerenggan terdiri daripada 1 perenggan pendahuluan, 3 perenggan isi, 1 perenggan penutup)
- Perenggan Pendahuluan mestilah ditulis dalam lingkungan 60-70 patah perkataan. Perenggan pendahuluan sebagai pengenalan karangan yang menggambarkan tema dan kehendak soalan.
- Setiap perenggan isi mestilah ditulis minimum 110-120 patah perkataan bagi setiap isi atau idea. Dalam perenggan isi mengandungi ayat topik, ayat huraian, ayat contoh, ayat kesan dan ayat penegasan.
- Perenggan Penutup pula ditulis seimbang dengan perenggan pendahuluan, iaitu minimum 60-70 patah perkataan. Dalam perenggan penutup menyatakan cadangan atau pandangan tentang isu yang dibincangkan dalam karangan.
- Tulis karangan Bahagian B dalam tempoh masa 1 jam 30 minit sahaja.
- Penulisan karangan mestilah ditulis antara 350 hingga 500 patah perkataan dengan syarat tidak melebihi masa 1 jam 30 minit. **Calon perlu mematuhi had jumlah perkataan yang ditetapkan; iaitu tidak kurang daripada 350 perkataan dan tidak melebihi 500 patah perkataan.**
- Baca dan teliti semua empat soalan yang disediakan dalam Bahagian B.
- Pilih satu soalan sahaja dan pastikan anda menjawabnya dengan baik. Apabila membaca soalan, calon mesti mengenal pasti :
 1. Domain – Peribadi/Awam/Pendidikan/Kerjaya
 2. Tema – Isu yang perlu dibincangkan
 3. Kata kunci – Fokus soalan
 4. Format – Fakta/Perbincangan/Gambar/Syarahan/Wawancara/Rencana
- Guna format dengan betul jika karangan yang dipilih karangan berformat.
- Bina rangka karangan dalam bentuk peta minda secepat mungkin.
- Mula menulis karangan.
- Lima (5) minit terakhir untuk menyemak keseluruhan karangan.
- Karangan boleh ditulis sama ada dengan huruf rumi atau jawi dan tulisan mestilah jelas serta dapat dibaca.

CIRI-CIRI KARANGAN CEMERLANG

1. Sekurang-kurangnya ada dua ungkapan menarik (peribahasa, maksud hadis, cogan kata, kata-kata hikmat, kata-kata orang ternama, pantun.)
2. Sekurang-kurangnya ada dua variasi ayat (ayat tanya, ayat majmuk, ayat aktif, ayat pasif.)
3. Sekurang-kurangnya terdapat dua kosa kata menarik dalam karangan (marcapada ini, anjakan paradigma, menggembeleng sinergi.)
4. Karangan mesti berselang sebaris antara perenggan.
5. Tiga perenggan isi mesti terdiri daripada isi pokok, huraian, contoh, kesan dan penegas.
6. Setiap ayat yang ditulis mesti mempunyai subjek dan predikat yang lengkap (gramatis)
7. Tulisan kemas, bersih dan selesa dipandang

MUTIARA KATA : ILMU	
1	Ilmu merupakan sesuatu yang bermanfaat dan bukannya apa-apa yang hanya dihafal semata-mata. (Imam al-Syafie)
2	Langkah pertama untuk mendapatkan pengetahuan adalah dengan mangetahui bahawa kita tidak berpengetahuan. (Cecil B. DeMille)
3	Kepuasan jiwa kerana mencari pengetahuan itulah kepuasan yang sejati. (Ibnu Rusyd)
4	Pelajarilah ilmu itu untuk ke ketetapan hati, dan kelembutan jiwa. Tunduklah dengan merendahkan diri kepada guru anda. (Sayidina Umar al-Khattab)
5	Ilmu merupakan harta anda yang kekal. (Hamka)
6	Ilmu itu didapati dengan gemar lidah yang suka bertanya dan akal berfikiran. (Abdullah Ibnu Abbas)

1103/1

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

CADANGAN

PENSKORAN

CADANGAN KRITERIA PENSKORAN BAHASA MELAYU KERTAS 1
[BAHAGIAN A – 30 markah]

PERINGKAT & MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG 26 – 30 markah	Tema/Tugasan - Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan. Idea - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan / tugasan. - Huraian jelas dan matang. Bahasa - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Pengolahan - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai. ***Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.
KEPUJIAN 20-25 markah	Tema/Tugasan - Karangan menepati tema bahan rangsangan/tugasan. Idea - Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/tugasan. - Huraian jelas. Bahasa - Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Pengolahan - Pengolahan menarik. - Laras bahasa sesuai mengikut tugasan. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai.
MEMUASKAN 15-19 markah	Tema/Tugasan - Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/tugasan. Idea - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugasan.

	- Huraian masih jelas. Bahasa - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata masih luas/terhad. - Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Pengolahan - Pengolahan masih menarik. - Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. - Wacana masih lengkap. - Pemerenggan masih sesuai.
PENGUASAAN MINIMUM 10-14 markah	Tema/Tugasan - Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan/tugasan. Idea - Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan / tugas. - Huraian kurang jelas. Bahasa - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. - Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. - Penggunaan kosa kata terhad. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Pengolahan - Pengolahan kurang menarik. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. - Wacana kurang lengkap. - Pemerenggan kurang sesuai.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM 1-9 markah	- Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Idea tidak menepati tema bahan rangsangan / tugas. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.

Nota :-

Untuk Bahagian A dan B

Penulisan karangan Bahasa Melayu SPM, perkara-perkara berikut dikira sebagai 1 perkataan

1. Nama khas
2. Peribahasa
3. Pantun
4. Maksud hadis/ al-Quran
5. Alamat (surat kiriman)

(Perkara-perkara lain yang telah ditetapkan sebelum ini sebagai 1 perkataan ikut seperti biasa)

CADANGAN KRITERIA PENSKORAN BAHASA MELAYU KERTAS 1
[BAHAGIAN B – 70 markah]

PERINGKAT & MARKAH	KRITERIA
CEMERLANG 64 – 70 markah	Tugasan • Karangan menjawab tugas. Idea • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. Bahasa • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
KEPUJIAN 55-63 markah	Tugasan • Karangan menjawab tugas. Idea • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. Bahasa • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. Pengolahan • Pengolahan menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai.

	• Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
BAIK Markah 45-54 markah	Tugasan • Karangan masih menjawab tugas. Idea • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian masih jelas. • Contoh masih sesuai. Bahasa • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. • Penggunaan kosa kata umum. • Ejaan dan tanda baca yang masih betul. • Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. • Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Pengolahan • Pengolahan masih menarik. • Pemerenggan masih sesuai. • Wacana masih lengkap. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
MEMUASKAN 35 – 44 markah	Tugasan • Karangan masih/kurang menjawab tugas. Idea • Idea masih relevan mengikut tugas. • Huraian kurang jelas. • Contoh kurang sesuai. Bahasa • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Pengolahan • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan kurang sesuai.

	• Wacana masih/kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
PENGUASAAN MINIMUM 21-34 markah	Tugasan • Karangan kurang menjawab tugas. Idea • Idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk. • Huraian tidak jelas/tidak berkembang. • Contoh yang tidak sesuai. Bahasa • Ayat yang tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan Ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. Pengolahan • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai/ tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
TIDAK MENCAPAI TAHAP PENCAPAIAN MINIMUM 0 – 20 markah	• Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. • Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang serta contoh tidak sesuai.

MUTIARA KATA : USAHA	
1	Jangan hentikan usaha yang mulia selagi hasilnya belum kita kecap. (William Shakespeare)
2	Kepuasan letaknya pada usaha, bukan pada hasil. Berusaha dengan keras merupakan kemenangan yang hakiki. (Mahatma Gandhi)
3	Selagi kita bernyawa, kita mestilah bekerja menabur bakti untuk bangsa dan negara. Itulah kebaikan yang sebenar. (Ibn Zain)
4	Kerja yang dilakukan dengan senang yang tidak kenal putus asa, dapat mengatasi segala-galanya. (Vergilius)
5	Jangan menilai pekerjaan seseorang sebelum pekerjaannya diselesaikan. (Elizabeth Barret Browning)
6	Kita bekerja bukan untuk memiliki wang semata-mata, melainkan untuk menunaikan kewajipan kita. (Ching Hai)
7	Apa-apa pun tugas hidup anda, lakukanlah dengan baik. Seseorang itu harus melakukan pekerjaannya dengan sebaik mungkin sehingga mereka yang masih hidup, yang sudah meninggal dunia, dan yang belum lahir tidak mampu melakukannya dengan lebih baik lagi. (Martin Luther King)
8	Nilai hidup harus diukur dengan garis yang lebih mulia, iaitu kerja dan bukannya usia. (Richard Brinsley Sheridan)
9	Di Microsoft, kami memberikan kuasa kepada pekerja melaksanakan dan menjadikan idea menjadi kenyataan. Sasaran kita boleh berubah, tetapi nilai tidak boleh berubah. (Steve Ballmer)
10	Selain rela untuk berkorban, kekuatan sesuatu bangsa bergantung juga pada kerelaan dan kecekapan untuk bekerja. (Soekarno)
11	Kerja dapat mendatangkan penghargaan kepada penghidupan. Seseorang yang bekerja harus yakin akan tujuan pekerjaannya itu. (Thomas Alva Edison)
12	Apa yang tuan lakukan sekiranya tuan dilantik menjadi Timbalan Presiden. “Saya pasti memperjuangkan kebajikan masyarakat walaupun saya mati ditembak kerana hal tersebut.” (Jack Hathaway)

FRASA MENARIK YANG BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MENULIS KARANGAN

- mendepani realiti baharu dunia yang pantas berubah dan berkembang
- mendukung kebenaran yang kita sepakat
- mengamalkan sikap dan perwatakan yang murni
- mengambil langkah sederhana
- menghirup udara hasil kemerdekaan
- mengikut acuan sendiri
- mengundang kontroversi
- menjadi cerucuk utama pembangunan
- menjulang negara ke puncak jagat
- menuntut setiap anak watan mengotakan aspirasi
- menyambut gamit-gamitan menara impian
- menyebabkan imej negara tercalar
- menyediakan kursus dan latihan yang relevan
- menyembunyikan masalah utama masyarakat
- mereka lebih cenderung kepada keseronokan dan berpelesiran
- mewujudkan masyarakat yang bermaklumat dan berpengetahuan
- milenium baru ini pasti sahaja sarat dengan muatan cabaran reformasi
- muafakat merupakan inti kepada perpaduan
- negara kita akan bersih daripada unsur sosial yang tidak sihat
- nilai keinsanan yang syumul
- nilai-nilai material semakin memberkas dan meluas dalam masyarakat
- pandangan pro dan kontra yang dipaparkan
- pelbagai cabaran yang bakal menghambat
- pelbagai masalah sosial sedang menghingapi masyarakat
- pembentukan masyarakat sakinat
- pembudayaan ilmu perlu dipupuk dan dibajai oleh generasi muda masa ini
- pendedahan oleh pihak media massa menghangatkan senario ini
- perlu dibaja kembali
- perubahan yang diharap masih belum menjelma
- petanda kehancuran generasi
- pewujudan masyarakat madani-propaganda negatif terhadap negara kita dapat ditepis
- kita perlu mengorak langkah
- kita tidak wajar hanya akur dengan arus yang songsang ini
- komitmen menyeluruh agensi yang terlibat
- kongkongan yang selama ini dianggap membelenggu
- Masalahnya, kita mahu memberi pendapat tetapi tidak rela dikritik
- makmur dari segi ekonomi tetapi muflis nilai kekeluargaan
- mampu mengadunkan satu kombinasi usaha yang cukup padu

- manifestasi kesanggupan bangsa
- manusia bukanlah 'haiwan robotik' yang tidak mempunyai rasa dan jiwa
- masa depan menjanjikan cabaran di luar jangkaan
- masalah putusanya komunikasi dan jurang generasi
- masalah sosial dan susila yang meruncing
- masih terbelenggu dengan cara berfikir yang sempit
- masyarakat yang naif dengan mata kebendaan yang melalaikan
- melangkah dengan seribu kekuatan
- melontarkan soalan yang cukup penting
- melupakan cita-cita yang lebih luhur
- membangunkan generasi yang berketerampilan, sahsiah mulia dan berilmu
- membebaskan mereka daripada belenggu kejahilan dan kegelapan
- membenam budaya hedonistik yang tidak berfaedah
- membetulkan kesalahan fakta
- membimbing mereka memenuhi impian
- membina impian masa depan yang lebih gemilang
- membongkar kepincangan
- membuktikan sensitiviti, kepekaan dan keprihatinan mereka
- mempengaruhi minda generasi muda
- mempertahankan perasaan saling bersefahaman
- mempertingkat dan memperteguh kefahaman
- mempraktikkan elemen tolak ansur
- memudaratkan kesejahteraan rakyat
- menabur bakti kepada mereka yang kurang beruntung
- menaburkan nilai kebendaan yang tidak bertahan lama
- menagih komitmen dan pengertian serius semua pihak
- menampilkan wajah baru yang disulami tekad
- menangkis tuduhan yang tidak berasas
- mencapai tahap yang mencemaskan
- mencerminkan dengan jelas akan hakikat ini
- mencerminkan generasi yang muflis dan tercabut daripada akar tradisinya
- mendapat perhatian dan liputan media massa
- mendepani masa depan yang tidak menentu

MUTIARA KATA : AKAL	
1	Teman manusia yang sebenar ialah akal dan musuhnya yang celaka adalah jahil (Sayidina Ali Abi Talib)
2	Apabila sempurna akal, kurang perkataan. (Sayidina Ali Abi Talib)
3	Sifat marah ialah musuh utama akal. (Sayidina Ali Abi Talib)
4	Lebih sedikit orang menggunakan akalnya, lebih banyak pula dia berkata-kata. (Sayidina Ali Abi Talib)
5	Dada orang yang berakal itu ialah peti rahsianya. (Sayidina Ali Abi Talib)
6	Manusia yang berakal ialah manusia yang suka menerima nasihat dan meminta nasihat. (Sayidina Umar al-Khattab)
7	Walau bagaimana alim pun seseorang itu dia tidak akan dapat manfaat daripada ilmunya selagi ilmunya tidak berpedomankan kepada akal. (Lukmanul Hakim)
8	Hairan melihat setiap hari orang menyisir rambutnya tetapi tidak pernah menyisir otaknya, memperkemaskan dadanya tetapi tidak mencuci hatinya, menggosok kasutnya tetapi tidak akalnya. (Hamka)

MUTIARA KATA : SEMANGAT	
1	Kurang semangat mengakibatkan lebih banyak kegagalan berbanding dengan kurangnya kebijaksanaan atau kemahiran. (Flower A. Newhouse)
2	Tanpa semangat tidak ada pekerjaan besar yang dapat dilakukan. (El Leseur)

1103/1

KERTAS 1

SET SOALAN

BAHAGIAN A

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan murid berkeperluan khas.

Berdasarkan maklumat tersebut, tulis sebuah karangan tentang **langkah-langkah untuk membantu murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah.**

Panjangnya karangan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

Semua sekolah mesra murid OKU pada tahun 2020

Putrajaya : Kementerian Pendidikan menyasarkan semua sekolah dinaik taraf dengan kemudahan orang kelainan upaya (OKU), menurut Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahadzir Khalid. Kementerian sendiri mengambil tanggungjawab menyediakan kemudahan mesra OKU di sekolah-sekolah baharu. Akan tetapi, kita memerlukan pihak swasta untuk mendapatkan pembiayaan.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) antara Kementerian Pendidikan dengan RHB Foundation mengenai kerjasama dalam penyediaan kemudahan mesra OKU di lima buah sektor sekitar Lembah Klang. Pembiayaan berjumlah RM500,000 itu antara lain melibatkan kemudahan tempat duduk, tandas, kawasan mengambil dan menurunkan murid.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Utusan Borneo Online, Februari 2017



BAHAGIAN B

[70 Markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 sehingga 500 patah perkataan.

1

Sikap peka dan mengambil tahu masalah jiran tetangga, kini dilihat semakin pudar dalam kalangan masyarakat negara ini. Sehubungan dengan itu, ibu bapa disarankan memainkan peranan penting dalam memupuk semangat kejiwaan dalam kalangan anak-anak mereka. Malahan, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor turut menegaskan bahawa peranan tersebut mampu mewujudkan masyarakat yang sentiasa membantu jiran dalam kesusahan, seterusnya mewujudkan komuniti yang sejahtera.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian Online, 14 Oktober 2017

Petikan di atas menyatakan bahawa ibu bapa berperanan penting dalam memupuk semangat kejiwaan dalam kalangan anak-anak.

Huraikan peranan tersebut.

2

E-dompet ialah aplikasi digital yang berfungsi seperti dompet fizikal iaitu menyimpan wang, kad debit, dan maklumat akaun bank. Pada penghujung tahun 2018, Bank Negara Malaysia telah mula mengeluarkan lesen penggunaan e-dompet. Semenjak itu, orang ramai gemar menjalankan urusan jual beli tanpa menggunakan wang secara fizikal kerana perkhidmatan yang pantas, segera dan mudah, urus niaga yang mempunyai rekod transaksi dan lebih selamat. Namun begitu, penggunaan e-dompet juga boleh menyebabkan pengguna sukar mengawal pembelian mereka.

Sumber: *Internet*

Petikan di atas menyatakan maklumat berkaitan dengan implikasi penggunaan e-dompet yang dalam kalangan masyarakat moden.

Bincangkan.

3

Kerjaya sebagai petani harus memiliki minda positif, keazaman yang kuat dan perlusentiasa peka dengan teknologi terbaharu berkaitan pertanian. Namun begitu, seseorang petani tidak dapat melangkah jauh dan berjaya sekiranya mengidamkan kejayaan mudah kerana bidang ini bukanlah kerjaya main-main atau hanya suka- suka.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian Online, 1 Julai, 2020

Petikan akhbar di atas menerangkan pertanian memberi jaminan masa depan yang cerahsekiranya diusahakan dengan bersungguh-sungguh.

Berdasarkan petikan akhbar di atas, huraikan ciri-ciri yang perlu dimiliki untuk menjadipetani yang berjaya pada masa hadapan.

4

Pada ketika ini, Malaysia hanya mempunyai kira-kira 30 peratus tenaga kerja mahir.Hal ini berkait rapat dengan jumlah institusi yang terbabit, bilangan pelajar dan tahap minat mereka serta tanggapan ibu bapa dan masyarakat terhadap Pendidikan Teknik dan Vokasional di negara ini. Kementerian Pendidikan berusaha menjadikanbidang teknik dan vokasional (TVET) sebagai pilihan utama pelajar memandangkankemahiran dan kepakaran tersebut amat diperlukan dalam usaha negara ini menjadisebuah negara maju.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Berita Harian Online,1 Julai, 2020

Petikan di atas menyatakan maklumat berkenaan Pendidikan Teknik dan Vokasional yang semakin penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju seperti negara Jerman, Jepun dan Korea.

Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan minat pelajar dalambidang teknik dan vokasional.

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A

[30 markah]

Soalan ini *mesti* dijawab.

Maklumat dan gambar di bawah ini memaparkan berkenaan e-sukan.
Huraikan pendapat anda berkenaan **kerjaya e-sukan**.

Panjang karangan anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.

Kerjaya sukan elektronik atau e-sukan semakin berkembang di negara ini malah berpotensi untuk menjadi karier yang mempunyai pendapatan lumayan dengan hanya bermain permainan secara kompetitif. Oleh itu, pihak kerajaan telah menyediakan pelbagai inisiatif dan program berkaitan sukan ini seperti menyediakan peruntukan mencecah RM20 juta setahun dalam Belanjawan Malaysia bagi tahun 2020 dan 2021.


Sumber : *Internet*

Festival E-Sukan Johor tawar hadiah terkumpul RM86,000

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH 10 Mac 2022, 3:10 pm



Fenomena luar biasa e-sukan memang tidak dapat disangkal lagi apabila muncul antara industri utama yang berkembang pesat sejak dua tahun lalu dan mendapat pengiktirafan di seluruh dunia.



BAHAGIAN B
[70 Markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 sehingga 500 patah perkataan.

- 1 Dengan mempelajari mata pelajaran Sejarah, generasi muda dapat memperoleh banyak pengajaran. Peristiwa Tanah Melayu dijajah dan ditindas oleh penjajah British memberi pengajaran kepada generasi muda supaya jangan terlalu mudah mempercayai orang asing. Oleh itu, generasi muda perlulah sentiasa ingat akan pengajaran tersebut dan tidak mengulanginya pada masa akan datang.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
Utusan Malaysia, 30 Mac 2020

Berdasarkan kandungan bahan di atas, setiap pelajar perlu mempelajari mata pelajaran Sejarah dengan bersungguh-sungguh.

Jelaskan langkah-langkah guru untuk menarik minat murid mempelajari mata pelajaran Sejarah.

2

Umum mengetahui bahawa golongan muda ialah pencetus kemajuan ekonomi negara pada masa hadapan, terutamanya dalam bidang perniagaan. Semasa negara dilanda pandemik COVID-19, pelbagai usaha telah dirancang untuk melahirkan generasi usahawan. Menjadi usahawan bukan sekadar membuka sebuah perniagaan tetapi usahawan juga mencipta peluang pekerjaan yang menyumbang pada pendedahan ilmu, idea dan teknologi baharu.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada
'Keusahawanan, mencipta peluang kerjaya untuk golongan muda'
oleh Norasmah Othman,
Dewan Siswa, Mei 2022

Anda bercita-cita untuk menjadi seorang usahawan.

Huraikan persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan sebelum menjadi usahawan.

3

Peradaban atau tamadun ialah keadaan masyarakat manusia yang dicirikan atau didasarkan pada taraf kemajuan kebendaan serta perkembangan pemikiran yang tinggi dari aspek bahasa, sosial, budaya, politik dan lain-lain. Melalui bahasa, masyarakat dalam tamadun dan antara tamadun dapat berkomunikasi, sekali gus melancarkan rutin kehidupan, kesefahaman dan penyatuan masyarakat.

Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada,
Bahasa Membentuk Ketamadunan Bahasa dan Negara
Dewan Bahasa, Bil.11 201

Berdasarkan petikan di atas, bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Huraikan kepentingan bahasa kebangsaan kepada golongan masyarakat.

4

Dewasa ini, kegiatan merokok dan "vape" semakin meningkat dalam kalangan remaja di negara ini. Kegilaan remaja terhadap aktiviti menghisap rokok dan "vape" amat ketara termasuklah dalam kalangan remaja perempuan. Tabiat ini perlu dihentikan kerana rokok yang diperbuat daripada bahan kimia boleh menyebabkan penyakit barah seperti barah paru-paru, lidah, dan kerongkong. Selain mencemarkan alam persekitaran, individu di sekeliling perokok yang menghidu asap rokok juga akan menanggung kesan buruknya.

Sumber : *Dewan Siswa*, Bil. 12/2017

Berdasarkan petikan di atas, terdapat pelbagai implikasi tabiat merokok dalam kalangan remaja.

Beri komen anda.

KERTAS SOALAN TAMAT

BAHAGIAN A [30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Iklan-iklan di bawah ini menunjukkan sebahagian daripada iklan kerja kosong.

Berdasarkan iklan-iklan yang diberikan, sediakan **resume diri** anda yang lengkap bagi permohonan **satu** pekerjaan yang anda minati.

Panjangnya resume anda hendaklah antara **150 hingga 200 patah perkataan**.



PELUANG KERJAYA

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut:

- ✓ Keterampilan yang baik;
- ✓ Semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan;
- ✓ Bakat kepimpinan;
- ✓ Ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan
- ✓ Kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.

IJAZAH

PENGAMBILAN KADET
PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
BAGI MENGIKUTI KURSUS DIPLOMA
PASCA SISWAZAH PENGURUSAN AWAM
SESI 2022



TENAGA NASIONAL
Better. Brighter.

IKLAN JAWATAN KOSONG DI TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)

Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun yang berkecualan bagi mengisi kekosongan jawatan di Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebagaimana berikut :

BIL	NAMA JAWATAN/GRED	KELAYAKAN	TARIKH TUTUP
1.	PROTÉGÉ Ready To Work TNB FASA 7 2022 - Elaun Saraan RM2,000.00 Sebulan - Manfaat Cuti Tahunan & Perubatan	Rujuk Iklan	15 Januari 2022



MR.D.I.Y.
Always Low Prices

JAWATAN KOSONG TERBUKA

1. Store Assistant
2. Cashier
3. Store Assistant
4. Promoter
5. Assistant Supervisor
6. Supervisor

KEKOSONGAN SELURUH NEGARA

portalmykerja.com

BAHAGIAN B
[70 Markah]

*Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 sehingga 500** patah perkataan.*

1.

Setiap bakal pekerja harus menerima hakikat bahawa era globalisasi pastinya membawa perubahan dalam aliran pemikiran. Majikan lebih cenderung untuk memilih dan memerlukan calon pekerja yang memiliki kepakaran serta pemahaman merangkumi pelbagai aspek kemahiran. Beberapa ciri penting perlu ada dalam diri iaitu jujur dan bermoral yang tinggi bagi melahirkan pekerja yang bermutu dan berkualiti.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
<https://www.bharian.com.my/bhplus->
Ciri pekerja pilihan majikan

Berdasarkan maklumat dalam bahan di atas, terdapat beberapa ciri penting yang perlu dimiliki pekerja untuk menjadi pilihan setiap majikan. Bersempena Minggu Bahasa Melayu yang telah dianjurkan di sekolah anda, anda dikehendaki menyertai pertandingan syarahan. Tajuk syarahan yang perlu anda persembahkan ialah “Ciri-ciri pekerja idaman setiap majikan”.

Tulis syarahan anda selengkapnya.

2.

"Belia Pemacu Negara", "Belia Aset Penting Negara" dan Belia Pewaris Masa Hadapan Dunia", merupakan antara cogan kata yang acap kali didengar dan dicipta khusus untuk mentakrifkan betapa pentingnya golongan belia terhadap pembangunan negara pada masa akan datang. Dalam hal ini, negara amat memerlukan tenaga dan sumbangan para belia dalam pembangunan negara seperti ekonomi, kesihatan, pendidikan dan sosial, sekaligus memenuhi aspirasi negara untuk setanding dengan negara maju yang lain pada peringkat dunia.

Sumber: *Dewan Bahasa*, Bil. 8 2019

Berdasarkan petikan di atas, apakah persediaan-persediaan yang perlu dilengkapi oleh golongan muda pada masa ini agar dapat menjadi belia yang menyumbang kepada pembangunan negara pada masa akan datang?

3.

"Warga Tua Teras Masyarakat"

Warga tua teras masyarakat hidup lama
Penuh jasa setia pada negara
Didik anak dan cucu
Ke arah matlamat kita
Lama sudah kau hidup teruji
Penuh ranjau dan rintangan
untuk kemerdekaan
Kitalah pewarisnya
Di dalam negara bertuah
Korban jiwa untuk keluarga
Masyarakat dan juga nusa
Bagai obor dan pelita
Berkhidmat, berbakti, berjuang
Di mana jua berada
Wahai anak bunga bangsaku
Hargailah jasa ibumu
Patuhilah pesan ayah
Titah kasihnya di junjung
Di mana jua berada....

Sumber : *Internet*

Dalam lirik lagu ini, kita diamanahkan supaya beradab dan menyayangi warga tua termasuklah emak, ayah, datuk, dan nenek. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka banyak berjasa kepada kita dan juga negara.

Bincangkan cara-cara yang dapat kita lakukan untuk menghargai, menghormati dan membalas jasa mereka.

4.

Industri kreatif berpotensi besar untuk dikembangkan sekali gus memberi sumbangan besar terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Sehubungan itu, kerajaan menyalurkan sebanyak RM10.93 juta bagi tujuan pembangunan industri kreatif yang telah membantu lebih daripada 900 penggiat dan usahawan daripada pelbagai cabang industri kreatif termasuk filem, muzik, seni reka, seni visual dan sastera bagi membolehkan penggiat menjana pendapatan.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
BERNAMA.com, 6 Ogos 2022

Petikan akhbar di atas menunjukkan usaha pihak kerajaan untuk memajukan industri kreatif negara lantaran kepentingan industri kreatif pada era moden ini sememangnya tidak boleh dipandang enteng. Pelbagai manfaat pasti diperoleh negara melalui industri kreatif ini.

Bincangkan.

KERTAS SOALAN TAMAT

MUTIARA KATA : MASA	
1	Waktu ialah penasihat yang paling bijaksana. (Pericles)
2	Istilah tidak ada masa bukan merupakan alasan yang jujur kerana pada dasarnya kita semua memiliki masa 24 jam setiap hari, yang perlu ditingkatkan ialah membahagikan masa dengan lebih cermat. (George Downing)
3	Seandainya saya punya waktu sebanyak lapan jam untuk menebang pokok, akan saya habiskan enam jam untuk mengasah kapak saya. (Abraham Lincoln)
4	Masa depan dibeli oleh masa sekarang. (Samuel Johnson)
5	Setiap jam dalam umur manusia itu ada gunanya. Justeru, masa yang sudah ditentukan bagi jam ini tidak akan didapati lagi pada jam yang lain seumur hidup kita. (WJ Brown)
6	Anda memerlukan lebih daripada 20 tahun untuk membina reputasi tetapi untuk memusnahkannya, anda hanya memerlukan masa lima minit. (Warren B.)

MUTIARA KATA : KEJAYAAN	
1	Orang yang berjaya dalam hidup ialah orang yang nampak tujuannya dengan jelas dan menjurus kepada tujuan itu tanpa menyimpang. (Cecil B. DeMille)
2	Kejayaan tidak datang kepada manusia yang leka. (Charles Cahier)
3	Kejayaan itu suatu perjalanan, bukan suatu tempat tujuan. Separuh daripada keseronokan itu diperoleh semasa kita menuju ke sana. (Gita Berlin)
4	Rahsia kejayaan ialah ketekalan matlamat. (Benjamin Disraeli)
5	Rahsia kejayaan adalah dengan mengetahui sesuatu yang orang lain tidak tahu. (Aristotle)
6	Percaya kepada diri sendiri adalah rahsia utama untuk mencapai kejayaan. (Ralph Wald Emerson)
7	Jalan kejayaan terletak pada dua kalimah; kerja kuat dan berhemat. (Benjamin Franklin)

1103/2
KERTAS 2
(CONTOH DAN
PANDUAN
PENANDAAN)

BAHASA MELAYU KERTAS 2

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : Morfologi

Soalan 2 : Sintaksis

Soalan 3 : Penyuntingan

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standar

Soalan 5 : Peribahasa

Soalan 1 : Morfologi

Membina Ayat

- Bina ayat berdasarkan arahan soalan yang berkaitan dengan petikan atau bahan yang diberi mengikut tema
- Panjang petikan atau bahan : antara 50 hingga 80 patah perkataan
- Bina ayat sendiri : tidak boleh mengambil ayat dalam petikan atau dalam keseluruhan kertas soalan.
- Jumlah ayat yang dibina bergantung pada arahan dalam soalan.
- Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan
- Bentuk skema pemarkahan : analitik

Tajuk penting

- 1) Struktur Kata
 - i) Kata asli Bahasa Melayu
 - ii) Kata pinjaman Bahasa Melayu
- 2) Bentuk Kata
 - i) Kata Tunggal
 - ii) Kata Terbitan
 - iii) Kata Ganda
 - iv) Kata Majmuk
 - v) Kata Akronim
- 3) Golongan Kata
 - i) Kata Nama
 - ii) Kata Kerja
 - iii) Kata Adjektif
 - iv) Kata Tugas
- 4) Kata yang bukan dalam bentuk leksikal tunggal
 - i) Pengimbuhan
 - ii) Penggandaan

Soalan 2 : Sintaksis

- Skop item / soalan : Susunan ayat, binaan ayat, ragam ayat (subjek - predikat, pola ayat, ayat susunan biasa - songsang, aktif - pasif, ajuk - pindah dll)
- Soalan terdapat dalam petikan dan mengikut tema.

- Panjang petikan atau bahan : antara 50 hingga 80 patah perkataan
- Jumlah soalan bergantung pada arahan dalam soalan.
- Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan
- Bentuk skema pemarkahan : analitik

Tajuk penting

- 1) Subjek dan Predikat
- 2) Jenis-jenis Ayat
 - i) Ayat Penyata
 - ii) Ayat Tanya
 - iii) Ayat Perintah
 - iv) Ayat Seruan
- 3) Ragam Ayat
 - i) Ayat Aktif
 - ii) Ayat Pasif
- 4) Susunan Ayat
 - i) Ayat Susunan Biasa
 - ii) Ayat Susunan Songsang
- 5) Binaan Ayat
 - i) Ayat Dasar
 - ii) Ayat Majmuk
 - iii) Ayat Terbitan
- 6) Penerbitan Ayat
 - i) Proses Pengguguran
 - ii) Proses Penyusunan Semula
 - iii) Proses Peluasan Ayat

Soalan 3 : Penyuntingan

- Soalan penyuntingan mengikut teks tunggal, teks bersambung atau teks pelbagai (petikan, dialog, iklan, kad ucapan dll)
- Panjang teks : antara 50 hingga 80 patah perkataan
- Jumlah kesalahan bahasa bergantung pada jumlah markah dalam soalan.
- Jenis kesalahan yang diuji : ejaan, imbuhan, tanda baca, istilah, frasa dll
- Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan
- Bentuk skema pemarkahan : analitik

Perkara yang disunting

- 1) Kesalahan Ejaan
- 2) Kesalahan Imbuhan
- 3) Kesalahan Bahasa
- 4) Kesalahan Istilah

Soalan 4 : Bahasa Melayu Standard

- Menukarkan bahan teks klasik atau lama kepada bahasa Melayu Moden/Standard
- Bahan diambil daripada teks Komsas Tingkatan 4 dan 5
- Panjang petikan atau bahan : antara 50 hingga 60 patah perkataan
- Calon tidak perlu mengubah bentuk dan maksud asal petikan/bahan (contoh : cakap ajuk tidak ditukar kepada cakap pindah)
- Bentuk skema pemarkahan : holistik
- Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan

Soalan 5 : Peribahasa

- Pelbagai bentuk - berdasarkan gambar situasi, karikatur, dialog, ilustrasi, petikan dan sebagainya
- Panjang petikan atau bahan : antara 50 hingga 80 patah perkataan
- Jumlah peribahasa bergantung pada arahan dalam soalan.
- Jumlah markah tidak tetap : bergantung pada kehendak soalan

Jenis-jenis peribahasa

- 1) Simpulan bahasa
- 2) Perumpamaan
- 3) Pepatah
- 4) Bidalan
- 5) Perbilangan
- 6) Kata-kata Hikmat

Tajuk penting

- 1) Memberi maksud peribahasa
- 2) Mengisi tempat kosong dengan peribahasa
- 3) Menyatakan peribahasa berdasarkan situasi
- 4) Menyatakan peribahasa berdasarkan maksud atau hampir sama maksud
- 5) Memberi peribahasa sama maksud atau hampir sama maksud
- 6) Memberi peribahasa yang berlawanan maksud

BAHAGIAN B – PEMAHAMAN : 3 SOALAN

Soalan 6 : Pemahaman Petikan Umum

Soalan 7 : Pemahaman Petikan Sastera

Soalan 8 : Pemahaman Novel

ASPEK UMUM

Soalan 6 : Petikan Umum

- Petikan soalan mengikut tema DSKP. Lebih daripada satu bahan akan diberikan (2 hingga 3 bahan)
- Panjang petikan antara 120 hingga 140 patah perkataan sahaja. Terkini 80 – 120 pp
- Bahan boleh terdiri daripada pelbagai bentuk (berita, rencana, jadual dan lain-lain) dan sumber (majalah, Internet, ensiklopedia dan lain-lain).
- Pecahan soalan tidak ditetapkan (3 atau 4 soalan) Cadangan pecahan soalan:
 - i. Maksud literal
 - ii. Beza banding semua bahan/pemindahan maklumat
 - iii. KBAT/pemikiran kritis
 - iv. KBAT/penyelesaian masalah

Soalan 7 : Pemahaman Petikan Sastera

- Bahan mesti berasaskan unsur karya kreatif sama ada daripada antalogi yang dipelajari di sekolah (KOMSAS tingkatan 4 atau 5) atau daripada sumber yang lain.
- Bahan mestilah pelbagai (cerpen, puisi moden atau tradisional, drama dan lain-lain)
- Semua bahan mesti berdasarkan tema yang sama mengikut DSKP.
- Panjang petikan antara 120 – 140 patah perkataan. Terkini 80 – 120 pp
- Pecahan soalan tidak ditetapkan (3 atau 4 soalan)
 - i. Maksud literal
 - ii. Beza banding semua bahan / pemindahan maklumat
 - iii. KBAT/ pemikiran kritis
 - iv. KBAT/ penyelesaian masalah
- **Tiada soalan elemen sastera.**

Soalan 8 : Pemahaman Novel

1. Dua soalan diuji
2. Markah keseluruhan (10 m): Kombinasi markah untuk soalan (i) dan (ii) tidak tetap
3. Markah bahasa:
 - Soalan (i) Tidak ada markah bahasa yang khusus, tetapi berdasarkan deskripsi pemarkahan
 - Soalan (ii) Markah bahasa : maksimum 2 markah secara holistik
4. Bentuk soalan:

Soalan 8 (i) : Pemahaman petikan novel (berdasarkan petikan sebuah novel daripada mana-mana novel 4 zon)

 - Panjang petikan antara 100 hingga 120 patah perkataan.
 - **Tiada unsur sastera**

Soalan 8 (ii) : Pemikiran kritis (berdasarkan novel yang dikaji mengikut zon)

- a. Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b. Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- c. Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d. Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- e. Tirani karya Beb Sabariah
- f. Silir Daksina, karya Nizar Parman
- g. Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- h. Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip

BAHAGIAN B : SOALAN PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagi kepada:

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8(ii) hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

Jawapan tepat mengikut konteks /isi cukup /ayat gramatis

Isi cukup/menyentuh semua bahan /relevan dengan tugasan/ayat gramatis

Isi cukup/relevan dengan tugasan /ayat gramatis (soalan KBAT)

BAHAGIAN C : RUMUSAN

Soalan 9

1. Panjang petikan tidak melebihi 300 patah perkataan.
2. Petikan berdasarkan bahan sumber yang mempunyai tidak kurang daripada dua fokus.
3. Bahan rumusan terdiri daripada sekurang-kurangnya dua bahan daripada sumber yang berbeza (contoh : petikan prosa, puisi, dan grafik) tetapi mempunyai tema yang sama.
4. Tugasan tidak dinyatakan dalam arahan soalan.
5. Calon perlu mengenal pasti **SEMUA** fokus yang terdapat dalam semua bahan.
6. Markah keseluruhan isi ialah **20 markah**.
7. (pendahuluan : 2 markah, isi : 16 markah, kesimpulan : 2 markah)
8. Calon perlu mengemukakan **8 isi lengkap** (Isi wajib diambil daripada setiap bahan dan menyentuh setiap fokus)
9. Markah bahasa dinilai secara **holistik 10 markah**.
10. (cemerlang 8-10, baik 5-7, sederhana 3-4, lemah 1-2)
11. Rumusan **tidak melebihi 120** patah perkataan
12. Kesimpulan perlu berdasarkan tema bahan.
13. Jawapan hendaklah ditulis dalam bentuk esei.

1103/2 SET BONUS

(PANDUAN MENJAWAB DAN MEMBERI MARKAH YANG TEPAT KERTAS 2)
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata nama terbitan berapitan Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap empat kata nama terbitan berapitan tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Harga bahan binaan yang semakin tinggi dijangka akan memberikan kesan langsung kepada kenaikan harga rumah sehingga 20 peratus, seterusnya menyebabkan harga purata rumah kediaman kekal tinggi dan di luar kemampuan rakyat. Hal ini berlaku kerana kontraktor juga terpaksa menyerap peningkatan kos pembinaan yang memberikan kesan negatif kepada keuntungan operasi mereka. Perkara ini sememangnya tidak dapat dielakkan sehingga memberikan kesan kepada pengguna akhir, iaitu rakyat.

Dipetik dan diubah suai daripada
Utusan Malaysia Online, 11 Jun 2022

[8 markah]

CONTOH JAWAPAN

NO	SOALAN 1: MORFOLOGI	MARKAH
1	CONTOH 1 kenaikan ✓ Bilangan pegawai akan ditambah dan kenaikan pangkat akan dimudahkan. ✓ #Nota : Berikan 1m bagi perkataan yang dikenal pasti yang tepat. Berikan 1m bagi ayat yang dibina tepat penggunaan perkataan yang dikenal pasti.	1 1
2	kediaman ✓ Setelah selesai majlis rumah terbuka, mereka pun pulang ke tempat kediaman masing-masing. ✓	1 1
3	sememangnya X Kami sememangnya berharap untuk sehidup semati. X #Nota : Jika perkataan yang dikenal pasti salah, maka ayat yang dibina tidak diberikan markah walaupun ayat yang dibina betul.	0 0
4	keuntungan ✓ Pergaduhan itu tidak memberi apa-apa keuntungan kepada kedua-dua pihak. ✓	1 1

NO	SOALAN 1 : MORFOLOGI	MARKAH
	CONTOH 2	
1.	Bilangan pegawai akan ditambah dan kenaikan pangkat akan dimudahkan.	0
2.	Setelah selesai majlis rumah terbuka, mereka pun pulang ke tempat kediaman masing-masing.	0
3.	Kerja-kerja pembinaan bangunan di tepi perumahan itu mengganggu ketenteraman.	0
4.	Pergaduhan itu tidak memberi apa-apa keuntungan kepada kedua-dua pihak.	0
	#Nota : Berikan 0m bagi contoh jawapan di atas. Jawapan ini tidak menyenaraikan kata imbuhan yang dikenal pasti daripada petikan. Ayat yang dibina tanpa menyenaraikan kata imbuhan berapitan daripada petikan, tidak akan mendapat sebarang markah walaupun ayat yang dibina tepat dan gramatis.	S1 = 0
		S1 = 6

NO	SOALAN 1 : MORFOLOGI	MARKAH
	CONTOH 3	
1.	Kata imbuhan berapitan	
i.	kenaikan ✓	1
ii.	kediaman ✓	1
iii.	pembinaan ✓	1
iv.	keuntungan ✓	1
i.	Ayat kenaikan ✓ Bilangan pegawai akan ditambah dan kenaikan pangkat akan dimudahkan. ✓	1
ii.	kediaman ✓ Setelah selesai majlis rumah terbuka, mereka pun pulang ke tempat kediaman masing-masing. ✓	1
iii.	pembinaan ✓ Kerja-kerja pembinaan bangunan <u>ditepi</u> perumahan itu mengganggu ketenteraman. ✓	1
	#Nota : Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.	

iv.	keuntungan ✓ Pergaduhan itu tidak memberi apa-apa keuntungan kepada kedua-dua pihak. ✓	1 8 – 1 = 7 S1 = 7
-----	---	----------------------------------

- 2 Berdasarkan petikan di bawah ini, kenal pasti dan tulis jenis-jenis ayat yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti yang berikut.

Ayat : _____
 Jenis : _____
 ayat

Adakah anda mempunyai pemimpin idaman?

Apakah ciri-ciri pemimpin idaman anda?

“Ya. Ciri-ciri pemimpin idaman saya ialah prihatin dan berjiwa rakyat. Sebagai peniaga gerai, saya amat bergantung harap pada pemimpin untuk menyelesaikan masalah peniaga kecil seperti kami. Tolonglah turun padang, berjumpa rakyat jelata seperti kami. Ambil tahu tentang keperluan kami.”

Dipetik dan diubahsuai daripada
 Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4
 Halaman 223
 Dewan Bahasa dan Pustaka
 [6 markah]

NO	SOALAN 2 : SINTAKSIS	MARKAH
	CONTOH 1	
i.	Ayat : Adakah anda mempunyai pemimpin idaman? ✓ Jenis Ayat : Ayat tanya ✓	1 1
ii.	Ayat : Sebagai peniaga gerai, saya amat bergantung harap pada pemimpin untuk menyelesaikan masalah peniaga kecil seperti kami. ✓ Jenis ayat : Ayat penyata ✓	1 1
iii.	Ayat : Tolonglah turun padang, berjumpa rakyat jelata seperti kami. ✓ Jenis ayat: Ayat perintah ✓	1 1 S2 = 6

NO	SOALAN 2 : SINTAKSIS	MARKAH
	CONTOH 2	
i.	Ayat : Adakah anda mempunyai pemimpin idaman?✓ Jenis Ayat : Ayat tanya ✓	1 1
ii.	Ayat : Sebagai peniaga gerai, saya amat bergantung harap pada pemimpin untuk menyelesaikan masalah peniaga kecil seperti kami. ✓ Jenis ayat : Ayat penyata ✓	1 1
iii.	Ayat : Tolonglah turun padang, berjumpa rakyat jelata seperti kami. X Jenis ayat: Ayat seruan X	0 0
		S2 = 4

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Bahan 1

Penganjuran sukan yang bertaraf antara bangsa akan mempromosikan negara kita. Setiap kejohanan yang dianjurkan biasanya diterbitkan secara langsung melalui siaran televisyen di seluruh dunia. Oleh yang demikian, rakyat negara lain yang juga peminat setia sesuatu jenis sukan boleh mengetahui berbagai keunikan dan keistimewaan negara kita. Selain daripada itu, pihak penganjur juga turut diadakan promosi untuk menarik kehadiran penonton.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bersama Tangani Bencana'
Utusan Malaysia,
24 Disember 2021

[5 markah]

Bahan 2



KEDAI SUKAN IKHSAN SDN. BHD.	
Kedai Sukan Ikhsan mempelawa warganegara yang berkelayakkan dan berumur tidak kurang daripada 21 tahun untuk memohon jawatan seperti berikut:	
Jawatan : Pemandu Kenderaan	<u>CARA MEMOHON</u> Pemohon yang menguasai syarat yang ditetapkan dan berminat boleh menghantar resume dan dokumen yang diperlukan ke alamat berikut: Pengurus, Kedai Sukan Ikhsan Sdn. Bhd. Jalan Taman Melati, 96350 Samariang, Kuching atau melalui e-mail: SukanIkhsan@gmail.com
Taraf jawatan : Sambilan	
Syarat lantikan : Sekurang-kurangnya memiliki kelulusan SPM atau kelulusan yang kerajaan iktiraf	
Tarikh tutup permohonan : 22 oktober 2022	
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: Cik Anisah : 019-9997788	

[6 markah]

NO	SOALAN 3 : PENYUNTINGAN	MARKAH
	CONTOH 1 3.1 (i) antara bangsa → antarabangsa✓ (ii) diterbitkan → disiarkan✓ (iii) berbagai → berbagai-bagai✓ (iv) keunikan → keunikan X (v) Selain daripada itu → Selain itu✓ (vi) diadakan → mengadakan #Nota, no (vi) tidak disemak walaupun jawapan tepat kerana melebihi kehendak markah. Jika kehendak markah 5, maka jawapan yang diterima ialah 5 yang paling atas. 3.2 (i) berkelayakkan → berkelayakan✓ (ii) menguasai → memenuhi✓ (iii) e-mail → e-mel✓ (iv) kerajaan iktiraf → diiktiraf oleh kerajaan✓ (v) oktober → Oktober✓ (vi) hubungi → hubungi✓	1 1 1 0 1 1 1 1 1 1 1 S3 = 10

NO	SOALAN 3 : PENYUNTINGAN	MARKAH
	CONTOH 2	
	Bahan 1	
	1. antara bangsa - antarabangsa✓	1
	2. diterbitkan - disiarkan✓	1
	3. berbagai - berbagai-bagai✓	1
	4. Selain daripada itu -Selain itu✓	1
	5. diadakan - mengadakan	1
	Bahan 2	
	1. berkelayakkan - berkelayakan✓	1
	2. menguasai - mempunyai✓	1
	3. e-mail - e-mel✓	1
	4. kerajaan iktiraf - diiktiraf oleh kerajaan✓	1
	5. oktober - Oktober✓	1
	6. hubung - hubungi✓	1
		S3 = 11

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu sebahagi. Maka yang sebahagi Laksamana ambil itu dibahagi tiga pula; yang sebahagi itu didermakan pada segala fakir miskin dan sebahagi lagi diberikan pada segala pegawai yang tiada penguasaan dan sebahagi diberikan pada segala orangnya. Maka segala harta itu pun habislah, suatu pun tiada diambil oleh Laksamana.

Dipetik daripada
'Kepimpinan Melalui Teladan'
dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[4 markah]

NO	SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD	MARKAH
4	CONTOH 1 Laksamana membahagikan kesemua harta itu kepada tiga bahagian dan diambilnya satu bahagian. ✓ Satu bahagian yang diambil oleh Laksamana itu kemudiannya dibahagikan lagi kepada tiga bahagian ✓ iaitu satu bahagian didermakan kepada fakir miskin, satu bahagian didermakan kepada pegawai yang tidak berjawatan dan satu bahagian lagi didermakan kepada pengikutnya. ✓ Semua harta yang diserahkan habis dibahagi dan didermakan sedangkan Laksamana tidak mengambil apa-apa harta. ✓ #Nota : Jawapan hendaklah mengikut urutan, isi lengkap dan ayat yang gramatis. Bahasa istana boleh dikekalkan. Kata penghubung ayat yang menggunakan bahasa klasik boleh digugurkan. Nama jawatan dalam bahasa klasik seeloknya diubah, tetapi jika tidak yakin dengan nama jawatan dalam bahasa standard, sebaiknya dikekalkan.	S4 = 4
4	CONTOH 2 Laksamana pun membahagi tiga, diambil oleh Laksamana harta itu satu bahagian. ✓ Satu bahagian yang diambil oleh Laksamana itu dibahagi pula kepada tiga bahagian; satu bahagian itu didermakan kepada semua fakir miskin ✓ dan satu bahagi lagi diberikan kepada semua pegawai yang <u>tidak ada kerja</u> X dan satu bahagian diberikan kepada semua <u>orangnya</u>. X Semua harta itu pun habis, satu pun tidak diambil oleh Laksamana. ✓ #Nota : frasa atau ayat yang salah ditafsir akan menjejaskan markah keseluruhan. Jawapan dinilai secara holistik.	S4 = 3

- 5 *Isi tempat kosong yang terdapat dalam perenggan di bawah dengan peribahasa yang sesuai.*

Sekolah merupakan institusi formal yang mampu melahirkan modal insan yang akan memajukan negara. Bagi mencapai matlamat ini, guru-guru hendaklah menjalin hubungan yang erat dengan murid-murid di samping bekerjasama (i)_____. Selain itu, mereka perlulah berusaha dengan gigih dan rajin untuk menempa kecemerlangan kerana (ii) _____. Sebagaimana yang kita ketahui, resipi kejayaan seseorang murid ialah permuafakatan antara guru dengan ibu bapa dalam melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi murid-murid dalam akademik. Apabila bermuafakat, sesuatu kejayaan mudah diperoleh kerana (iii) _____.

[6 markah]

NO	SOALAN 5 : PERIBAHASA	MARKAH
5	CONTOH 1 (i) bagai aur dengan tebing✓ (ii) jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya✓ (iii) bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat membawa berkat✓	S5 = 6
5	CONTOH 2 (i) seperti serumpun bak serai, sesusun bak sirih✓ (ii) jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya✓ (iii) muafakat membawa berkat ✓	S5 = 6

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Remaja yang masih di bangku sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT), mempunyai sumber pendapatan yang sangat terhad. Sumber utamanya daripada wang saku yang disediakan oleh ibu bapa atau penjaga, mungkin biasiswa yang disediakan oleh kerajaan atau institusi tertentu. Remaja perlulah bijak membeli barangan di tempat yang sesuai dan berbaloi seperti membeli barangan di kedai-kedai biasa bukannya di pusat beli - belah yang ternama. Semasa berbelanja juga, remaja hendaklah mengelakkan diri daripada membeli barangan kehendak seperti barangan berjenama yang sudah tentu mahal harganya.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Kewangan Remaja Berbelanja atau Menyimpan'
oleh Noor Azam Abdul Rahman,
Dewan Siswa Bil.3/2017

Bahan 2

Remaja yang cekap mengurus kewangannya tidak akan dibelenggu dengan masalah kekurangan wang saku jika mereka menggunakan wang dengan bijak. Remaja jangan terjebak dalam perbelanjaan yang tidak berkepentingan, seperti membeli barangan mewah kerana mengikut rakan sebaya. Selain itu, remaja juga hendaklah menghindarkan diri daripada terlalu terpengaruh oleh trend semasa iaitu membeli barangan yang bersifat popular sementara. Apabila tiba masanya, barangan tersebut sudah tidak sesuai lagi digunakan. Sikap membeli secara semberono dan mengikut hawa nafsu ini hanya akan *menjerat remaja* dalam kancah hutang.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Pengurusan Kewangan Remaja'
oleh Noraziah Mohd. Amin,
Dewan Siswa Bil.3/2017

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *menjerat remaja* [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2** nyatakan persamaan dan perbezaan cara perbelanjaan yang bijak dalam kalangan remaja. [3 markah]

- (iii) Remaja harus bijak merancang perbelanjaan sendiri demi memastikan keadaan kewangan masa depan yang kukuh.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan-kebaikan yang akan diperoleh sekiranya remaja bijak merancang kewangan mereka?

[3 markah]

- (iv) Anda melanjutkan pelajaran di sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang terkenal di Malaysia. Lokasi IPT tersebut berada di kawasan bandar besar. Sebagai pelajar semester dua, anda dan beberapa rakan lain terpaksa menyewa rumah di kawasan berhampiran IPT. Jika tinggal di luar, kos kehidupan anda dan rakan-rakan lain akan meningkat.

Berikan cadangan yang anda boleh ambil bagi menjimatkan kos perbelanjaan dalam kehidupan seharian.

[4 markah]

NO	SOALAN 6 : PEMAHAMAN UMUM	MARKAH
6 i)	CONTOH 1 Maksud rangkai kata menjerat remaja ialah memerangkap golongan muda✓	2
ii)	Persamaan cara remaja berbelanja dalam Bahan 1 dan Bahan 2 ialah semasa berbelanja, remaja hendaklah mengelakkan diri daripada membeli barangan kehendak✓ B1&B2P1 seperti barangan berjenama yang sudah tentu mahal harganya atau remaja jangan terjebak dalam perbelanjaan yang tidak berkepentingan,✓ B1&B2P2 seperti membeli barangan mewah kerana mengikut rakan sebaya. Perbezaannya pula, dalam Bahan 1, remaja perlulah bijak membeli barangan di tempat yang sesuai dan berbaloi✓ B1P1 seperti membeli barangan di kedai-kedai biasa bukannya di pusat beli - belah yang ternama, manakala dalam Bahan 2, remaja hendaklah menghindarkan diri daripada terlalu terpengaruh oleh trend semasa✓ B2P1 iaitu membeli barangan yang bersifat popular sementara.	
iii)	Kebaikan-kebaikan yang akan diperoleh sekiranya remaja bijak merancang kewangan mereka termasuklah ada duit sebagai simpanan masa depan✓ P1 untuk menampung pembelajaran. Selain itu, remaja juga ada duit untuk membeli barangan yang diimpikan. ✓ P2 Di samping itu, remaja ada duit untuk membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh ibu bapa. ✓ P3 Akhir sekali, remaja yang bijak merancang akan ada duit untuk membeli hadiah istimewa ibu bapa dan ahli keluarga. ✓ P4	3
	Cadangan yang boleh saya ambil bagi menjimatkan kos perbelanjaan dalam kehidupan seharian ialah saya akan mencadangkan kami menyewa rumah yang murah dan dekat dengan IPT supaya kami tidak perlu menanggung kos minyak dan sewa bulanan yang tinggi.✓ P1	3

iv)	Selain itu, saya akan mencadangkan kami makan di rumah atau membawa bekal ke IPT untuk mengelakkan kami berbelanja lebih untuk membeli makanan di luar.√P2 Seterusnya saya akan membuat kerja sambil ketika tidak mempunyai kuliah atau kelas untuk menambah sumber kewangan saya.√P3 Akhir sekali, saya akan membasuh pakaian di rumah dan tidak akan menghantar pakaian saya di kedai dobi untuk dicuci.√P4	4 S6 = 12
-----	---	--------------

NO	SOALAN 6 : PEMAHAMAN UMUM	MARKAH
	CONTOH 2	
6 i)	Maksud rangkai kata menjerat remaja ialah menjerat golongan muda.√	1
ii)	Persamaan cara remaja berbelanja dalam kedua-dua bahan ialah semasa berbelanja, remaja hendaklah mengelakkan diri daripada membeli barangan kehendak√B1&B2P1 Perbezaannya pula, remaja perlulah bijak membeli barangan di tempat yang sesuai dan berbaloi√B1P1 manakala dalam Bahan 2, remaja hendaklah menghindarkan diri daripada terlalu terpengaruh oleh trend semasa.√B2P1	3
iii)	Kebaikan-kebaikan yang akan diperoleh sekiranya remaja bijak merancang kewangan mereka termasuklah ada duit sebagai simpanan masa depan.√P1 Di samping itu, remaja ada duit untuk membantu meringankan beban kewangan.√P3	3
iv)	Cadangan yang boleh saya ambil bagi menjimatkan kos perbelanjaan dalam kehidupan seharian ialah saya akan mencadangkan kami makan di rumah atau membawa bekal ke IPT.√P2 Seterusnya saya akan membuat kerja sambil ketika tidak mempunyai kuliah atau kelas untuk menambah sumber kewangan saya. √P3	3
		S6 = 10

NO	SOALAN 6 : PEMAHAMAN UMUM	MARKAH
	CONTOH 3	
6 i)	Maksud rangkai kata menjerat remaja ialah memerangkap remaja.√	1
ii)	Perbezaan cara remaja berbelanja dalam bahan 1 ialah remaja perlulah bijak membeli barangan di tempat yang sesuai dan berbaloi√B1P1 manakala dalam Bahan 2, remaja hendaklah	

	menghindarkan diri daripada terlalu terpengaruh oleh trend semasa. √B2P1	2
iii)	Kebaikan-kebaikan yang akan diperoleh sekiranya remaja bijak merancang kewangan mereka termasuklah ada duit sebagai simpanan masa depan. √P1	2
iv)	Cadangan yang boleh saya ambil bagi menjimatkan kos perbelanjaan dalam kehidupan seharian ialah saya akan makan sekali sehari. X	0 S6 = 5

8 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Para wartawan mengerumuni Haikal dan rakan-rakannya menanyakan perkara yang menjadi inti pati dan inspirasi pemuda berusia 18 tahun itu untuk menjadi penyelamat negara. Haikal dengan selamba memberitahu bahawa semangat kepahlawanan Dol Said yang mengalir dalam dirinya menjadi faktor kejayaannya menyelamatkan negara. Seterusnya, Haikal digelar 'Prof. Dol' kerana kebijaksanaannya menemukan penawar tersebut dengan bertunjangkan semangat pahlawan Dol Said. Keempat empat rakan Haikal turut diberikan pengiktirafan oleh kerajaan.

Dol Said menasihatkan para pemuda supaya jangan membelakangkan sejarah yang menjadi tunjang keagungan bangsa. Dia juga meminta bangsa Malaysia bersatu padu dan berdiri tegak di bawah pemimpin semasa. Haikal menyanjung sumbangan Dol Said dan turut menghayati perjuangan pemimpin-pemimpin negara yang terpaksa mengharungi pelbagai liku cabaran dalam tugas mereka demi menjaga keamanan negara dan ketenteraman bangsa Malaysia.

Dipetik daripada cerpen 'Prof. Dol'
oleh Nur Hamisha Mohamed Bakarudeen
Dewan Siswa, April 2021

Bahan 2

PANTUN SEJARAH

Teruna melangkah ke pekan Pakuh,
Bersama teman menjerat pekaka;
Ilmu sejarah terpahat kukuh,
Buat pedoman pada hari muka.

Berbaju Melayu panjangnya lengan,
Tampak ceria berobjek buah;
Sejarah Melayu dilupa jangan,
Agar belia tegak bermaruah.

Bahan 3

Bangkitlah Anakku

Termenung mengenang sejarah lalu
masa keris dan lembing
tak dapat membenteng kemaraan
orang-orang Portugis
menghujani kota Melaka dengan peluru
dan memaksa sultan lari ke hulu.

Belajar dari sejarah wahai anakku!
yang mengajar kita keberanian pejuang dahulu
berani bertempur tanpa mengira musuh
berani menentang biar nyawa jadi taruhan.

Wahai anakku!
sejarah itu kenangan silam yang penuh iktibar
jadilah panduan masa mendatang
hargailah tokoh pejuang
tanpa mereka tiadalah kebebasan
tanpa mereka tiadalah kemajuan
yang kau kecapai sekarang.

Ayuh bangkitlah anakku
jangan dibiarkan lenam berpanjangan.

Kasnurin Huda

Dewan Siswa, Bil 3/2018

(i) Berdasarkan **Bahan 3** , mengapakah Haikal digelar Prof. Dol? [2 markah]

(ii) Dengan merujuk **semua bahan**, nyatakan kepentingan mempelajari sejarah. [4 markah]

(iii) Kebanyakan murid pada hari ini kurang berminat untuk mempelajari mata pelajaran Sejarah walaupun prasyarat layak memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ialah lulus dalam mata pelajaran tersebut.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca seseorang murid tidak berminat dengan mata pelajaran tersebut?

[3 markah]

(iv) Ketika anda mengunjungi salah satu tempat bersejarah, anda mendapati tempat tersebut terbiar dan dipenuhi sampah sarap. Situasi ini amat mengecewakan anda kerana kawasan tersebut berpotensi untuk menjadi destinasi pelancongan.

Sebagai seorang yang bertanggungjawab, cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

[4 markah]

NO	SOALAN 7 : PEMAHAMAN PETIKAN SASTERA	MARKAH
7 i)	CONTOH 1 Berdasarkan Bahan 1, Haikal digelar Prof. Dol kebijaksanaannya menemukan penawar tersebut dengan bertunjangkan semangat pahlawan Dol Said. ✓	2
ii)	Berdasarkan setiap bahan, kepentingan mempelajari sejarah adalah sebagai panduan masa mendatang ✓ B1P2 Selain itu mempelajari sejarah penting buat pedoman di hari muka.,. ✓ B2P1 Seterusnya, kepentingan mempelajari sejarah menjadi tunjang keagungan bangsa ✓ B3P1	4
iii)	Punca-punca seseorang murid tidak berminat dengan mata pelajaran sejarah adalah disebabkan kaedah pengajaran yang membosankan. ✓ P1 Selain itu, murid tidak berminat dengan mata pelajaran sejarah kerana buku teks Sejarah kurang menarik untuk dibaca. . ✓ P2 Seterusnya, kesukaran murid untuk menghafal fakta yang banyak dalam mata pelajaran sejarah juga menjadi punca murid tidak berminat belajar sejarah. . ✓ P5	3
iv)	Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah tempat bersejarah yang terbiar dan dipenuhi sampah sarap adalah	

	dengan melaporkan masalah tersebut kepada pihak berkuasa. ✓P3 Selain itu, mencadangkan pihak berkuasa mengadakan gotong-royong. ✓P1 Di samping itu, langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah tersebut adalah dengan mencadangkan tempat tersebut dijadikan kawasan pelancongan. ✓P4	3 S7 = 12
7 i)	CONTOH 2 Berdasarkan Bahan 1, Haikal digelar Prof. Dol kebijaksanaannya menemukan penawar tersebut dengan bertunjangkan semangat pahlawan Dol Said. ✓	2
ii)	Berdasarkan setiap bahan, kepentingan mempelajari sejarah adalah untuk menghargai tokoh pejuang ✓B1P3 dan sebagai panduan masa mendatang ✓B1P2 Selain itu, kepentingan mempelajari sejarah menjadi tunjang keagungan bangsa. ✓B3P1 #Nota : Isi cukup 3 dan jika diambil dari semua bahan, maka calon layak diberi 4m. Jawapan hendaklah dari semua bahan. Jika tiga isi semua tepat, tetapi tidak dipetik dari semua bahan, maka isi yang diterima ialah 2 isi.	3
iii)	Punca-punca seseorang murid tidak berminat dengan mata pelajaran sejarah adalah disebabkan kaedah pengajaran yang membosankan. ✓P1 Selain itu, murid tidak berminat dengan mata pelajaran sejarah kerana kaedah pengajaran yang tidak kreatif. ✓P1(U) #Nota : Isi cukup 2 dan layak diberi 3m. Jika isi berulang, dianggap masih 1 isi. Jawapan ini dianggap 1 isi dan tidak mendapat markah penuh kerana kurang 1 isi.	2
iv)	Langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah tempat bersejarah yang terbiar dan dipenuhi sampah sarap adalah dengan mencadangkan pihak berkuasa memasang kamera litar tertutup (CCTV). ✓P6 Selain itu, untuk mengatasi masalah tersebut adalah dengan cara menularkan di media massa. ✓P7	3 S7 = 10

8 *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Kini, Raiha hanya mampu mengeluh resah di ruang kondominium mewahnya itu. Agak lama dia terseret dalam menungannya. Dia memikirkan kepentingan para pesakit yang datang dengan harapan yang tinggi menggunung di pusat rawatan itu. Tentang sikap Doktor Uwang daripada seorang yang mesra telah berubah dingin kepadanya. Tentang layanan kasar Felicia terhadap ibu tua Unong Siron tempoh hari. Kemudian, tentang beberapa aduan atau rungutan yang diterima daripada ahli keluarga para pesakit Doktor Uwang. Ahli keluarga segelintir pesakit yang terdiri daripada golongan masyarakat kelas menengah bawah itu. Aduan dan rungutan yang kerap menusuk jiwanya, belakangan ini.

Akhirnya, sesuatu yang dilihat tapi tidak dinampak itu, biarpun masih kelam, sudah mula menunjukkan diri kini.

Dipetik daripada novel *Pantai Kasih*,
karya Azmah Nordin
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah yang difikirkan oleh Doktor Raiha semasa berada di kondominium mewahnya?

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Tirani karya Beb Sabariah
- (f) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Songket Berbenang emas karya Khairuddin Ayip

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat dijadikan contoh kepada pembaca.

[6 markah]

NO	SOALAN 8 : NOVEL	MARKAH
8	CONTOH 2	
i.	Perkara yang difikirkan oleh Doktor Raiha semasa berada di kondominium mewahnya ialah Doktor Raiha memikirkan Sikap Doktor Uwang daripada seorang yang mesra telah berubah dingin kepadanya. ✓P1 Selain itu, Doktor Raiha juga memikirkan layanan kasar Felicia terhadap ibu tua Unong Siron tempoh hari. ✓P2 Seterusnya Doktor Raiha turut memikirkan beberapa aduan atau rungutan yang diterima daripada ahli keluarga para pesakit Doktor Uwang. ✓P3	4
ii.	Berdasarkan sebuah novel yang saya kaji iaitu Silir Daksina karya Nizar Parman, terdapat beberapa peristiwa yang dapat dijadikan contoh kepada pembaca. Peristiwa pertama ialah peristiwa Umi, Waliq dan Asiyah datang menyaksikan persembahan tarian zapin. ✓P1 Peristiwa ini dapat dijadikan contoh agar kita sentiasa menyokong hasrat ahli keluarga yang lain walaupun mempunyai fikiran yang berbeza. ✓A1 Peristiwa kedua ialah peristiwa Haiqal Hakimi mencari surau untuk menunaikan solat subuh. ✓P2 Peristiwa ini menjadi contoh kepada pembaca agar melaksanakan perintah-Nya iaitu menunaikan solat di mana-mana jua berada. ✓A2	I = 4 B = 2 = 6 6+4 S8 = 10

NO	SOALAN 8 : NOVEL	MARKAH
8	CONTOH 3	
i.	Perkara yang difikirkan oleh Doktor Raiha semasa berada di kondominium mewah ialah Doktor Raiha memikirkan Sikap Doktor Uwang daripada seorang yang mesra telah berubah dingin kepadanya. √P1 Selain itu, Doktor Raiha juga memikirkan layanan kasar Felicia terhadap ibu tua Unong Siron tempoh hari. √P2 Seterusnya Doktor Raiha turut memikirkan beberapa aduan atau rungutan yang diterima daripada ahli keluarga para pesakit Doktor Uwang. √P3	
ii.	Berdasarkan sebuah novel yang saya kaji iaitu Silir Daksina karya Nizar Parman, terdapat beberapa peristiwa yang dapat dijadikan contoh kepada pembaca. Peristiwa pertama ialah peristiwa seorang ibu kepada anak lelaki bersama suaminya dan anak tirinya datang menyaksikan persembahan tarian zapin. X Peristiwa ini dapat dijadikan contoh agar kita sentiasa menyokong hasrat ahli keluarga yang lain walaupun mempunyai fikiran yang berbeza. X (TIADA NAMA WATAK) Peristiwa kedua ialah peristiwa seorang anak muda lelaki yang mencari surau untuk menunaikan solat subuh. X Peristiwa ini menjadi contoh kepada pembaca agar melaksanakan perintah-Nya iaitu menunaikan solat di mana-mana jua berada. X (TIADA NAMA WATAK) #Nota : Jika tiada nama watak, walaupun peristiwa dan alasan tepat, tidak diterima dan tidak mendapat markah. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.	4 I = 0 B = 1 = 1 4+1 S8 = 5

NO	SOALAN 8 : NOVEL	MARKAH
8	CONTOH 4	
i.	Perkara yang difikirkan oleh Doktor Raiha semasa berada di kondominium mewahnya ialah Doktor Raiha memikirkan Sikap Doktor Uwang daripada seorang yang mesra telah berubah dingin kepadanya. ✓P1 Seterusnya Doktor Raiha turut memikirkan beberapa aduan atau rungutan yang diterima daripada ahli keluarga para pesakit Doktor Uwang. ✓P3 #Nota : Isi cukup 3. Jawapan ini hanya ada 2 isi dan tidak mendapat markah penuh kerana kurang 1 isi.	3
ii.	Berdasarkan sebuah novel yang saya kaji iaitu Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor, terdapat beberapa peristiwa yang dapat dijadikan contoh kepada pembaca. Peristiwa pertama ialah peristiwa Azraai memasang 'retinal scanner' dan intercom di rumah Farisha yang bersambung ke rumahnya. ✓P1 Hal ini menunjukkan bahawa Azraai sangat mengambil berat perihal keselamatan adiknya. Peristiwa kedua ialah peristiwa Farisha menerima tawaran daripada Aqram mengenai projek di Soft Lab. ✓P2 Pada permulaan, Farisha dan rakan kerjanya, Rosman sangat terkejut apabila telah diberikan tawaran bekerja di Soft Lab sebanyak RM 1.5 Juta. Farisha tidak terburu-buru dan dia berbincang dengan abangnya dahulu sebelum mengambil tindakan. Hal ini dikatakan demikian kerana Farisha ingin memperoleh nasihat dan dorongan. #Nota : Setiap peristiwa mesti disertakan alasan untuk memperoleh markah penuh (2m). Jika ada peristiwa dan ada huraian, diterima sebagai 1m.	I = 2 B = 2 = 4 3+4 S8 = 7

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Dahulu, kegiatan menghabiskan masa dengan bermain permainan komputer atau telefon pintar akan dianggap tidak mendatangkan manfaat, satu hobi yang membuang masa dan melalaikan. Kini, siapa sangka dengan bermain permainan komputer atau telefon pintar menjadi wadah baharu bagi golongan muda untuk berekreasi sehingga mampu menjanakan pendapatan yang lumayan? Di Malaysia, e-sukan merupakan antara bidang sukan yang baharu dan sedang berkembang. Namun begitu, sukan ini sudah bermula sejak tahun 1970-an lagi dan pertama kali diadakan di Stanford University, Amerika Syarikat.

E-sukan memberikan banyak manfaat kepada pemainnya, khususnya mereka yang menjadikan sukan ini sebagai kerjaya. Ganjaran lumayan bakal menanti pemain e-sukan yang berjaya merangkul kejayaan. Sebagai contoh Kejohanan ESL One Genting Dota 2 di Genting Hinglands pada tahun 2017 menawarkan hadiah berjumlah RM1.12 juta. Selain menawarkan hadiah lumayan kepada pemain e-sukan juga memberi faedah kepada sesebuah negara melalui penganjuran pertandingan bertaraf antarabangsa. Kedatangan peminat e-sukan dapat meningkatkan kunjungan pelancong ke Malaysia kerana e-sukan mempunyai daya tarikan tersendiri yang boleh meningkatkan lagi sektor pelancongan negara.

Keprihatinan kerajaan terhadap perkembangan e-sukan jelas menunjukkan bahawa sukan tersebut mempunyai potensi untuk memartabatkan nama negara pada persada antarabangsa seiring dengan sukan-sukan yang lain. Kementerian Belia dan Sukan turut berhasrat menjadikan Malaysia sebagai hab e-sukan di Asia, sekali gus membuka peluang pekerjaan kepada anak muda terutama dalam bidang pengkomputeran. Untuk melahirkan atlet e-sukan yang profesional, e-sukan boleh dijadikan salah satu subjek dalam pembelajaran di sekolah ataupun peringkat pengajian tinggi, memandangkan e-sukan didominasi dan diminati oleh golongan muda. Di samping itu, tenaga pengajar yang arif dalam e-sukan perlu ditempatkan di setiap sekolah atau universiti yang menawarkan subjek e-sukan. Oleh itu, satu kursus baharu perlu diwujudkan pada peringkat universiti. Persepsi negatif terhadap individu yang meminati permainan komputer atau telefon pintar seharusnya diubah. Hal ini dikatakan demikian kerana tidak mustahil suatu hari nanti mereka bakal mengharumkan nama negara melalui e-sukan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'E-Sukan Alternatif Baharu untuk Berekreasi'
oleh Zulfiqar Mohd Yusof,
Dewan Siswa, Bil 3 2019

Bahan 2



Sumber: Internet

NO	SOALAN 9 : RUMUSAN	MARKAH
9	CONTOH 1 Rumusan membincangkan usaha-usaha memajukan sukan elektronik di negara kita dan manfaat sukan elektronik kepada pemain. $\sqrt{P=2}$ Pertama sekali, kerajaan memperuntukkan RM20 juta untuk menganjurkan kejohanan e-sukan di peringkat kebangsaan. $\sqrt{B1=2}$ Selain itu, kerajaan memperuntukkan RM5 juta bagi membina pusat kecemerlangan sukan dron. $\sqrt{B2=2}$ Seterusnya, kerajaan mengadakan kerjasama dengan Taiwan atau negara-negara lain. $\sqrt{B3=2}$ Di samping itu, Kementerian Belia dan Sukan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai hab e-sukan di Asia. $\sqrt{A1=2}$ Manfaat e-sukan adalah untuk menjana pendapatan yang lumayan. $\sqrt{C2=2}$ Selain itu, e-sukan sebagai wadah baharu bagi golongan muda berekreasi $\sqrt{C1=2}$ dan e-sukan dapat dijadikan sebagai kerjaya. $\sqrt{C3=2}$ Seterusnya, e-sukan dapat meningkatkan sektor pelancongan negara $\sqrt{C5=2}$ di samping memartabatkan nama negara pada persada dunia. $\sqrt{C6=2}$ Kesimpulannya, e-sukan haruslah dimajukan agar industri ini dapat berkembang ke peringkat antarabangsa. $\sqrt{K=2}$ (104 patah perkataan)	$P=2$ $A1=2$ $B1=2$ $B2=2$ $B3=2$ $C1=2$ $C2=2$ $C3=2$ $C5=2$ $C6=2$ 18 (Max = 16) $K=2$ $I = 20$ $B = 10$ 30/30
9	CONTOH 2 Rumusan membincangkan faedah sukan elektronik kepada pemain dan usaha-usaha memajukan sukan elektronik di negara kita. $\sqrt{P=2}$ Faedah e-sukan adalah sebagai wadah baharu bagi golongan muda berekreasi $\sqrt{C1=2}$ dan e-sukan dapat dijadikan sebagai kerjaya. $\sqrt{C3=2}$ Selain itu, e-sukan untuk menjana pendapatan yang lumayan. $\sqrt{C2=2}$ Seterusnya, e-sukan dapat meningkatkan sektor pelancongan negara $\sqrt{C5=2}$ di samping memartabatkan nama negara pada persada dunia. $\sqrt{C6=2}$ Antara usaha untuk memajukan e-sukan termasuklah kerajaan menganjurkan kejohanan e-sukan di peringkat kebangsaan dengan peruntukan RM20 juta. $\sqrt{B1=2}$ Selain itu, kerajaan memperuntukkan RM5 juta bagi membina pusat kecemerlangan sukan dron. $\sqrt{B2=2}$ Seterusnya, kerajaan mengadakan kerjasama dengan Taiwan atau negara-negara lain. $\sqrt{B3=2}$	$P=2$ $A-TJ$ $B1=2$ $B2=2$ $B3=2$ $C1=2$ $C2=2$ $C3=2$ $C5=2$ $C6=2$ 16 (16-2=14)

	Kesimpulannya, semua pihak hendaklah memajukan e-sukan agar industri ini dapat berkembang ke peringkat antarabangsa. X K=0 (102 patah perkataan) #Nota : Jika satu fokus/satu bahan tiada dalam jawapan, walaupun isi mendapat markah penuh, 2m ditolak daripada keseluruhan idea. Calon hendaklah mengemukakan isi daripada semua bahan dan semua fokus. Dalam perenggan kesimpulan, jangan menggunakan rangkai kata “semua pihak”. Jika ingin menggunakan nama pihak, pastikan betul-betul pihak yang spesifik dalam bahan digunakan. Penutup yang baik hendaklah ada gabungan TEMA+CADANGAN+HARAPAN	K=0 I = 16 B = 8 24/30
9	CONTOH 3 Rumusan membincangkan kebaikan sukan elektronik kepada pemain √P=1 dan usaha-usaha keluarga Malaysia bantuan rakyat. X #Nota : Dalam pendahuluan, hanya ada 1 tema yang tepat akan diterima. Jika tema salah, maka fokus tidak diterima walaupun fokus tepat. Antara kebaikan e-sukan adalah sebagai wadah baharu bagi golongan muda berekreasi √C1=2 dan e-sukan dapat dijadikan sebagai kerjaya. √C3=2 Selain itu, e-sukan untuk menjana pendapatan yang lumayan. √C2=2 Seterusnya, e-sukan dapat meningkatkan sektor pelancongan negara √C5=2 di samping memartabatkan nama negara pada persada dunia. √C6=2 Antara usaha keluarga Malaysia bantuan rakyat termasuklah kerajaan menganjurkan kejohanan e-sukan di peringkat kebangsaan dengan peruntukan RM20 juta. X Selain itu, kerajaan memperuntukkan RM5 juta bagi membina pusat kecemerlangan sukan dron. √B2=2 Seterusnya, kerajaan mengadakan kerjasama dengan Taiwan atau negara-negara lain. √B3=2 #Nota : Isi satu tidak diterima kerana salah tema walaupun fokus tepat. Isi berikutnya diterima seperti biasa. Kesimpulannya, kerajaan hendaklah memajukan e-sukan. K=1 (102 patah perkataan)	P=1 A-TJ B1=0 B2=2 B3=2 C1=2 C2=2 C3=2 C5=2 C6=2 14 (14-2=12) K=1 I = 14 B = 8 24/30

1103/2
KERTAS 2
SET SOALAN

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

11

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata terbitan awalan**. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap **empat kata terbitan awalan** tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Obesiti didefinisikan sebagai kegemukan yang disebabkan oleh lemak yang berlebihan. Penyakit ini menjadi punca kematian kedua tertinggi di Malaysia selepas penyakit jantung. Hal ini dikatakan demikian kerana rakyat Malaysia gemar menghabiskan masa dengan menggunakan telefon pintar berbanding dengan beriadah. Pengambilan makanan seperti kekacang dan minuman ringan secara berlebihan juga boleh menyebabkan kolesterol meningkat dan kencing manis. Oleh itu, kita haruslah mengelakkan perkara ini daripada terus berlaku kerana mencegah lebih baik daripada mengubati.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Obesiti di Manakah Silapnya?'
oleh Ayu Indasarai Razali,
Dewan Siswa Bil 6/2019

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah, kemudian bina **tiga ayat tanya** yang lengkap dengan menggunakan ayat yang bergaris.*

Festival Perahu Naga Antarabangsa Pulau Pinang merupakan sebahagian daripada warisan budaya masyarakat Cina dalam negara kita sejak 39 tahun lalu. Acara tahunan ini menarik ribuan penduduk, pelancong dan peserta dari seluruh dunia. Perlumbaan ini menarik jumlah penyertaan yang tinggi dari pelbagai negara kerana menawarkan hadiah yang lumayan. Peserta dari luar negara juga tertarik dengan keunikan budaya masyarakat Cina di Malaysia. Festival ini diadakan pada bulan Mei setiap tahun. Festival ini juga dimasukkan dalam kalender pelancongan Negeri Pulau Pinang. Juragan setiap perahu berteriakan sambil memukul gendang untuk menaikkan semangat pendayung.

Dipetik dan diubah suai daripada
"Bermulanya Pesta Perahu Naga dan Kuih Bak Chang"
Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia,
Kuala Lumpur, hlm 119-200

[6 markah]

- 3 Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.

Bahan 1



Bayangkan anda sedang menikmati makan malam di tepi sungai. Cahaya lampu dan gemerlap bintang di langit menemani anda. Tenang dan nyaman. Sese kali bot yang dipenuhi pelancung menyusuri sungai.

Beberapa orang kanak-kanak yang berada di dalam bot melambaikan tangan kepada anda. Anda membalas lambaian mereka dengan senyuman.

Restoran kami menyediakan masakan panas dan barat yang memenuhi selera dan bajet anda.

HUBUNGAN

No. Telefon
678-555-0103

Laman Sesawang
[www.http://dzarmsrestoran.com](http://dzarmsrestoran.com)

E-mail:
Dzarmsrestoran@yahoo.com

JOM MENJAMU SELERA DI

D'ZARM RESTORAN

Menu



Mee [semua jenis masakan]



Roti Canai dan Murtabak



Lasagna



Beraneka jenis lauk pauk

[7 markah]

Bahan 2

 Aturcara Majlis Perasmian Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro (MAHA 2018) 22 November 2018	
8:30 pagi	Ketibaan Tetamu Jemputan, Peladang, Penternak dan Nelayan
9:15 pagi	Ketibaan YB Datuk Salahuddin Ayub Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani
9:30 pagi	Ketibaan YAB Tun Dr Mahathir Mohammad, Perdana Menteri Malaysia Lagu Negaraku Bacaan doa Bacaan Ikrar Peladang, Penternak dan Nelayan Ucapan aluan YB Datuk Salahuddin Ayub Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Ucapan Perasmi YAB Tun Dr Mahathir Mohammad, Perdana Menteri Malaysia Gimmik Perasmian Penyampaian Anugerah Pertandingan Peladang, Penternak dan Nelayan Sidang Media melawat ke gerai Pameran, Promosi dan Jualan Jamuan makan

[4 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka kata Bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini menghadap baginda mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan.” Genap tiga hari Seri Amerta berkata itu, maka barulah disahuti oleh Tun Perak, katanya, “Hai Seri Amerta, tuan hamba dengan pedang tuan hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik tuan hamba peliharakan, jangan diberi berkarat, jangan kemakanan matanya. Akan pekerjaan kami orang bekerja ini, di mana tuan hamba tahu?

Dipetik daripada
‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 5 *Dialog di bawah mengandungi beberapa peribahasa. Senaraikan **dua** peribahasa sahaja, kemudian **berikan maksud** peribahasa tersebut.*

Mateen : Solehin, kongsi kanlah pengalaman kamu semasa melancong ke negeri Sabah.

Solehin : Sabah sebuah negeri yang mempunyai pelbagai jenis etnik dan kaum. Saya boleh melihat kepelbagaian budaya serta keunikan adat resam mereka. Inilah yang dikatakan jauh perjalanan, luas pemandangan, banyak pengalaman.

Mateen : Wah, menarik sungguh saya turut teruja mendengarnya!

Solehin : Semasa berada di sana, kami sekeluarga diundang untuk menghadiri majlis perkahwinan salah seorang penduduk di Kampung Benoni, Papar. Mereka masih mengekalkan amalan bergotong-royong. Semua bekerja bagai aur dengan tebing. Amalan ini perlu diterapkan kepada penduduk bandar khususnya.

Mateen : Benar, penduduk di bandar pada ketika ini sudah hilang sifat kebersamaan. Sepatutnya kita masih berpegang pada prinsip ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semuanya.

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Peratusan jumlah tenaga mahir di Malaysia sangat rendah, iaitu hanya 28 peratus berbanding dengan Finland yang mempunyai 100 peratus pekerja mahir, manakala Jerman sudah mencapai 80 peratus. Di negara ini, bidang kemahiran tidak pernah dipinggirkan oleh pihak kerajaan. Pelibatan kerajaan Malaysia secara aktif dalam membangunkan program latihan teknikal dan vokasional *secara berterusan* sebagai usaha bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja yang berkemahiran melalui penubuhan beberapa institusi latihan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berjaya dari segi pertukangan, pembinaan, pendawaian elektrik, dan bidang lain yang berkaitan. Bidang kemahiran merupakan ‘tempat khas’ bagi mereka yang kurang berminat dalam akademik supaya golongan ini mempunyai pilihan untuk memajukan diri mereka meskipun tidak memiliki kelulusan tinggi.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Ayuh Perkasakan Bidang Kemahiran!’

oleh Samat Buang,
Dewan Siswa Bil. 9/2018

Bahan 2

Tun Musa Hitam, Pengerusi Yayasan Forum Ekonomi Islam Dunia, berpendapat bahawa keusahawanan sosial mampu mengubah landskap ekonomi, sekali gus merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan golongan miskin serta penduduk bandar dengan luar bandar. Maka itu, pendedahan pendidikan keusahawanan sosial kepada generasi muda mampu mewujudkan nilai tambah dari segi sikap berdaya saing, berinovasi dan kreatif. Bidang keusahawanan sosial ini juga berupaya mengubah sikap para generasi muda, daripada tidak mengambil berat tentang isu sosial kepada individu yang cakna terhadap masalah yang dihadapi masyarakat sekeliling. Hal ini dikatakan demikian kerana bidang ini dapat menjadikan mereka individu yang memahami masalah sosial, seterusnya mencari formula untuk menyelesaikan masalah tersebut melalui keusahawanan sosial.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Perkasakan Bidang Keusahawanan Sosial’

oleh Hafiz Latiff,
Dewan Siswa Bil. 7/2019

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *secara berterusan*.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **semua bahan**, kemukakan beberapa manfaat generasi muda menyertai bidang kemahiran dan bidang keusahawanan sosial.
[3 markah]
- (iii) Kadar pengangguran di negara kita terutamanya dalam kalangan rakyat yang berpendidikan tinggi amat membimbangkan dan semakin meningkat dari setahun ke setahun.
Pada pendapat anda, apakah punca-punca berlakunya pengangguran dalam kalangan siswazah?
[4 markah]
- (iv) Rakan anda baru menamatkan pengajian dalam bidang perniagaan dan ingin membuka sebuah syarikat yang berkonsepkan perniagaan dalam talian. Namun, dia menghadapi masalah dengan ibu bapanya yang tidak menyokong hasratnya itu sebaliknya menyarankan agar dia memohon pekerjaan sebagai penjawat awam yang bergaji tetap. Situasi ini menyebabkan rakan anda menghadapi tekanan.

Sebagai seorang rakan yang prihatin, nyatakan cadangan-cadangan yang dapat anda berikan kepada rakan anda supaya dia dapat meneruskan hasratnya itu.
[4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Menabur Benih Integriti

Integriti,
tertabur keringat menukang hasrat
terlaksana perlakuan seikhlas tulus
tertib akur kualiti terpuji
walau pada saat bersendiria
tanpa sesiapa penyaksi pemerhati.

Menekuni integriti
cabaran terhebat kita hadapi
puing-puing cabaran menyelina di benak hati
antara laba mewah lupa diri
atau semurni budi mithali pekerti.

Kita yang meminggirkan amanah
mengundang parah maruah dan harga diri
visi dan misi hanyut pada nikmat duniawi
kepalsuan ikrar hancurlah seluruh jati diri.
Apalah makna dan buruan keadilan
malah agendanya kelelasan tanpa nafas
ketika hukum hanya tegak pada perasuah
membeli kehidupan dengan kepura-puraan.

Ayuh anak-anak bangsa
ayuh pelaksana amanah tunjang negara
genggam erat jiwa kita
pasakkan ajaran agama menebal rohani di dada
ke medan perang tak perlu angkat senjata
Cukup rasuah dan ketamakan tidak dianggap biasa.

Sesungguhnya
integriti terkuat jati diri
merekayasa keperibadian terpuji
di pundak kepimpinan yang bebas korupsi
di situlah tegak masa depan pertiwi.

Dipetik daripada sajak
‘Tunas Muda’
oleh Wan Azlida Wan Muda,
Dewan Bahasa dan Pustaka Bil 11, 2020

Bahan 2

Jam menunjukkan pukul 10 malam. Azli dan Adilah yang berusia 15 dan 13 tahun sudah tidur. Aina si manis berusia 17 tahun itu pula sedang belajar. Emak mereka keluar bekerja. Jika masuk syif malam, esoklah baharu emak balik. Aina masuk ke bilik selepas memberitahu ada sedikit makanan untuk Nan di dapur.

Nan makan dengan senyap. Benaknya terisi pelbagai perkara. Dia teringat ayah. Entah di mana ayah kini sejak meninggalkan mereka hampir 10 tahun lalu. Sejak ayah pergi, emak menyara keluarga dengan bekerja di kilang komputer. Sedikit demi sedikit emak bangkit daripada kesedihan. Malah selepas mereka berpindah ke pangsapuri ini, emak semakin tenang walaupun kian pendiam.

Dipetik daripada
'cerpen Manusia Suci'
oleh Salina Ibrahim,
Dewan Siswa, Bil 9/2018

- (i) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh individu dalam mengharungi kehidupan.

[3 markah]

- (ii) Sejarah dunia membuktikan bahawa banyak negara yang runtuh kerana pemerintahnya tidak amanah dan mengamalkan rasuah dalam pentadbirannya.

Pada pendapat anda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan masyarakat sanggup memberi dan menerima rasuah.

[5 markah]

- (iii) Anda merupakan seorang pegawai penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang berintegriti. Pada suatu hari semasa anda sedang menjalankan tugas memeriksa lesen pemandu kenderaan, seorang pemandu cuba memberi anda sejumlah wang untuk mengelak dirinya daripada disaman kerana cukai jalan kenderaannya sudah tamat tempoh.

Sebagai seorang penjawat awam yang jujur dan ikhlas menjalankan tugas, apakah tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk mengelak daripada menerima wang tersebut.

[4 markah]

8 *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Sebenarnya apabila teringat akan Ai Ling, aku akan teringat akan Aiman juga. Mereka seusia, cuma Aiman tua sehari sahaja daripada Ai Ling. Melihatkan Ai Ling, terubat juga rinduku terhadap Aiman. Telatah Ai Ling terus bermain-main di matak. Anak bongsu Tauke Lim itu bukan sahaja periang, malah manja.

Kopi O yang telah kubancuh tadi kini kuhirup. Kebelakangan ini payah benar matak hendak lelap. Lantaran itu, aku hanya duduk di anjung rumah. Kadang-kadang aku menandai pelbagai buku latihan anak-anak didikku ataupun aku juga menulis rancangan pelajaran dalam buku rekod mengajarku. Kadang-kadang aku akan bersembang dengan Tauke Lim. Kadang-kadang pula aku menulis puisi atau cerpen. Malam yang hening benar-benar mendamaikan. Ilham adakalanya datang seperti hujan lebat yang turun menyirami bumi. Namun, adakalanya ilham seperti memerah kain kering.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*,
karya Nizar Parman,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Nyatakan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh 'aku' ketika sukar tidur.

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua peristiwa** yang memberi kesedaran kepada pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Sudah lebih enam dekad rakyat Malaysia melaungkan kata azimat “Merdeka”, dengan pelbagai tema dan acara sebagai tanda menyerlahkan kecintaan terhadap negara. Namun begitu, semangat patriotik dalam kalangan remaja dikatakan semakin pudar. Jika remaja pada hari ini tidak mempunyai jati diri yang teguh dan ampuh, bayangkan apakah yang akan terjadi kepada bangsa dan tanah air kita pada 20 tahun akan datang? Sehubungan dengan itu, remaja pada hari ini hendaklah didedahkan tentang sejarah tanah air dan bangsa bagi memupuk semangat patriotik dalam diri. Keadaan ini penting dalam melahirkan masyarakat yang lebih mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan kaum.

Selain itu, golongan remaja khususnya generasi pascamerdeka perlu sentiasa disedarkan pemikiran mereka supaya tidak bersikap selesa dengan kemakmuran yang dikecapi. Jika tidak, mereka akan terus hanyut dan terlupa jati diri. Kemerdekaan bagi mereka tiada erti dan nilainya. Sebagai rakyat yang cinta akan negara, remaja seharusnya mempertahankan Malaysia daripada sebarang ancaman sama ada daripada dalaman mahupun luaran. Lebih-lebih lagi, Malaysia merupakan tempat mereka dilahirkan, bertatih ketika kecil, bersekolah dan membesar. Dengan wujudnya semangat cinta akan negara dalam kalangan remaja, negara pasti akan terus berada dalam keadaan aman dan damai.

Tanpa perjuangan nasionalis yang terdahulu, negara kita tidak akan merdeka dan terus dijajah. Oleh itu, golongan remaja sewajarnya menghayati semangat kemerdekaan dan menghargai perjalanan berliku yang dilalui pejuang terdahulu. Lantaran itu, generasi muda yang mempunyai semangat patriotik yang tinggi tidak akan melibatkan diri dengan perkara negatif seperti gejala sosial dan vandalisme. Langkah memupuk semangat patriotik yang lain ialah remaja mestilah belajar bersungguh-sungguh sehingga mampu memberikan sumbangan kepada negara agar setanding dengan negara negara maju. Konsep ini kita dapat lihat di negara-negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan. Keadaan ini mampu membentuk masyarakat yang berdaya saing. Oleh itu, kesedaran tentang pentingnya semangat patriotik dalam kalangan remaja perlu terus bersemarak walaupun negara sudah sekian lama mengecapi kemerdekaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Saya Sayang Malaysia’
oleh Samat Buang,
Dewan Siswa, Ogos 2020.

Bahan 2



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata hubung pancangan**. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang anda pilih tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Putrajaya – Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), memandang serius aspek keselamatan murid terhadap status pengoperasian sekolah mengikut fasa negeri masing-masing **yang** bermula pada 3 Oktober 2021. Pihak KPM sentiasa mengutamakan keselamatan murid dan mengambil kira kebimbangan ibu bapa **jika** berlaku kes COVID-19 **semasa** pengoperasian sekolah. Hal ini dikatakan demikian **kerana** pengoperasian sekolah secara bersemuka adalah perlu **untuk** memastikan anak-anak tidak terus berjauhan daripada sistem pendidikan.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'KPM Peka terhadap Keselamatan Murid dan Kebimbangan Ibu Bapa'
oleh Shakira Khairudin,
Dewan Masyarakat Jendela DBP, 12 September 2021.

[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, kenal pasti dan tulis **subjek dan predikat** yang lengkap bagi **tiga ayat** yang anda pilih seperti berikut.*

Subjek : _____
Predikat : _____

Malaysia merupakan antara penyumbang kepada peningkatan jumlah sisa plastik didunia. Sifat plastik yang tahan lama dan mudah didapati menjadikan plastik pilihan utama dalam sektor industri. Peningkatan pengeluaran plastik dunia disebabkan permintaan yang tinggi dalam penggunaan bahan tersebut telah mencetuskan fenomena mikroplastik. Ada hidupan laut yang mati akibat terperangkap dalam sisa plastik. Hidupan laut yang tercemar memberikan kesan serius dalam sistem pencernaan manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada
Mikroplastik Ancam Kita dan Hidupan Marin
Oleh Mazni Mat Zin, Dewan Kosmik, Ogos 2021

[6 markah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Bahan 1

Hutan ialah arkib alam sekitar semula jadi yang tidak ternilai pada bumi dengan kewujudannya memerlukan tempoh beratus-ratus tahun. Hutan dapat membantu kestabilan iklim global dengan menyerap karbon dioksida yang merupakan gas rumah hijau utama. Hutan dianggap seperti "span" gergasi yang bertindak untuk menyerap hujan bagi tujuan mencegah banjir dan membekalkan air bersih untuk kegunaan harian. Hutan dapat menghasilkan sumber yang berharga, seperti tumbuhan kayu, getah, ubatan tradisional sehinggalah tumbuhan yang digunakan sebagai penawar penyakit kanser. Oleh yang demikian, perlindungan hutan secara dikekalkan amat penting bagi kelestarian hidupan di Bumi.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Ekonomi Hijau Pasaran global dan keseimbangan ekosistem hutan'
oleh Mohd. Izwar dan Azharizan Mohd. Norizan
Dewan Kosmik, Januari 2020

[5 markah]

Bahan 2

Alam sekitar merupakan tempat tinggal bagi flora dan fauna. Kedua-duanya memainkan peranan bagi mengekalkan alam semula jadi dan setiap satunya mempunyai rantaian yang mengikat di antara satu sama lain. Kepupusan satu daripadanya akan menjejaskan ekosistem dan teknologi alam semula jadi akan terganggu. Penerbangan hutan yang tidak terancang menyebabkan cuaca menjadi panas dan kering. Oleh kerana banyak pokok ditumbangkan, pelbagai jenis-jenis haiwan bergerak ke kawasan baharu untuk mencari tempat kehidupan jika tidak dibendung. Akhirnya fenomena ini diakibatkan kepupusan haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Melestarikan Alam Sekitar'
oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
Tinta Minda, Jun 2020

[6 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Hatta, maka pada sekali peristiwa Seri Nara Diraja duduk di balai, dihadap orang banyak. Maka Tun Nina Madi pun lalu, disuruh naik duduk dekat, lalu diribanya oleh Seri Nara Diraja. Maka kata Seri Nara Diraja pada segala orang yang duduk itu, “Tahukah tuan hamba sekalian bahawa ia ini anak hamba?” Maka sembah segala orang banyak itu, “Sahaya semua tahu juga; oleh tuanku tiada mengaku, sahaya semua takut mengatakan dia anak tuanku.”

Dipetik daripada
‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 5 *Isi tempat kosong yang terdapat dalam perenggan di bawah dengan peribahasa yang sesuai.*

Aktiviti sukan seperti berjoging bukan lagi sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat. Walaupun aktiviti berjoging agak memenatkan namun, aktiviti ini sudah menjadi rutin harian dan kebiasaan bagi sesetengah individu kerana _____. Pada masa ini, masyarakat sudah cakna dan peka akan kepentingan penjagaan kesihatan. Banyak kebaikan yang diperoleh daripada aktiviti berjoging. Antaranya dapat mengurangkan penyakit kardiovaskular dan melancarkan aliran darah dalam tubuh kita. Selain tu, sebagai seorang murid apabila badan kita sihat, kita juga akan mudah fokus dan senang untuk menimba ilmu, bak peribahasa _____.

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Presiden Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia, Datuk Michael Kang, berkata akan berlaku peningkatan ketara adaptasi digital dalam kalangan PKS pasca penularan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perniagaan normal baharu ini memerlukan PKS mengubah minda mereka kepada digital kerana perniagaan tradisional tidak akan berkesan lagi.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mahu kerajaan mempercepat proses pendigitalan masyarakat sebagai langkah adaptasi kepada normal baharu pada masa depan, pasca penularan wabak COVID-19. Oleh itu, PKS perlu membudayakan perniagaan secara digital kerana selain mengurangkan kos operasi dengan bilangan pekerja yang sedikit, produktiviti syarikat juga dapat ditingkatkan. Kelebihan lain ialah perniagaan secara dalam talian menggunakan wang tunai berbanding kaedah tradisional yang memberikan hutang sehingga tiga bulan kepada peniaga. Hal ini menjamin aliran tunai syarikat. Hal ini bermakna pelanggan harus membayar secara dalam talian terlebih dahulu sebelum produk yang ditempah dihantar kepada mereka.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Cara Berniaga Berubah Pasca COVID 19'
oleh Hazwan Faisal Mohamad,
Berita Harian Online, 27 April 2020

Bahan 2

KUALA LUMPUR: Permintaan tinggi terhadap perkhidmatan penghantaran makanan telah membantu perniagaan restoran mendapat keuntungan walaupun negara kini dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac hingga 31 Mac, susulan wabak COVID-19. Beberapa pemilik restoran nasi kandar terkenal di Pulau Pinang menyifatkan medium perniagaan menerusi perkhidmatan penghantaran makanan seperti *Food Panda*, *Grab Food* dan *Delivery Eat* membantu perniagaan masing-masing *berjalan lancar*. Makanan yang dijual diiklankan menerusi *Facebook*, *WhatsApp* serta aplikasi media sosial yang lain. Perniagaan secara dalam talian ini memudahkan peniaga mencari pelanggan dan tidak memerlukan bilangan pekerja yang ramai. Keadaan ini akan mengurangkan kos operasi peniaga.

Sementara itu, Pengarah Urusan *Food Panda* Malaysia Sayantan Das berkata syarikat itu beroperasi seperti biasa semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan akan melaksanakan penghantaran tanpa sentuh. Menurut beliau, pusat penghantar mereka menyediakan pencuci tangan pembasmi kuman dan penutup hidung dan mulut kepada

penghantar, katanya sambil menambah pelanggan dan penghantar makanan boleh memilih untuk penghantaran tanpa sentuh apabila membuat pesanan serta pembayaran secara dalam talian.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Khidmat Penghantaran Bantu Pengusaha Restoran'
Berita Harian Online 21 Mac 2020

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *berjalan lancar*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah persamaan kelebihan perniagaan secara dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan pandemik COVID-19.
[3 markah]
- (iii) Berdasarkan perenggan pertama dalam **Bahan 1**, Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) mengubah strategi perniagaan mereka kepada digital kerana perniagaan tradisional tidak akan berkesan lagi.
Pada pendapat anda, apakah keburukan-keburukan perniagaan secara dalam talian kepada pembeli?
[4 markah]
- (iv) Ayah anda telah ditamatkan perkhidmatan apabila kilang tempatnya bekerja ditutup susulan pandemik Covid-19. Walaupun ayah anda telah diberikan wang pampasan tetapi jumlah tersebut tidak dapat menampung perbelanjaan keluarga anda untuk jangka masa yang panjang.
Sebagai anak yang prihatin, cadangkan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh ayah anda untuk menambah pendapatan keluarga semasa pandemik COVID-19.
[4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sang Gembala Kuda

Dia lelaki bergelar perkasa
dengan cemeti keberanian di tangan
rembat angkuhnya memacu takut
menghalau kuda-kuda di padang
berebutan memburu kandang.

Rumput dan jerami terhidang
adalah kanun janji kesetiaan
dimamah rakus kala lapar
tak peduli nasib diri setelah kenyang
jadi tunggangan memburu rakan.

Dia lelaki punya kuasa
sesekali suaranya lebih gempita
daripada ringkik kuda sekandang
pacuannya diiring seribu keberanian
meredah onak di rimba perburuan
meranduk lumpur di paya penindasan
sambil melibas cemeti durjana
dia melempar muslihat
aku penyelamat maruah
berjuang atas dasar kebenaran
menentang semua kebobrokan.

Dia lelaki sang gembala kuda
hanya mengenal pantas tunggangan
tanpa membaca keletihannya
dia lelaki sang gembala kuda
hanya tahu mengejar kehebatan
tanpa menghitung kesakitannya
dan kuda-kuda itu ditunggangi
ditunggangi dan ditunggangi!

Dipetik daripada sajak '*Sang Gembala Kuda*'
oleh Mohd Hashim Othman,
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2

Sebenarnya, duitku cuma tinggal USD70 selepas aku membeli jaket kulit kijang (aku mengetahui jenisnya setelah Encik Yuksel meneliti jaket tersebut). Aku memandang jaket yang kini terletak di atas katil. Aku hanya membayar USD100 kepada Shahmeem. Dia mengurangkan USD20 daripada harga pasaran gelap sebagai tanda terhutang budi.

Aku tidak nampak praktikalnya jaket itu untuk kegunaan harian di Malaysia. Memakainya pasti akan membuat diri berasa panas dalam cuaca terik di tanah air. Jika keluar negara, jaket itu cuma sesuai dipakai pada musim sejuk.

Menjaganya pasti memerlukan kerapian. Tidak boleh dibasuh. Tidak boleh dilipat sembarangan. Walaupun harganya mahal, jaket kulit bukannya sesuatu yang tahan lasak. Kainnya mudah carik dan jika koyak, tidak dapat dijahit dengan benang.

Lebih penting lagi, seekor atau lebih daripada seekor kijang telah dibunuh untuk mendapatkan sehelai jaket kulit. Sebab itu, tidak ada jaket kulit yang murah. Harganya mahal disebabkan ada nyawa yang terpaksa dikorbankan! Aku merasakan bahawa jaket kulit sebenarnya lambang kemegahan dan kemewahan. Jaket kulit itu seperti lambang pendewaan dan pemujaan diri.

Dipetik daripada cerpen '*Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*'
oleh Maskiah Haji Masrom,
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *tanpa membaca keletihannya*.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2** bagaimanakah haiwan dianiayai?
[3 markah]
- (iii) Haiwan peliharaan umpama kawan kepada kita.
Pada pendapat anda, apakah kebaikan seseorang mempunyai haiwan peliharaan yang disukai?
[3 markah]
- (iv) Anda terdengar bunyi seekor kucing apabila anda dan rakan-rakan sedang berjalan menuju ke arah rumah dari sekolah. Anda ternampak seekor kucing berada di dalam longkang dan badan kucing tersebut sangat kotor. Anda juga perasan kucing tersebut menggigil kelaparan.
Sebagai seorang remaja yang menyayangi haiwan, apakah tindakan yang boleh anda lakukan?
[4 markah]

8 *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

(i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Farisha, kehadiran kamu di sini atas permintaan Karl. Dia perlukan kepintaran kamu untuk menyelamatkan Dinara. Dia tidak mampu melakukannya sendiri. Dinara dibangunkan oleh Karl dan Medina. Jadi, apabila Dinara mengalami masalah besar sebegini, dia tidak mampu menanganinya sendirian," kata-kata Dr. Maxi yang penuh kejujuran bergema di bilik itu.

Tidak semena-mena Medina ketawa berdekah-dekah sehingga keluar air mata. Dia menjulang kedua-dua tangannya tinggi di udara tanda meraikan kemenangannya sekali lagi.

"Ah, akhirnya kau mengaku kalah juga Karl!" Medina menuding ke arah Shida yang hanya mampu duduk terkaku di kerusi. "Hari ini satu dunia akan tahu kehebatan aku!" tempik Medina dengan sombong.

Dipetik daripada novel *Di Sebalik Dinara*,
karya Dayang Noor
Kementerian Pendidikan Malaysia

Mengapakah Medina ketawa berdekah-dekah sehingga keluar air matanya?

[4 markah]

(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Tirani karya Beb Sabariah
- (f) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Songket Berbenang emas karya Khairuddin Ayip

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang menggambarkan kasih sayang dalam kalangan masyarakatnya.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Pada hari ini, kehidupan kita dihiasi dengan pelbagai elemen seni. Contohnya pakaian kita yang direka dan dipakai setiap hari, drama yang dipertontonkan dari masa ke masa dan lagu yang bergema di corong radio merupakan antara cabang seni yang sentiasa berlegar-legar di sekeliling kita. Hal ini jelas menunjukkan bahawa seni ialah bidang yang sangat luas dan mampu menjana ekonomi sekiranya diasah dengan betul. Bagi memperkasakan bidang seni, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Sekolah Seni Malaysia Malaysia (SSeM) kerana memahami pentingnya pengetahuan seni dalam kehidupan seharian kita. Di Sekolah Seni Malaysia, fokus pendidikan masih mengekalkan mata pelajaran wajib yang perlu dipelajari oleh murid aliran perdana, di samping menambah beberapa mata pelajaran seni yang menjurus kepada Seni Visual dan Seni Persembahan. Dalam bidang Seni Visual, murid dapat menghasilkan karya yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri.

Di samping itu, Seni Persembahan pula terbahagi kepada tiga iaitu seni muzik, seni tari dan seni teater, kesemua seni persembahan ini dapat menghasilkan karya yang bervariasi dalam mewujudkan satu persembahan yang lebih harmoni. Pengkarya seni boleh menghasilkan karya tersebut secara berasingan atau menggabung jalin ketiga-tiga elemen tersebut dalam sebuah persembahan teater muzikal melalui koreografi tari atau konsert muzik yang mempunyai sketsa dan tarian untuk menunjukkan identiti seseorang pengkarya. Hal ini demikian kerana bakat dan kebolehan seseorang individu itu adalah berbeza. Justeru, bidang ini mampu menjadi platform untuk murid mengembangkan bakat untuk tatapan penggemar hasil seni di negara kita.

Setelah meneliti impak pelaksanaan pembangunan program ini, maka dicadangkan supaya mata pelajaran seni turut diajarkan kepada murid di sekolah harian. Hal ini demikian kerana, di samping dapat mengasah bakat mereka sejak dari peringkat sekolah, murid juga dapat mengembangkan minat mereka ke peringkat yang lebih tinggi seperti di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Bidang seni ini juga mampu melahirkan murid yang kreatif dan mampu berfikir di luar kotak agar dapat mencipta satu karya yang dapat memberi kesan kepada khalayak. Dalam pada itu, banyak graduan lulusan seni persembahan di universiti tempatan juga telah berjaya menceburi bidang penyiaran perfileman dan pengurusan. Hal ini membuktikan bahawa mereka tidak diketepikan untuk mengisi keperluan industri semasa. Tuntasnya, aspirasi negara untuk memiliki

pengetahuan dan ilmu yang tinggi serta mampu bersaing di peringkat glokal dan global dapat direalisasikan.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Seni Mewarnai Kehidupan'
oleh Fara Dayana Mohd Jufry
Dewan Siswa, Bil. 07/2021

Bahan 2



KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan 4 kata pinjaman daripada bahasa Inggeris. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata pinjaman daripada bahasa Inggeris tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Di Malaysia, kita dilahirkan dalam keadaan yang berbeza-beza dari segi kebudayaan, etnik, kaum, jantina dan agama, sekali gus menjadikan kehidupan kita berwarna-warni dan ceria. Namun begitu, kini terdapat banyak ancaman yang berupaya menggugat keamanan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat pada serba digital ini. Sebagai contohnya, pengaruh negatif melalui televisyen, radio, telefon bimbit dan *Internet* yang mengakibatkan hakisan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat, terutamanya remaja.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Hormati Perbezaan Budaya Masyarakat Berbilang Kaum'
Dewan Siswa Bil 6/2019
[8 markah]

- 2 *Baca dialog di bawah dengan teliti, kemudian kenal pasti dan tulis jenis-jenis ayat yang terdapat dalam dialog. Anda perlu menyalin ayat itu semula dan melabelkan jenis ayat tersebut.*

Ayat : _____

Jenis ayat : _____

Amran : Eh, lama saya tidak melihat kamu bermain badminton di sini!

Yazid : Ya, memang benar, Kaki saya tercedera semasa saya menyertai ekspedisi menjelajah Gua Niah pada bulan lepas.

Amran : Oh, begitu! Di manakah terletakinya Gua Niah?

Yazid : Gua Niah terletak di bahagian Miri. Gua Niah merupakan gua terbesar di Malaysia dan merupakan tarikan utama pelancong yang ingin melihat keunikan alam semula jadi di Sarawak.

Amran : Sememangnya aktiviti seperti bersukan dan menjelajah gua merupakan aktiviti berfaedah yang patut dilakukan oleh remaja pada masa lapang. Harapan saya juga dapat ke sana pada suatu hari nanti.

[8 markah]

- 3 *Bahan-bahan di bawah mengandungi pelbagai kesalahan bahasa. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan-petikan tersebut.*

Bahan 1

**Majlis
"Menjunjung Apresiasi, Kasih Abadi"
Sempena Perletakan Pegawai Pendidikan
Daerah XYZ**

Dengan segala hormat dan sukacitanya berjemput dan mempersilakan
Dato'/Datin/Tuan/Puan/Encik/Cik

ke Majlis "Menjunjung Apresiasi, Kasih Abadi"
Sempena Persaraan Pegawai Pendidikan Daerah XYZ

ke Dewan al-Farabi.
Pejabat Pendidikan Daerah XYZ.
Pada 25 November 2022 (Jumaat) bersamaan 30 Rabi'ul Awal 1444H
Masa jam 2,00-5.00 petang

Pakaian Lelaki- Melayu Baju /Kebangsaan
Perempuan – Baju Kurung

[4 markah]

Bahan 2



SEKOLAHKU SEJAHTERA

Pelaksanaan konsep ini akan dimasukkan menerusi pengajaran dan pembelajaran oleh para-para guru kepada murid. Sebagai contoh, apabila guru sedang mendidik mata pelajaran Sejarah, jika ada perkara-perkara dalam topic yang diajar kepada murid mempunyai kaitan dengan 14 elemen, perkara tersebut boleh menjelaskan kepada murid. Penerangan elemen konsep ini di dalam kalangan murid juga akan dilaksanakan secara holistik bersama dalam dan luar sekolah bagi kesejahteraan murid.

[5 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah dengan teliti. Kemudian tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Nara Diraja; maka dia pun hadirilah. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, “Mahukah Seri Nara Diraja beristeri?” Maka sembahnya, “Jikalau ada kurnia Duli yang Dipertuan, baiklah, tuanku.” Maka titah baginda, “Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?” Maka sembahnya, “Mohon patik tuanku.” Maka titah baginda, “Mahukah akan Tun Rakna Sandari, saudara Paduka Raja itu?”

Dipetik daripada
‘Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[6 markah]

- 5 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **dua** peribahasa yang sesuai berdasarkan situasi dalam petikan.*

Adat Perpatih merupakan suatu amalan hidup yang berasal dari alam Minangkabau. Adat ini juga begitu unik kerana mengutamakan keturunan berdasarkan sistem nasab ibu atau *matrilineal* dan adat ini masih diamalkan di Negeri Sembilan dari dahulu hingga kini. Adat ini perlulah dipelihara dan terus dijaga walaupun kita sekarang telah bertukar zaman dan era. Selagi adat resam ini tidak membawa kemudaratan kepada masyarakat adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bersama-sama menjaga walaupun terpaksa berkorban nyawa. Oleh itu, adat ini perlulah didedahkan dan diajarkan kepada anak-anak daripada mereka kecil lagi agar adat ini terus sebatik dalam kehidupan masyarakat kini.

[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan1

Bahasa Melayu merupakan *lingua franca* atau Bahasa perhubungan antara pelbagai etnik di pelbagai peringkat dan bidang komunikasi sosial, politik dan budaya, perdagangan, dan lain-lain. Buktinya, jika semua papan tanda dan iklan di Malaysia disiarkan dalam bahasa Melayu, rata-rata masyarakat Malaysia akan memahaminya walaupun bukan bangsa Melayu. Namun, keadaan ini menjadi sebaliknya jika papan tanda dan iklan disiarkan dalam bahasa lain.

Bahasa Melayu juga bertindak sebagai medium perpaduan kaum di Malaysia berdasarkan Dasar Bahasa Kebangsaan. Taraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan amat besar ertinya, terutama sebagai lambang dan unsur penyatuan bangsa Malaysia. Bahasa Kebangsaan bermaksud bahasa yang melambangkan identiti dan kedaulatan sesebuah negara.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Bahasa Perpaduan Kaum di Malaysia'
oleh Amirah Syazwani Baderol Sham,
Dewan Bahasa, Bil.8/2018

Bahan 2

Bahasa merupakan alat komunikasi dan ciri asas sesebuah tamadun. Bahasa yang halus, sopan dan santun atau juga dikenali sebagai eufemisme melambangkan kandungan pemikiran, sikap dan tingkah laku penutur dalam masyarakat yang bertamadun. Bahasa memainkan peranan penting untuk membina konsep diri seseorang penutur. Bahasa juga menjadi salah satu unsur penting dalam pertumbuhan dan perkembangan tamadun manusia sebagai *pandangan semesta* masyarakat, sebagai pengungkap falsafah, ilmu dan pemikiran serta alat kreativiti manusia dalam pelbagai bidang kehidupan. Justeru, bahasa harus diletakkan di tempat yang sewajarnya bersesuaian dengan konteks pembinaan dan pemantapan sesebuah masyarakat yang bertamadun. Dalam konteks masyarakat Malaysia, kesantunan berbahasa amat dititikberatkan sebagai cerminan nilai kelompok masyarakat di Malaysia.

Dipetik dan diubahsuai daripada
'Eufemisme Cerminan Nilai Sosiobudaya Masyarakat Malaysia'
oleh Munirah Binti Zulkifli et al,
Artikel Sains Insani 2019, Volume 03 No 2: 37-48

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *pandangan semesta*.
[2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan beberapa peranan bahasa Melayu dalam kehidupan masyarakat Malaysia.
[3 markah]
- (iii) Bulan Bahasa Kebangsaan merupakan suatu program yang bertujuan mendidik masyarakat berbilang bangsa khususnya di Malaysia agar dapat menyemarakkan dan seterusnya memartabatkan bahasa kebangsaan negara tersebut dalam pelbagai aspek dan bidang yang boleh memacu ke arah kelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa kelas dunia yang praktikal dan realistik.
- Pada pendapat anda, nyatakan usaha-usaha guru untuk menyedarkan murid- murid tentang kewujudan program berkenaan?
[3 markah]
- (iv) Anda mempunyai seorang rakan yang sering memperlekeh bahasa Melayu. Dia juga lebih gemar dan bangga menggunakan bahasa Inggeris apabila berkomunikasi kerana beranggapan bahasa Melayu sudah ketinggalan zaman.
- Sebagai seorang rakan, nyatakan tindakan yang boleh anda ambil untuk menepis tanggapan negatif rakan anda terhadap bahasa Melayu.
[4 markah]
- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

"Tanah air ini pernah bernyala api tragedi. Penjajah menabur bara sengketa melalui pengagihan sumber kekayaan bumi ini yang tidak seimbang. Bangsa pertama ditempatkan di bandar-bandar besar sebagai peniaga dan pengusaha lombong bijih timah. Bangsa kedua terbiar daripada arus pembangunan dengan mendiami kampung-kampung tradisional di luar bandar sebagai nelayan dan pesawah. Bangsa ketiga pula terus-menerus *melarat dalam kemiskinan* di ladang-ladang dan estet yang serba mundur. Masing-masing terpisah oleh tembok dan benteng perkauman yang tebal. Tiada usaha untuk penyatuan setiap bangsa melalui satu bahasa pertuturan atau agihan kekayaan yang saksama"

Dipetik daripada cerpen "Munsi"
Oleh Husna Nazi,
Antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahan 2

Pantun Empat Kerat

Petang hari pergi ke pekan,
Pulang membawa sebungkus laksa;
Hidup muhibah perlu diamalkan,
Di negara Malaysia berbilang bangsa.

Cantik bergugus bunga raya,
Mari dipetik satu persatu;
Walaupun berlainan bangsa dan budaya,
Kerana muhibah hidup bersatu.

Air mengalir dalam terusan,
Mengairi sawah beratus relung;
Bekerjasama segala urusan,
Tanda bersatu bergotong-royong.

Tuan Puteri dari kayangan,
Senyuman manis seperti madu;
Bermacam-macam keturunan bukan halangan,
Untuk membina bangsa bersatu padu

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *melarat dalam kemiskinan*

[2 markah]

- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2 (kesemua bahan)**, kemukakan beberapa cara mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia

[3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah penjajah menempatkan kaum-kaum di Malaysia secara berasingan?

[4 markah]

- (iv) Dua orang rakan anda, iaitu Robert dan Ramli yang merupakan ahli jawatan kuasa penganjur Program Rumah Terbuka Gawai Raya peringkat sekolah. Mereka bertikam lidah kerana tidak sepakat dengan perancangan aktiviti yang akan dijalankan.

Apakah tindakan anda selaku penyelaras program untuk meredakan pertelingkahan tersebut?

[4 markah]

8 *Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

- (i) *Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

"Mahu sambung belajar lagi?" tanya Mak Menah. Suaranya berlawanan dengan bunyi sudip dan kualiti yang berlagu.

"Cadangan saya memang macam tu lah, Mak Menah. Kalau ada peluang," jawabnya. Air kopi O yang masih panas itu dihirupnya lagi.

"Baguslah macam tu, nak. Zaman sekarang, kalau tak ada ilmu susah nak cari kerja. Kalau setakat nak kerja kilang, memang bolehlah tetapi sampai bila? Kadang-kadang, Mak Menah risau juga tengok budak-budak muda kampung ni. Ke hulu, ke hilir bermotosikal, berlonggok tepi jalan, bersembang sampai larut malam... macam tak ada matlamat hidup," kata Mak Menah sambil meletakkan pinggan berisi mi goreng di hadapan Haiqal." Namun, ada juga yang sedar diri. Sambung belajar. Ramai jugalah yang berjaya," tambah Mak Menah lagi.

Dipetik daripada novel *Silir Daksina*,
karya Nizar Parman
Kementerian Pendidikan Malaysia

Apakah yang menyebabkan Mak Menah berasa risau terhadap budak-budak muda di kampungnya?

[4 markah]

- (ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Tirani karya Beb Sabariah
- (f) Silir Daksina karya Nizar Parman
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Songket Berbenang emas karya Khairuddin Ayip

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Perkembangan teknologi kini mengalami perubahan yang begitu pesat, terutama dalam bidang informasi dan komunikasi. Hal ini menyebabkan gaya hidup rakyat Malaysia turut dipengaruhi oleh kepesatan ini, terutamanya bagi golongan remaja. Remaja kini telah menjadikan media sosial sebagai gaya hidup yang memudahkan mereka untuk mendapat maklumat dan berkomunikasi dengan orang lain. Walaupun media sosial banyak kebaikannya, namun terdapat kesan negatif yang perlu diberikan perhatian oleh golongan remaja. Antara kesan negatif media sosial ialah penyebaran berita palsu secara berleluasa.

Di samping itu, media sosial menyebabkan golongan muda mudah terpengaruh dengan gejala negatif seperti melihat gambar dan video lucah. Oleh itu, ibu bapa sewajarnya memantau perlakuan anak-anak yang sedang melayari media sosial. Malah, media sosial banyak mempengaruhi minda kanak-kanak dan remaja dengan meniru aksi ganas dan berbahaya. Oleh sebab itulah terdapat beberapa kejadian remaja meniru aksi ganas apabila bertemu dengan rakan sebaya. Terdapat juga pengguna yang terpengaruh dengan iklan produk yang dipaparkan dan mempercayai produk tersebut dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sebenarnya dalam kebanyakan kes, khasiat produk yang diiklankan itu tidak menepati faedah yang dipaparkan. Antara jenis produk yang selalu memperdaya pengguna ialah produk kesihatan seperti ubat-ubatan, peralatan senaman dan barangan elektrik. Oleh itu, pengguna mesti berhati-hati dalam membeli sesuatu produk yang diiklankan di media sosial.

Seterusnya, media sosial menjadikan remaja kurang bersabar dalam tindakan kerana telah biasa memperoleh maklumat yang diinginkan melalui media sosial dengan pantas. Namun, tatkala maklumat tidak dapat diproses dengan cepat, remaja akan mudah mengalami kegusaran dan emosi kebosanan yang menggelegak. Bagi remaja yang berfikir kurang matang pula akan mempercayai semua maklumat yang dipaparkan tanpa menyelidiki dengan lebih mendalam. Sebenarnya maklumat yang disampaikan melalui media sosial belum terbukti kebenarannya. Sebagai seorang pengguna media sosial yang rasional, amat wajarlah remaja menapis maklumat tersebut sebelum membuat apa-apa keputusan.

Kita harus akui bahawa media sosial sebenarnya boleh mengancam keselamatan negara. Media sosial kadang-kadang mewujudkan ketidakstabilan politik dan sosial apabila hal yang menjadi rahsia negara diperkatakan di laman sembang. Dalam hal ini, kerajaan perlu memperkukuh peranan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk menjalankan pemantauan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Berita Palsu Musuh Negara'
oleh CMCF,
Dewan Siswa, April 2018

Bahan 2



KERTAS SOALAN TAMAT

The background features a light blue gradient with several overlapping, semi-transparent blue geometric shapes, primarily triangles and parallelograms, creating a dynamic, architectural feel. In the center, there is a solid orange rectangular box containing the title text in a bold, black, serif font.

**CADANGAN
SKEMA
JAWAPAN**

SET 1 KERTAS 1: BAHAGIAN A

Kehendak Soalan

1. Calon perlu menghuraikan pendapat berkenaan **langkah membantu MBK di sekolah**
2. Calon **perlu** menyentuh **semua bahan** sama ada sebagai **idea utama/ idea sampingan** atau **contoh**
3. Sekiranya calon menyentuh **semua bahan dan menambah idea lain- cemerlang**
4. Jika calon **tidak menyentuh semua bahan – maksimum kepujian**
5. Jika calon menulis **melebihi 210 patah perkataan** atau hingga ayat itu berakhir - **maksimum kepujian**
6. Sekiranya calon menulis **kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum memuaskan**
7. Penanda wacana dan peribahasa dikira 1 patah perkataan

Cadangan Jawapan:

Semua individu di dunia ini mempunyai hak untuk belajar termasuk murid berkeperluan khas (MBK). Murid berkeperluan khas terdiri daripada murid yang mengalami masalah penglihatan, pendengaran, pertuturan dan beberapa masalah pembelajaran yang lain. Persoalan yang bermain di minda, apakah langkah-langkah untuk membantu MBK di sekolah agar dapat menikmati layanan yang sama dengan murid yang lain ?

Prakarsa yang paling utama dalam membantu MBK ialah pihak kerajaan sewajarnya menyediakan infrastruktur yang mesra MBK supaya memudahkan pergerakan mereka. Amsalnya, pihak kerajaan telah memperuntukkan RM500,000 untuk menyediakan kemudahan mesra MBK seperti kemudahan tempat duduk, tandas, kawasan mengambil dan menurunkan murid. Usaha ini perlu diperluas ke semua sekolah yang menawarkan Pendidikan Khas di seluruh negara agar lebih banyak MBK dapat merasai manfaatnya.

Usaha lain yang tidak boleh dikesampingkan ialah warga sekolah perlu memberikan layanan yang baik terhadap MBK. Guru dan murid yang lain haruslah prihatin dan bergaul dengan mereka seperti rakan yang lain. Budaya memulaukan dan menjadikan MBK seperti kera sumbang perlulah dikikis dalam diri masing-masing. Sebagai contohnya, mereka boleh mengajak MBK untuk bermain dan makan bersama-sama di persekitaran sekolah.

Akhirulakhir, MBK merupakan sebahagian daripada kelompok masyarakat yang perludiberi layanan yang adil agar mereka mampu duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan pelajar lain di sekolah. Oleh itu, lirik lagu “Tidakku minta lahir ke dunia, tidakku duga cacat begini” yang popular suatu ketika dahulu perlulah disemat dalam diri agar kita sedar bahawa mereka juga merupakan insan istimewa ciptaan Tuhan sama seperti kita.

(210 patah perkataan)

BAHAGIAN B

Soalan 1

Petikan di atas menyatakan bahawa ibu bapa berperanan penting dalam memupuk semangat kejiiran dalam kalangan anak-anak.

Huraikan peranan tersebut.

Kehendak Soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan **peranan ibu bapa memupuk semangat kejiiran**.

Cadangan Isi :

- i. Ibu bapa membawa anak untuk menyertai aktiviti kemasyarakatan
- ii. Ibu bapa patut menyemarakkan budaya ziarah-menziarahi
- iii. Para ibu bapa di kawasan perumahan merancang untuk mengadakan Hari Keluarga dengan jiran tetangga
- iv. *Isi lain yang sesuai diterima.*

Kemungkinan Jawapan Calon :

1. Calon menghuraikan **peranan ibu bapa memupuk semangat kejiiran** – semak seperti biasa
2. Calon menghuraikan **aktiviti yang boleh digunakan oleh ibu bapa untuk memupuk semangat kejiiran** – semak seperti biasa
3. Calon menghuraikan **langkah pelbagai pihak** – Maksimum TPM sahaja
4. Calon menghuraikan **peranan ahli keluarga** - Maksimum TPM sahaja
5. Calon menulis **kurang daripada 339 patah perkataan** – Maksimum baik sahaja

Cadangan Jawapan :

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat bermula daripada jiran. Menurut Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah, pakar motivasi, jiran ialah orang yang tinggal di sekeliling rumah kita iaitu di sebelah, di hadapan, dan juga di belakang rumah kita. Mereka merupakan orang pertama yang membantu kita apabila kita berada dalam kesusahan. Rakyat Malaysia sepatutnya hidup secara bersama sehati sejiwa ibarat seikat bak sirih serumpun bak serai. Malangnya, semangat kejiiran dalam kalangan anggota masyarakat semakin luntur dalam melangkah ke era modenisasi. Persoalannya, mengapakah fenomena ini boleh berlaku? Sesungguhnya, ibu bapa perlu mengambil langkah yang proaktif untuk mengatasi masalah ini.

Pada hemat saya, uslub yang utama ialah ibu bapa membawa anak untuk menyertai aktiviti kemasyarakatan melalui aktiviti gotong-royong yang dianjurkan oleh komuniti, perjumpaan bulanan komuniti dan sebagainya. Hal ini disebabkan oleh masyarakat biasanya

sibuk akan kerja masing-masing. Aktiviti ini merupakan peluang keemasan untuk semua jiran berkumpul dan bekerjasama sambil berbincang tentang aktiviti yang akan dilakukan. Dalam konteks ini, ibu bapa wajar membawa anak-anak menyertai aktiviti tersebut bersama-sama. Pada masa inilah, mereka akan saling membantu dan bersinergi untuk membersihkan kawasantaman perumahan dan menyediakan hidangan untuk kenduri-kendara. Kesannya, masyarakat

dapat berbual-bual dan berkenal-kenalan antara satu dengan yang lain. Masyarakat juga dapat mengenal hati budi jiran mereka dengan lebih baik dan dekat melalui perbualan. Hidup bermasyarakat mesti bantu-membantu bagai aur dengan tebing kerana komitmen semua jiran adalah maha penting untuk menjayakan aktiviti ini. Tegasnya, aktiviti gotong-royong haruslah diadakan selalu untuk memupuk semangat kejiranan yang semakin longgar.

Selain itu, ibu bapa patut menyemarakkan budaya ziarah-menziarahi. Hal ini dikatakan demikian kerana pembentukan sifat kasih sayang dan sikap ambil berat adalah sangat signifikan untuk memupuk semangat kejiranan. Sejajar dengan itu, semangat kejiranan akan lebih mudah untuk disemai kerana mereka saling mengenali. Dalam hal ini, ibu bapa patut membawa anak-anak menziarahi jiran tetangga. Sebagai contohnya, ibu bapa boleh membawa anak berkunjung ke hospital jika mendapat tahu jiran telah dimasukkan ke hospital. Dalam pada itu, kita hendaklah mengetahui masalah dan kesusahan yang dihadapi oleh jiran kita. Seterusnya, kita wajar membantu mereka kerana pepatah Melayu menyatakan bahawa hulurkan tangan, ringan beban. Implikasinya, penderitaan yang dialami oleh jiran dapat diringankan di samping hubungan kejiranan dapat dieratkan ibarat sambil menyelam minum air.

Para ibu bapa di kejiranan juga hendaklah mengadakan Hari Keluarga dengan jiran tetangga. Hal ini perlu direalisasikan kerana aktiviti sebegini merupakan kunci kepada keharmonian dan keamanan. Selaras dengan itu, semua ahli keluarga jiran akan turut serta untuk melibatkan diri dalam aktiviti. Pelbagai aktiviti boleh dirancang seperti acara sukaneka, sukan air dan permainan tradisional. Aktiviti tersebut boleh dijalankan di kawasan berdekatan kejiranan atau ke pusat-pusat peranginan. Sebagai impaknya, kemesraan akan terjalin bukan sahaja antara orang dewasa sahaja, malah dalam kalangan anak-anak juga. Keadaan ini boleh diperjelas melalui perumpamaan bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Kita mengakui hakikat bahawa ibu bapa harus menggalakkan anak-anak supaya melibatkan diri dalam aktiviti sosial.

Tuntasnya, semangat kejiranan penting untuk melahirkan masyarakat yang prihatin. Dengan itu, perpaduan kaum akan bertambah utuh dan teguh. Cogan kata Jiran Sepakat Membawa Berkat perlu terus diamalkan dalam kehidupan kita seharian. Sementara itu, budayaini harus diamalkan dengan hati yang ikhlas oleh semua lapisan masyarakat. Negara kita akan sentiasa aman, harmoni dan sejahtera jika semuanya bersatu hati dalam semua perkara yang boleh meningkatkan semangat kejiranan. Hakikatnya, Malaysia akan terus cemerlang dan mampu berdaya saing pada masa akan datang dengan negara-negara maju yang lain persis peribahasa duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

Soalan 2

Petikan di atas menyatakan maklumat berkaitan dengan implikasi penggunaan e-dompet yang dalam kalangan masyarakat moden.

Bincangkan.

Kehendak Soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan **kebaikan dan keburukan penggunaan e-dompet**.

Cadangan Isi :

- i. perkhidmatan yang pantas, segera dan mudah
- ii. mempunyai rekod transaksi
- iii. Lebih selamat
- iv. Pembelian tidak terkawal
- v. *Isi lain yang sesuai diterima.*

Kemungkinan Jawapan Calon :

1. Calon menghuraikan **kebaikan dan keburukan e-dompet** – semak seperti biasa
2. Calon menghuraikan **idea sendiri dan idea dalam bahan rangsangan** - semak seperti biasa
3. Calon menghuraikan **idea sendiri sahaja** – Maksimum memuaskan sahaja
4. Calon menghuraikan **kebaikan e-dompet** – Maksimum kepujian sahaja
5. Calon menghuraikan **keburukan e-dompet** - Maksimum kepujian sahaja
6. Calon menulis **kurang daripada 339 patah perkataan** – Maksimum baik sahaja

Contoh Karangan :

E-dompet merupakan devais elektronik atau dalam talian yang membenarkan transaksi dilakukan melalui telefon pintar. Kebanyakan e-dompet seperti kad kredit atau debit dihubungkan kepada akaun bank pengguna untuk membuat pembayaran. Selain itu, pengguna dihubungkan melalui imbasan kod QR. Di Malaysia, e-dompet digunakan untuk membayar bil, membeli makanan, tol, petrol, barangan peribadi dan perbelanjaan runcit. Bank Negara Malaysia mengatakan bahawa nilai transaksi e-dompet di Malaysia telah melebihi RM10 bilion dalam tahun 2019. Persoalannya, apakah kelebihan e-dompet terhadap pengguna dan masyarakat kita?

Kelebihan e-dompet yang paling penting ialah perkhidmatan yang pantas, segera dan mudah. Dalam dunia internet hari ini, masyarakat tidak dapat menunggu dua atau tiga hari untuk melihat transaksi kewangan disampaikan. Kita juga tidak suka menghabiskan masa semata-mata beratur panjang di kaunter untuk membayar bil, tiket parkir atau barangan lain. Dengan menggunakan perkhidmatan e-dompet, transaksi kewangan dapat dijalankan dalam

beberapa saat. Hal ini telah membantu kita untuk menjimatkan masa dan proses pembayaran. Dengan menggunakan e-dompet, nilai-nilai wang dan transaksi kewangan dijalankan dalam talian sehingga kita tidak perlu membawa sebarang tunai. Sebagai contoh, nilai tunai RM1,000 yang diletakkan di dalam dompet menjadikan dompet lebih tebal dan sukar dimasukkan ke

dalam poket seluar. Keadaan ini boleh memberikan peluang kepada pencuri mengintai dan mencari masa menyeluk saku dan mengambil wang tanpa izin.

Satu lagi kelebihan e-dompet ialah urusan jual beli menggunakan e-dompet mempunyai rekod transaksi. Biasanya pengguna tidak dapat mengingat transaksi pembelian yang lepas. Dengan menggunakan e-dompet, mereka dapat melihat kembali semua transaksi pembelian kerana setiap transaksi akan direkodkan. Cara ini dapat membantu mereka menguruskan aktiviti pembelian dengan berhemah. Dengan cara ini, pengguna tidak perlu menyimpan resit pembayaran. Rekod transaksi juga boleh digunakan untuk mengumpul mata pembelian. Mata pembelian boleh digunakan untuk mendapat tawaran harga istimewa atau ganjaran hadiah dan diskaun. Dengan kaedah e-dompet, mereka hanya menggunakan telefon pintar atau komputer di rumah untuk membuat pembayaran atau memesan barang yang akan dihantar ke rumah. Secara tidak langsung, pengguna dapat menjimatkan kos pengangkutan dan masa untuk keluar berbelanja. Tegasnya, penggunaan e-dompet wajar dipraktikkan oleh masyarakat dengan lebih meluas.

Tidak dinafikan e-dompet memudahkan proses pembayaran, tetapi e-dompet juga boleh memerangkap kita tanpa disedari. Wang yang tidak dapat dilihat boleh membuatkan kita leka dan tidak sedar jika wang dalam akaun semakin berkurangan. Oleh sebab itu, sesetengah orang yang tidak dapat mengawal perbelanjaan mereka lebih suka membayar menggunakan wang tunai. Hal ini bermakna e-dompet boleh menyebabkan kita berbelanja secara berlebihan justeru mengucar-kacirkan bajet kita. Keadaan ini juga memupuk sikap membazir dan menyebabkan kita mempunyai kadar keberhutangan yang tinggi jika tidak dikawal. Lebih parah lagi, kita mungkin diisytiharkan muflis dan disenaraikan hitam oleh agensi kewangan. Oleh itu, kita harus sentiasa berhati-hati semasa berbelanja kerana sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna.

Kesimpulannya, kelebihan penggunaan e-dompet berbanding tradisional adalah lebih laju, lebih selesa, mudah, selamat, terkawal dan jaminan perlindungan data. Masyarakat yang celik internet tidak akan menunggu lama untuk beralih menggunakan e-dompet berbanding wang tunai dalam urusan pembelian dan pembayaran. Hanya dengan memiliki sebuah akaun bank, pengguna dapat mengoperasikan e-dompet dalam tempoh yang singkat. Namun dalam keghairahan kita menggunakan kemudahan ini, jangan kita leka kerana tiada yang sempurna di dunia ini, setiap perkara pasti ada baik buruknya bak kata pepatah tiada gading yang tidak retak.

(492 patah kata)

soalan 3

Petikan akhbar di atas menerangkan pertanian memberi jaminan masa depan yang cerah sekiranya diusahakan dengan bersungguh-sungguh.

Berdasarkan petikan akhbar di atas, huraikan ciri-ciri yang perlu dimiliki untuk menjadi petani yang berjaya pada masa hadapan.

Kehendak Soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh seorang petani yang berjaya
2. Calon dikehendaki menggunakan isi yang terdapat dalam bahan rangsangan

Cadangan Isi :

- i. memiliki minda positif,
- ii. memiliki keazaman yang kuat
- iii. sentiasa peka dengan teknologi terbaharu/terkini berkaitan pertanian
- iv. *Isi lain yang sesuai diterima.*

Kemungkinan Jawapan Calon :

1. Calon menghuraikan **ciri petani yang berjaya** – semak seperti biasa
2. Calon menghuraikan **idea sendiri dan idea dalam bahan rangsangan** - semak seperti biasa
3. Calon menghuraikan **idea sendiri sahaja** – Maksimum memuaskan sahaja
4. Calon menghuraikan **langkah memajukan pertanian** – Maksimum TPM sahaja
5. Calon menghuraikan **kesan memajukan pertanian** - Maksimum TPM sahaja
6. Calon menulis **kurang daripada 339 patah perkataan** – Maksimum baik sahaja

Contoh Jawapan :

Dalam usaha kerajaan memantapkan ekonomi negara, bidang pertanian terus menjadi tunjang utama. Sejak 1970-an lagi, kerajaan begitu serius dalam memberikan tumpuan terhadap sektor pertanian. Kepentingan pertanian tidak dapat dipertikaikan lagi kerana tanpa sektor ini, negara akan ketinggalan dan ekonomi pula boleh merudum. Kita tidak wajar bergantung sumber makanan pada negara luar seperti China, India dan Thailand sedangkan tanah di bumi bertuah ini amat subur. Kerjaya sebagai petani pula kurang mendapat sambutan oleh masyarakat kerana kerjaya ini memerlukan mereka berada di bawah terik matahari sepanjang masa. Jika sekadar hangat-hangat tahi ayam, usaha yang ditaburkan sememangnya tidak akan membuahkan apa-apa hasil. Oleh itu, apakah ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh seseorang untuk menjadi petani yang berjaya pada masa hadapan?

Ciri utama yang perlu ada pada seseorang petani yang ingin menjadi petani berjaya ialah seseorang petani perlu memiliki minda positif. Seseorang petani yang ingin berjaya

dalam kerjayanya sebagai petani seharusnya mempunyai keyakinan yang tinggi dan berusaha bersungguh-sungguh mengusahakan ladang agar mengeluarkan hasil sepanjang masa. Seorang petani yang memiliki minda positif akan sentiasa belajar dan berusaha memperbaiki teknik

pertanian agar penghasilannya semakin meningkat. Selain itu, mereka seharusnya bersedia untuk menggunakan teknologi moden bagi memudahkan tanah pertanian diusahakan. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan menggunakan teknologi moden, hasil mereka akan bertambah dan kos pengurusan akan dapat dikurangkan. Antara teknologi moden yang boleh digunakan ialah hidroponik, agroponik dan aeroponik. Teknologi ini tidak memerlukan kawasan yang luas selain boleh dilakukan dalam bangunan ataupun kawasan tertutup. Jelaslah bahawa minda positif seharusnya dimiliki oleh setiap petani yang ingin berjaya dalam bidang pertanian.

Selain itu, memiliki keazaman yang kuat juga merupakan ciri seorang petani yang berjaya. Peribahasa alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan seharusnya dipegang oleh setiap petani yang ingin berjaya pada masa akan datang. Seseorang petani yang ingin berjaya seharusnya berusaha dengan bersungguh-sungguh memajukan bidang pertanian yang diceburinya dengan mempelbagaikan jenis pertanian. Dengan ini, mereka dapat mempelbagaikan hasil pertanian dan memperluas pasaran. Sebagai contoh, seseorang petani yang mengusahakan tanaman kontan seperti pisang dan kelapa sawit boleh menternak kambing atau membina kolam ikan. Hal ini bukan sahaja mempelbagaikan produk pertanian malah penggunaan tanah juga lebih efektif. Terbuktilah bahawa dengan memiliki keazaman yang kuat serta sikap tidak putus asa akan membuahkan hasil yang lumayan dalam pertanian.

Pada waktu yang sama, untuk menjadi petani yang berjaya mereka seharusnya sentiasa peka dengan teknologi terbaru dan terkini berkaitan pertanian. Hal ini dikatakan demikian kerana teknologi baharu dan terkini yang digunakan akan menambah pengeluaran hasil pertanian mereka pada masa hadapan. Seorang petani yang inovatif seharusnya berusaha mempelajari teknologi terkini dalam bidang pertanian untuk memudahkan pengurusan ladang. Hasilnya, mereka akan mudah mengurus seterusnya dapat mengurangkan kos pengoperasian ladang. Selain itu, pengeluaran hasil pertanian akan bertambah selain produk yang dihasilkan lebih berkualiti. Sebagai contoh, dengan menggunakan dron untuk membaja, meracun dan menggunakan CCTV serta teknologi moden untuk memantau ladang dan ternakan akan menjimatkan kos pengurusan dan pembayaran gaji pekerja. Tegasnya, seseorang petani mestisentiasa peka dengan teknologi terbaru dan terkini menjadikan seseorang petani lebih proaktif, inovatif dan sistematik dalam pengurusan ladang.

Kesimpulannya, untuk menjadi seorang petani yang berjaya bukan sahaja perlu bijak dalam mengurus ladangnya tetapi juga perlu mempelajari teknologi terkini dalam bidang pertanian. Oleh itu, mereka seharusnya berusaha untuk mendalami lagi teknologi pertanian dengan cara melanjutkan pelajaran atau mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan oleh pihak institusi pertanian yang diktiraf oleh kerajaan. Sekiranya mereka lalai dan tidak mementingkan kemajuan teknologi dalam pertanian, hal ini akan menyebabkan mereka tidak mampu bersaing dengan petani-petani yang lain. Semoga bidang pertanian

akan terus menyumbang pada kemajuan negara hasil daripada usaha para petani yang sanggup berhujan dan berpanas mengusahakan tanah pertanian milik mereka.

(509 Patah Perkataan)

Soalan 4

Petikan di atas menyatakan maklumat berkenaan Pendidikan Teknik dan Vokasional yang semakin penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju seperti negara Jerman, Jepun dan Korea.

Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan minat pelajar dalam bidang teknik dan vokasional.

Kehendak Soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan minat pelajar dalam bidang teknik dan vokasional.

Cadangan Isi :

- i. KPM memperkenalkan aliran berasaskan kemahiran dari seawal tingkatan satu
- ii. Ibu bapa perlu memainkan peranan dalam menyokong anak-anak ke arah pemilihan kerjaya mereka.
- iii. Kerajaan dan pihak industri menawarkan biasiswa kepada pelajar pengajian tinggi

Kemungkinan Jawapan Calon :

1. Calon menghuraikan **langkah/cara untuk meningkatkan minat pelajar dalam bidang TVET** – semak seperti biasa
2. Calon menghuraikan **langkah/cara untuk meningkat minat pelajar dalam pelajaran (umum)** – Maksimum TPM
3. Calon menghuraikan **kebaikan/manfaat TVET kepada pelajar** – Maksimum TPM
4. Calon **menghuraikan tanpa ada pihak** – maksimum kepujian sahaja
5. Calon menghuraikan **satu pihak sahaja atau pelbagai pihak** – semak seperti biasa
6. Calon menulis **kurang daripada 339 patah perkataan** – Maksimum baik sahaja

Cadangan Jawapan :

Dalam menongkah arus perdana globalisasi dan dunia tanpa sempadan pada hari ini, tidak dapat dinafikan bahawa negara kita turut menuju ke arah modenisasi. Pendidikan Teknik dan Vokasional yang merupakan salah satu cabang sistem pendidikan yang berlandaskan industri untuk melatih individu dalam kemahiran tertentu seperti bidang automatif, animasi dan hospitaliti. Namun begitu, mereka beranggapan bahawa aliran ini sebagai kelas kedua dan sesuai untuk pelajar yang lemah dari segi akademik. Persepsi sedemikian perlu segera diubah kerana bidang tersebut merupakan asas pembentukan masyarakat berkemahiran tinggi serta mengukuhkan potensi negara bagi pertumbuhan masa depan. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan minat pelajar dalam bidang teknik dan vokasional?

Langkah perdana untuk meningkatkan minat pelajar dalam bidang teknik dan vokasional ialah pihak KPM memperkenalkan aliran berasaskan kemahiran dari seawal tingkatan satu. Hal ini dapat memberikan pendedahan awal kepada pelajar selama tiga tahun dimenengah rendah sebelum memilih pengkhususan semasa di menengah atas. Mereka perlu memilih bidang yang diminati mengikut kebolehan masing-masing. Pendedahan yang awal akan memudahkan pelajar untuk memilih bidang yang sesuai dengan kebolehan mereka setelah menamatkan persekolahan di sekolah menengah. Aliran ini juga merupakan alternatif kepada pelajar yang meminati bidang kemahiran supaya mereka tidak tercicir akibat tersalah memilih bidang yang kurang diminati oleh mereka. Tegasnya, minat murid perlu ditanam sejak dari usia setahun jagung setampuk pinang lagi sekiranya kita ingin melahirkan masyarakat yang berkemahiran tinggi.

Meneliti dari skop yang berbeza, ibu bapa perlu memainkan peranan dalam menyokong pemilihan kerjaya anak-anak mereka. Anak-anak memerlukan ibu bapa untuk memberi nasihat dan bimbingan terutamanya dari segi penetapan matlamat hidup mereka kerana ibu bapa merupakan nakhoda yang menentukan hala tuju hidup mereka. Oleh itu, ibu bapa perlu melengkapi diri dengan seberapa banyak maklumat tentang pelbagai kerjaya yang berkaitan dengan aliran teknik dan vokasional agar mampu menarik minat anak-anak menceburi bidang ini. Sebagai contoh, anak-anak boleh membuat lawatan ke pusat perindustrian untuk memberigambaran sebenar kerjaya dalam bidang tersebut. Kesannya, tindakan ibu bapa ini boleh membantu anak-anak mengetahui kepelbagaian peluang kerjaya dalam bidang teknik dan vokasional.

Seterusnya, pada peringkat pengajian tinggi pula, kerajaan menggalakkan pihak industri menawarkan biasiswa kepada pelajar politeknik yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Langkah ini berupaya menarik minat lebih banyak pelajar bidang kemahiran selaras dengan usaha kerajaan memperkasakan bidang Teknik dan vokasional. Kerjasama yang wujud membolehkan remaja yang berminat mendapat tajaan biasiswa untuk melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi dan bertaraf dunia. Dengan cara ini, kita dapat melahirkan graduan untuk memenuhi tuntutan industri dan masyarakat pada masa ini. Usaha ini juga akan memberi gambaran kepada anak-anak muda bahawa mereka masih boleh mencapai kecemerlangan dalam pendidikan apabila mengambil jurusan teknik dan vokasional. Tegasnya, kerajaan dan pihak industri juga memainkan peranan penting dalam membuka peluang kepada anak-anak muda untuk menceburi bidang ini agar setanding



dengan negara lain persis peribahasa duduk sama rendah berdiri sama tinggi.

Sebagai penutup wacana, pendidikan teknik dan vokasional adalah amat vital untuk membangunkan sebuah negara lestari pada masa hadapan. Sebagai rakyat yang berhasrat untuk memajukan Malaysia agar menjadi sebuah negara mapan, janganlah kita melepaskan peluang untuk menjadi pekerja mahir dalam sektor peindustrian agar produk buatan Malaysia diusahakan, dibungkus dan dijaga kualitinya oleh anak watan kita sendiri dan bukan lagi warga asing. Cukuplah sehingga hari ini kita mengharapkan kudrat mereka, kini tiba masanya kita berdiri di atas kaki sendiri untuk mengorak langkah untuk melakukan perubahan yang besar buat negara dan bangsa dengan memanfaatkan pendidikan teknik dan vokasional.

CADANGAN JAWAPAN KERTAS 1103/1 : SET 2

BAHAGIAN A

Kehendak Soalan

1. Calon perlu menghuraikan pendapat berkenaan **kerjaya e-sukan**.
2. Calon **perlu** menyentuh **semua bahan** sama ada sebagai **idea utama/ idea sampingan** atau **contoh**
3. Sekiranya calon menyentuh **semua bahan dan menambah idea lain – boleh cemerlang**
4. Jika calon **tidak menyentuh semua bahan – maksimum kepujian**
5. Jika calon menulis **melebihi 210 patah perkataan** atau hingga ayat itu berakhir - **maksimum – kepujian**
6. Sekiranya calon menulis **kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum memuaskan**
7. Penanda wacana dan peribahasa dikira 1 patah perkataan

Contoh Karangan

Zaman beralih, musim berubah. Media massa dan jaringan Internet dalam dunia tanpa sempadan membolehkan maklumat diakses di hujung jari. E-sukan seperti “PUBG Mobile”, “Free Fire”, Mobile Legends dan banyak lagi mempunyai kedudukan yang sangat unik dalam teknologi kini hingga membolehkannya merangsang pembangunan segmen lain dalam industri. Persoalannya, apakah kebaikan e-sukan dan langkah meningkatkannya?

E-sukan mempunyai potensi yang luas bukan sahaja sekadar hobi, malah menjadi kerjaya dengan pendapatan lumayan yang sudah dibuktikan di peringkat antarabangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak pertandingan e-sukan yang menyediakan wang dan hadiah lumayan kepada pemenang-pemenang sehingga mencecah ribuan ringgit. Tamsilnya, Festival E- Sukan di Johor pernah menawarkan hadiah terkumpul mencecah lapan puluh enam ribu ringgit. Tegasnya, e-sukan boleh dijadikan sebagai satu kerjaya pada masa depan.

Pihak kerajaan boleh menyediakan peruntukan kewangan dan merangka pelbagai program untuk memikat hati generasi muda menceburi bidang e-sukan. Amsalnya, kerajaan telah memperuntukkan RM20 juta untuk e-sukan dalam belanjawan tahun 2020 dan 2021. Usaha ini perlu dilakukan kerana mampu mewujudkan peluang pekerjaan baharu yang menarik kepada golongan muda seperti pengurus, jurulatih, penganjur acara dan banyak lagi. Oleh itu, negara kita dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara maju lain di samping nama negara kita akan gah di persada dunia.

Konklusinya, ingatlah pesanan William Shakespeare, “jangan hentikan usaha yang mulia selagi hasil belum dicapai”. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu bagi menggalakkan golongan muda untuk melibatkan diri dalam bidang e-sukan.

(205 patah perkataan)

BAHAGIAN B

SOALAN 1

Berdasarkan kandungan bahan di atas, setiap pelajar perlu mempelajari mata pelajaran Sejarah dengan bersungguh-sungguh.

Jelaskan langkah-langkah guru untuk menarik minat murid mempelajari mata pelajaran Sejarah.

Kehendak Soalan

1. Calon dikehendaki menghuraikan langkah-langkah guru untuk menarik minat murid mempelajari mata pelajaran Sejarah.
2. Cadangan Isi :
 - i. *Guru haruslah menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik*
 - ii. *Guru juga boleh membawa pelajar melawat ke tempat-tempat bersejarah*
 - iii. *Guru juga perlu memberikan peluang kepada pelajar untuk melakukan kajian atau folio Sejarah.*
 - iv. *Guru dengan kebenaran pihak sekolah juga boleh menjemput tokoh-tokoh Sejarah berceramah di sekolah.*
 - v. *Isi lain yang sesuai diterima.*

Kemungkinan Jawapan Calon :

1. Calon menghuraikan langkah-langkah, usaha-usaha, cara-cara guru untuk menarik minat murid mempelajari mata pelajaran Sejarah – terima seperti biasa
2. Calon menghuraikan kepentingan/kebaikan mempelajari mata pelajaran Sejarah – TMT
3. Calon menghuraikan teknik-teknik guru mengajar mata pelajaran sejarah - PMTPM

CONTOH KARANGAN

Semenjak mata pelajaran Sejarah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), terdapat pelajar yang berasa susah hati dan cemas kerana kemampuan mereka menguasai mata pelajaran tersebut sangat rendah. Jika dibandingkan dengan mata pelajaran lain, tidak banyak pelajar yang mampu menguasai mata pelajaran ini dengan baik. Memandangkan penguasaan mata pelajaran ini sangat perlu dan penting, peranan guru dituntut untuk menjadikan mata pelajaran ini diminati oleh pelajar. Oleh itu, usaha-usaha yang efektif perlu dilaksanakan oleh setiap guru untuk merealisasikan impian ini.

Bagi meningkatkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah, **guru haruslah menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih menarik.** Guru harus lebih kreatif dan inovatif apabila mengajarkan mata pelajaran Sejarah. Mereka tidak harus terlalu berorientasikan peperiksaan sebaliknya mempelbagaikan proses pengajaran untuk mencetuskan minat pelajar bagi mendalami sesuatu peristiwa sejarah tersebut. Sebagai contohnya, guru boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran seperti menggunakan kaedah lakonan, temu ramah atau tayangan video. Dengan cara ini, minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah akan meningkat. Dalam masa yang sama, semangat cinta akan negara juga akan tersemai dalam jiwa mereka.

Selain itu, **guru juga boleh membawa pelajar melawat ke tempat-tempat bersejarah.** Sebenarnya, proses pengajaran tidak sepatutnya dihadkan di bilik kelas sahaja. Sebaliknya, pelajar harus dibawa melawat ke tempat-tempat bersejarah. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui aktiviti lawatan ini, pelajar berpeluang melihat dengan mata kepala mereka sendiri tempat bersejarah yang dipelajari di dalam kelas. Tamsilnya, lawatan ke kota A' Famosa di Melaka mampu membuktikan kepada pelajar tentang kegemilangan Kesultanan Melaka pada suatu ketika dahulu seperti yang tercatat dalam buku Sejarah. Oleh itu, melalui lawatan sebegini rasa cinta pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah akan terus tersemai.

Dari sudut yang lain pula, **guru juga perlu memberikan peluang kepada pelajar untuk melakukan kajian atau folio Sejarah.** Melalui cara ini, pelajar berpeluang untuk melakukan kajian mengenai tajuk kajian yang diberi sama ada pergi ke tempat-tempat bersejarah secara langsung atau melakukan kajian melalui pelbagai sumber rujukan. Amsalnya, aktiviti menemu ramah tokoh-tokoh tertentu berkaitan dengan kajian yang dijalankan mampu memberikan pengetahuan secara langsung kepada pelajar tentang sejarah tempatan. Jelasnya, dengan mencari maklumat melalui pelbagai sumber rujukan, cara ini mampu menyuntik perasaan minat akan mata pelajaran Sejarah dalam kalangan pelajar.

Peribahasa ada mengatakan tak kenal maka tak cinta. Oleh itu, **guru dengan kebenaran pihak sekolah juga boleh menjemput tokoh-tokoh Sejarah berceramah di sekolah** supaya pelajar boleh mengenali mereka dengan lebih dekat. Hal ini wajar dilakukan kerana ceramah yang disampaikan oleh tokoh sejarah mampu menarik minat pelajar untuk mengetahui sejarah negara. Melalui kaedah ini, para pelajar berkesempatan untuk mengenali tokoh sejarah negara yang banyak memberikan sumbangan terhadap negara. Jelas pertemuan secara empat mata

dengan tokoh-tokoh sejarah mampu menimbulkan minat pelajar terhadap sejarah dan

mencintaimata pelajaran ini.

Akhirulkalam, mata pelajaran Sejarah penting untuk dipelajari bukan sekadar untuk lulus peperiksaan, malah mampu menyemai semangat cinta akan negara. Oleh itu, para guru seharusnya memainkan peranan mereka supaya mata pelajaran ini tidak dipandang sebelah mata oleh para pelajar. Jika usaha ini mampu dilaksanakan, sudah pasti mata pelajaran ini akan menjadi kesukaan para pelajar. Hasilnya nanti, pelajar bukan sahaja cinta akan mata pelajaran Sejarah malah semangat patriotik juga akan utuh terpahat dalam jiwa mereka.

(507 patah perkataan)

SOALAN 2

Anda bercita-cita untuk menjadi seorang usahawan.

Huraikan persediaan-persediaan yang perlu anda lakukan sebelum menjadi usahawan.

Kehendak Soalan

1. Murid dikehendaki untuk menyatakan **persediaan-persediaan yang perlu dilakukan sebelum** menjadi usahawan.
2. Murid **mesti menggunakan ‘saya’**. Sekiranya menggunakan ‘kita’, ‘pelajar’, atau ‘remaja’, maksimum **kepujian bawah**.
3. Cadangan isi :
 - i. *Menguasai ilmu pengetahuan*
 - ii. *Modal yang mencukupi*
 - iii. *Berusaha dengan gigih*
 - iv. *Isi lain yang sesuai diterima*

Kemungkinan Jawapan Calon :

1. Murid menghuraikan **langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara sebelum menjadi usahawan** – terima seperti biasa
2. Murid menghuraikan **langkah-langkah / usaha-usaha / cara-cara menjadi usahawan** (tiada perkataan “sebelum”) – maksimum kepujian sahaja

CONTOH KARANGAN

Usahawan ialah individu yang menggabungkan tiga faktor utama dalam ekonomi iaitu tanah, buruh dan modal dalam mengeluarkan sesuatu proses pengeluaran. Ganjaran kepada usahawan ialah keuntungan kerana berani menanggung risiko kerugian yang besar. Saban hari, kita sering disajikan kejayaan para usahawan tempatan. Hal ini bermaksud bahawa usahawan merupakan salah satu penyumbang utama dalam ekonomi negara kita. Persoalannya, apakah persediaan-persediaan yang perlu saya lakukan sebelum menjadi usahawan.?

Persediaan perdana untuk menjadi seorang usahawan ialah **saya perlu menguasai ilmu pengetahuan yang berfokuskan dunia keusahawanan**. Hal ini dikatakan demikian kerana tanpa penguasaan ilmu keusahawanan, saya akan mudah ditipu dan ditindas oleh golongan lintah darat yang sentiasa menanggung di air yang keruh. Saya juga perlu menjalankan kajian tentang cara untuk memperoleh keuntungan yang maksimum pada setiap tempoh perakaunan. Untuk merealisasikan impian tersebut, saya perlu mendalami ilmu dunia keusahawanan melalui disiplin ilmu Sains Akuator, Prinsip Perakaunan, Perniagaan, dan Matematik. Kejayaan tokoh-tokoh usahawan seperti Donald Trump, Bill Gates, Tan Sri Syed Mokhtar Bhukori dan lain-lain yang gah dengan empayar perniagaan masing-masing boleh dijadikan teladan untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Memang tidak dinafikan, penguasaan ilmu pengetahuan membolehkan saya menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Selain itu, persediaan dominan yang perlu dilengkapi untuk menjadi seorang usahawan ialah **saya perlu menyediakan modal yang mencukupi khususnya modal kewangan dan modal fizikal**. Modal kewangan merupakan dana boleh dicairkan untuk mengeluarkan sesuatu produk yang menelan kos. Modal fizikal pula merupakan peralatan yang perlu untuk melengkapi pengeluaran sesuatu produk tamsilnya mesin, bangunan kilang, dan bahan mentah. Modal kewangan boleh diperoleh melalui pinjaman persendirian. Sebagai bakal seorang usahawan, saya akan berusaha sebaik mungkin untuk membuat pinjaman daripada pihak institusi kewangan antaranya Majlis Amanah Rakyat atau MARA, TEKUN Nasional dan Pusat Zakat. Saya akan berusaha untuk meyakinkan pihak institusi kewangan tersebut untuk meminjamkan modal bagi memulakan perniagaan melalui kredibiliti yang ada pada diri saya yang sememangnya sangat meminati subjek Perniagaan dan berhasrat untuk mengaplikasikan ilmu tersebut dalam kehidupan. Tegasnya, modal yang mencukupi akan menjamin kejayaan seseorang usahawan dalam bidang keusahawanan.

Akhir sekali, persediaan untuk menjadi usahawan yang berjaya ialah **saya akan berusaha dengan gigih**. Untuk merealisasikan hasrat murni ini, saya sebagai bakal seorang usahawan mestilah memajukan lagi perniagaan saya di peringkat antarabangsa tanpa mengenal erti berputus asa. Tokoh usahawan yang boleh saya jadikan contoh ialah Puan Rozita Ibrahim, pengusaha alat kosmetik Sendayu Tinggi. Puan Rozita sanggup bermalam di dalam lori semata-

mata untuk memasarkan produknya ketika perniagaannya baru mula bertatih. Hasil ketekunan dan kegigihannya, beliau kini bergelar jutawan kosmetik yang tersohor di Malaysia. Terinspirasi dengan kejayaan tokoh usahawan inilah, saya akan sentiasa gigih berusaha untuk memastikan segala impian menjadi kenyataan dan bukannya sekadar angan-angan Mat Jenin. Tuntasnya, untuk menjadi usahawan yang berjaya kita mestilah gigih berusaha umpama genggam bara api biar sampai jadi arang.

Kesimpulannya, saya perlu membuat persediaan-persediaan awal yang rapi sebelum menceburi bidang keusahawanan kerana yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. Malahan, sebagai individu yang bakal menceburi dunia keusahawanan, saya mestilah berusaha tanpa mengenal erti jemu. Sifat-sifat mahmudah seperti rajin, jujur, berdaya saing dan lain-lain harus ditanam dalam diri. Dalam pada masa yang sama, saya akan sentiasa berserah kepada Allah agar impian untuk menceburi bidang keusahawanan ini menjadi sesuatu yang realiti dan bukannya fantasi semata-mata.

(505 patah perkataan)

SOALAN 3

Berdasarkan petikan di atas, bahasa memainkan peranan yang sangat penting dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Huraikan kepentingan bahasa kebangsaan kepada golongan masyarakat.

Kehendak Soalan

1. Murid menghuraikan **kepentingan bahasa kebangsaan kepada golongan masyarakat**.
2. **Cadangan Isi :**
 - i. Dapat berkomunikasi
 - ii. Melancarkan rutin kehidupan seharian mereka.
 - iii. Mewujudkan kesefahaman antara kaum
 - iv. Alat utama penyatuan msyarakat/menyatupadukan pelbagai etnik dan kaum diMalaysia

Kemungkinan Jawapan :

1. Murid menghuraikan **cara-cara** mempelajari bahasa kebangsaan – maksimum TPM
2. Murid menghuraikan **isi lain** selain isi dalam bahan rangsangan – maksimum kepujian
3. Murid menghuraikan **isi lain dan isi dalam bahan rangsangan** – terima seperti biasa
4. Murid menghuraikan kepentingan bahasa kebangsaan **terhadap negara** – maksimum baik
5. Murid menghuraikan **kepentingan terhadap masyarakat umum (tanpa sentuh masyarakat pelbagai kaum)** – maksimum kepujian

CONTOH KARANGAN

Bahasa membentuk ketamaduan sesebuah negara dan masyarakatnya. Sehubungan dengan itu, setiap negara pasti mempunyai bahasa kebangsaan dan tidak terlepas juga negara kita iaitu Malaysia. Malaysia menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara. Berpegang pada slogan yang diamalkan negara, “Bahasa Jiwa Bangsa”, bahasa kebangsaan menjadi ideologi yang penting untuk menjadikan Malaysia negara yang aman dan damai walaupun masyarakatnya yang mempunyai kepelbagaian kaum, etnik, adat resam dan budaya. Persoalannya, apakah kepentingan bahasa kebangsaan kepada golongan masyarakat?

Antara kepentingan bahasa kebangsaan kepada golongan masyarakat ialah **bahasa kebangsaan melancarkan rutin kehidupan seharian mereka**. Rakyat Malaysia diharap dan mengamalkan prinsip, “serumpun bak serai, seikat bak sirih,” dalam kehidupan seharian mereka. Dengan adanya bahasa kebangsaan, rakyat mudah berhubung dan bekerjasama dalam semua lapangan dan pekerjaan. Misalnya, masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum dan bahasa dalam sektor awam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi mereka semasa menjalankan tugas. Malahan, bahasa ini menjadikan mereka sebagai sebuah keluarga yang besar dalam segala urusan seperti yang diuar-uarkan oleh kerajaan sebagai “Keluarga Malaysia” yang tidak mengira status, kedudukan, pangkat ataupun keturunan. Jelaslah bahawa penggunaan bahasa kebangsaan mampu menjadikan urusan seharian masyarakat lancar dan efektif.

Selain itu, kepentingan bahasa kebangsaan kepada masyarakat ialah **bahasa kebangsaan mewujudkan kesefahaman antara kaum**. Tidak dapat dinafikan bahawa sarwa manusia amat mengiktiraf kepentingan bahasa sebagai wahana untuk memahami sesama manusia. Dengan memahami bahasa kebangsaan yang sama, segala penyampaian sama ada perasaan atau pemikiran dapat melahirkan perpaduan dan kesefahaman dalam semua perkara. Contohnya, banyak idea yang jitu, bernas dan tuntas ditolak atau diketepikan begitu sahaja kerana tidak disampaikan dengan menggunakan bahasa yang betul, jelas dan menyakinkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penguasaan bahasa kebangsaan amat penting dalam menghasilkan komunikasi yang berkesan supaya difahami oleh seluruh lapisan masyarakat.

Jika dilihat dari sudut lain, **bahasa kebangsaan akan dapat menyatukan masyarakat yang berbilang bangsa dan etnik**. Jika diimbaz kembali, ketika zaman penjajahan British, orang-orang Melayu ditindas dan ekonomi orang Melayu tidak memberangsangkan. Lantaran itu, sifat British yang sering menanam tebu di bibir mulut telah berjaya membawa masuk imigran Cina dan India sehingga melahirkan masyarakat majmuk di negara ini. Lantaran itu, bahasa kebangsaan amat penting sebagai ejen penyatuan dan perpaduan antara kaum di Malaysia. Sebagai contoh, semua sekolah kebangsaan telah diseragamkan dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Hal ini dapat mengelakkan persengketaan antara kaum seperti peristiwa 13 Mei 1969 daripada berlaku lagi. Tegasnya, bahasa kebangsaan mampu menjadikan setiap kaum di negara kita bersatu padu persis kata mutiara, ‘bersatu kita teguh, bercerai kita roboh’.

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa bahasa kebangsaan telah

berperanan penting sebagai alat utama untuk menyatupadukan pelbagai etnik dan kaum di Malaysia. Walaupun pada hakikatnya, terdapat pelbagai bahasa berbeza antara kaum dan etnik tetapi perkara ini seharusnya tidak dilihat sebagai faktor kegagalan membentuk perpaduan dalam kalangan pelbagai masyarakat di Malaysia. Sebaliknya, perkara ini merupakan satu cabaran besar yang memerlukan pengorbanan dan kerjasama pelbagai pihak supaya matlamat menggunakan bahasa kebangsaan dalam menyatukan masyarakat Malaysia berjaya dicapai. Oleh itu, marilah kita sama-sama mencintai bahasa kebangsaan kita iaitu bahasa Melayu.

(490 patah perkataan)

SOALAN 4

Berdasarkan petikan di atas, terdapat pelbagai implikasi tabiat merokok dalam kalangan remaja.

Beri komen anda.

Kehendak Soalan

1. Murid memberikan komen implikasi tabiat merokok dalam kalangan remaja.
2. **Cadangan Isi :**
 - i. *Remaja akan mengalami ketagihan merokok (kegilaan)*
 - ii. *Remaja mengalami masalah kesihatan yang kronik.*
 - iii. *Mencemarkan alam sekitar*
 - iv. *Memberikan kesan buruk kepada individu di sekeliling perokok*

Kemungkinan Jawapan

1. Murid menghuraikan **kesan negatif merokok** – semak seperti biasa
2. Murid menghuraikan **kesan menghisap rokok elektronik -‘vape’**- maksimum kepujian
3. Murid menghuraikan **punca remaja merokok** – maksimum TPM
4. Murid menghuraikan **isi lain selain bahan rangsangan** – maksimum kepujian
5. Murid menghuraikan **isi lain dan isi dalam bahan rangsangan** – semak seperti biasa
6. Murid menghuraikan **lebih banyak kesan negatif daripada kesan positif merokok** –maksimum baik
7. Murid menghuraikan **lebih banyak kesan positif dan daripada kesan negatif merokok**
– maksimum TPM
8. Murid menghuraikan **kesan negatif merokok secara umum tanpa menyebut remaja** –maksimum baik

CONTOH KARANGAN

Dalam alaf yang penuh cabaran ini, rokok menjadi simbol kedewasaan bagi seseorang remaja. Ada juga remaja yang mempercayai mitos bahawa merokok dapat mengurangkan berat badan. Faktor-faktor ini merupakan sebahagian daripada punca remaja menghisap rokok. Menurut kajian “Global Adult Tobacco Survey Malaysia” pada 2011, hampir 25 peratus rakyat Malaysia berumur 15 tahun ke atas merupakan perokok. Hakikatnya, tabiat merokok ini memberikesan yang negatif kepada mereka tanpa disedari sehinggalah mereka sendiri mengalami kesan tersebut. Persoalannya, apakah implikasi tabiat merokok yang menjadi kegilaan dalam kalangan remaja kini?

Antara kesan negatif yang akan dialami oleh seseorang remaja apabila mereka menghisap rokok ialah mereka **akan mengalami ketagihan merokok**. Hal ini dikatakan demikian kerana tembakau yang terdapat pada kandungan rokok mempunyai nikotin. Nikotin juga akan mengakibatkan sistem saraf dan mental seseorang perokok tegar itu terganggu. Keadaan inilah yang akan memberi kesan negatif kepada emosi remaja. Mereka akan mudah marah apabila tidak dapat menghilangkan ketagihan merokok. Malahan, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) turut berpendapat bahawa merokok merupakan satu aktiviti ketagihan yang akan menyebabkan seseorang itu terlibat dengan najis dadah. Hal ini sekaligus akan meningkatkan masalah sosial dalam masyarakat. Tegasnya, perbuatan merokok perlulah dijaui kerana ketagihan terhadap rokok hanya akan merugikan diri sendiri.

Dalam jangka masa panjang, remaja yang menghisap rokok akan **mengalami masalah kesihatan yang kronik**. Akibat perbuatan menghisap rokok sejak remaja, seseorang itu akan mengalami masalah pernafasan apabila mereka berada pada usia tua. Keadaan ini bertambah parah jika penghisap rokok itu memiliki berat badan berlebihan kerana berkemungkinan mereka akan mengalami serangan jantung. Selain itu, merokok dalam jangka masa yang lama menyebabkan penyakit barah seperti barah paru-paru, barah lidah, dan barah kerongkong. Sebagai bukti yang jelas, statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia

(KKM) menunjukkan bahawa bilangan kematian yang berpunca daripada barah paru-paru dianggarkan sebanyak 14733 orang bagi tempoh antara tahun 1995 hingga tahun 2000. Kesannya, kos rawatan yang tinggi diperlukan bagi merawat penyakit yang dihidapi remaja tersebut. Jelaslah bahawa remaja seharusnya melupakan kenikmatan merokok yang bersifat sementara demi mendapatkan kesihatan yang berkekalan sebelum nasi menjadi bubur.

Selain membahayakan kesihatan remaja, **merokok juga boleh mencemarkan persekitaran**. Asap rokok akan menyebabkan pencemaran udara. Malahan, puntung rokok yang dibuang merata-rata boleh mencemarkan alam sekitar seperti mengakibatkan longkang tersumbat yang menjadi punca pembiakan nyamuk aedes. Lebih membimbangkan lagi, perbuatan merokok juga menyumbang sebanyak 25 peratus daripada jumlah kes kebakaran. Keadaan ini boleh dilihat apabila remaja yang merokok kurang rasa tanggungjawab untuk membuang puntung rokok yang masih berbara di tempat yang

selamat. Ekoran itu, kandungan karbon dioksida dan karbonmonoksida akan meningkat sekaligus menaikkan suhu bumi. Sudah terang lagi bersuluh bahawa perbuatan merokok bukan hanya merugikan remaja yang merokok malah alam sekitar turut menjadi mangsa perbuatan tersebut.

Konklusinya, tabiat merokok dalam kalangan remaja mendatangkan pelbagai implikasi negatif terhadap remaja dan persekitaran. Oleh itu, tabiat ini haruslah ditangani segera dengan langkah yang bijak bagi menarik rambut di dalam tepung, rambut tidak putus tepung tidak berselerak agar penyelesaian jitu dapat dicapai tanpa menimbulkan sebarang kesan buruk kepada mana-mana pihak. Malah, semua pihak haruslah mengambil inisiatif dalam menyelesaikan masalah yang masih bersarang dalam masyarakat yang tiada kesudahan ini agar anak watan dapat menjalani kehidupan yang sihat, tenang dan bahagia. Oleh hal yang demikian, ayuhlah kita menyokong kempen “Tak Nak Merokok” yang dilancarkan kerajaan dalam memerangi tabiat merokok demi kemaslahatan bersama.

(497 patah perkataan)

SKEMA JAWAPAN BM1 SET 2 TAMAT

CADANGAN JAWAPAN KERTAS 1103/1: SET 3

BAHAGIAN A

Kehendak soalan

Calon menjawab mana-mana iklan yang diberikan

Kemungkinan jawapan calon

- Semua bentuk resume yang sesuai – semak seperti biasa
- Calon menjawab **tanpa menulis jawatan** yang dikehendaki – maksimum kepujian

RESUME		
MOHD ZHAFRAN BIN MOHD SYAHRIL		
No kad pengenalan	:	991122-13-6789
Tarikh lahir	:	22 november 1999
Alamat tempat tinggal	:	Lot 1234 Desa Pujut 2, Lorong 1L/2, Bandar Baru Permai Jaya, 98000 Miri, Sarawak.
No telefon rumah	:	085 456 789
No telefon bimbit	:	013 987654
Alamat untuk dihubungi	:	SMK Pujut Miri, Lot 3119, paradise Park, Jalan Pulasan Senadin, 98000 Miri, Sarawak.
Jawatan dipohon	:	Pegawai Tadbir dan Diplomatik
KELULUSAN AKADEMIK		
• Sijil Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), • Sijil Pelajaran Malaysia 9A+ 2A • Matrikulasi, UNIMAS, Kuching, Sarawak. • Ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran, UNIMAS, Kuching, Sarawak. • Sijil Jurulatih Sukan olahraga		
ANUGERAH		
• Tokoh Sukan Memanah Peringkat Kebangsaan 2019. • Tokoh Kepemimpinan Muda Peringkat Negeri Sarawak 2018. • Murid Terbaik PT3 Peringkat Sekolah. • Tokoh murid Sekolah Menengah Daerah Miri. • Tokoh Kokurikulum Sekolah. • Olahraga Lelaki Terbaik Peringkat Universiti.		
POTENSI DIRI		
• Sentiasa ramah mesra dan mudah bergaul dengan semua golongan masyarakat. • Sentiasa menerima tanggungjawab yang diberikan dengan amanahnya dan berfikiran terbuka. • Bersiap siaga untuk menerima cabaran semasa bertugas dan tugas yang mencabar. • Bersedia untuk bekerja di bawah tekanan dengan memotivasikan diri dan orang lain.		



• Boleh berkomunikasi dalam empat bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan bahasa Arab dan Bahasa Jepun. • Berpegang pada usaha yang gigih, jujur, dan amanah ketika menjalankan tugas. • Berusaha untuk menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi demi kejayaan.	
KEMAHIRAN BERBAHASA	KEMAHIRAN TAMBAHAN
• Bahasa Melayu • Bahasa Inggeris • Bahasa Arab	• Berkebolehan dalam pengucapan awam • Memiliki sijil dalam sukan berkuda • Memiliki Diploma Teknologi Maklumat
PENGALAMAN	
• Mewakili negeri Sarawak dalam sukan olahraga peringkat kebangsaan • Mewakili universiti dalam sukan memanah peringkat universiti dan kebangsaan • Mewakili universiti dalam pertandingan bahas antara universiti di Malaysia. • Mewakili universiti dalam Pertandingan Pidato Bahasa Jepun anjuran Universiti of Tokyo, Jepun.	
RUJUKAN	
• Prof Madya Dr. Zambri bin Hasan, Pensyarah di Fakulti Sains Sosial UNIMAS telefon bimbit untuk dihubungi 011 435672 • Dr. Syamsul Mohamad bin Bakri, Pensyarah di Fakulti Sains Sosial UNIMAS telefon bimbit untuk dihubungi 013 578921 • Dr. Safiee bin Sharif Jurulatih, jurulatih sukan UNIMAS telefon bimbit untuk dihubungi 012 378902	

BAHAGIAN B

SOALAN 1

Kehendak soalan

Format : Syarahan
Tajuk : “Ciri-ciri pekerja idaman setiap majikan”

Kemungkinan jawapan

1. Calon menulis karangan biasa tetapi menyentuh ciri-ciri pekerja idaman – semak seperti biasa
2. Calon menulis usaha menjadi pekerja idaman setiap majikan – maksimum memuaskan
3. Calon menulis ciri-ciri majikan idaman – maksimum penguasaan minimum

Cadangan Jawapan

Yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, barisan panel hakim yang arif lagi menegakkan kebenaran, guru-guru dan rakan-rakan sekalian. Assalamualaikum dan salam sejahtera saya ucapkan. Pada pagi yang sungguh ceria ini, saya akan mempersembahkan kepada hadirin sebuah syarahan yang bertajuk “Ciri-ciri pekerja idaman setiap majikan”.

Hadirin sekalian,

Selari dengan pembangunan dan kemajuan yang mampan, sumber tenaga manusia yang berkualiti dan bermutu tinggi menjadi idaman setiap majikan bagi menjamin kualiti dan kuantiti sesuatu produk atau perkhidmatan yang dihasilkan. Hal ini dikatakan demikian kerana sumber tenaga yang berkualiti dapat memberikan kemudahan kepada pihak majikan untuk mengurus pekerjaanya. Di samping itu, majikan yang memiliki pekerja yang berintegriti akan lebih mudah menjalankan tugasannya kerana mudah untuk dipercayai dalam menjalankan setiap amanah yang dipertanggungjawabkan. Oleh itu, wajarlah untuk kita bincangkan, apakah ciri-ciri pekerja idaman setiap majikan supaya dapat menjadi panduan kepada kita semua?

Sebagai cetusan idea perdana, antara ciri pekerja yang diidamkan oleh para majikan ialah seseorang pekerja harus mempunyai kemahiran pengurusan yang tinggi. Ketidaktentuan ekonomi masa kini telah menyebabkan budaya melakukan pelbagai kerja dalam satu masa semakin menjadi-jadi. Oleh itu, kemahiran menguruskan tugas dan perkara-perkara lain berkaitan pekerjaan adalah penting supaya majikan tidak perlu menjana tenaga dan masa untuk melatih pekerja dalam perkara tersebut. Nilai utama yang menjadi kayu pengukur para majikan ialah ketepatan masa pekerja dalam menghadirkan diri, menyiapkan tugas serta tidak kerap mengambil cuti sakit. Oleh itu, kita seharusnya memilih bidang kerjaya yang menepati kebolehan diri serta minat yang akan mendorong kita menjadi pekerja yang diidamkan oleh para majikan. Secara tidak langsung, kita akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai objektif

yang telah ditetapkan dan memenuhi keperluan majikan kerana yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang. Tegasnya, pekerja yang pandai mengurus masa dan diri pasti dapat menarik perhatian majikan untuk menawarkan pekerjaan secara tetap dan seterusnya memberi perkembangan karier yang baik.

Hadirin sekalian,

Berdasarkan pemikiran minda kelas pertama, majikan lazimnya mengidamkan pekerja yang mempunyai moral yang tinggi. Seseorang pekerja yang mempunyai peribadi dan moral yang unggul akan sentiasa menjaga hubungan baik sesama manusia tidak kiralah ketika bersama orang atasan, orang bawahan, rakan sendiri mahupun orang yang keluar masuk di kawasan pekerjaan tersebut. Sebagai contoh, pekerja cemerlang sentiasa menghormati kakitangan yang berada di sekitarnya. Mereka juga sentiasa berlapang dada untuk membantu pekerja yang lain apabila pertolongan diperlukan. Sifat sombong dan angkuh tidak pernah wujud dalam kamus hidup seseorang pekerja cemerlang. Mereka sentiasa mengamalkan sikap bermurah hati dan tidak memilih kasih dalam pergaulan tanpa membezakan bangsa, agama dan prestasi pekerja. Lantaran itu, kehidupan berlandaskan pekerti dan moral yang tinggi mampu melahirkan pekerja yang bermutu tinggi sejajar dengan impian dan idaman setiap majikan.

Bagi menyimpulkan perbahasan yang telah disampaikan, ciri-ciri yang diidamkan oleh majikan terhadap seseorang pekerja bergantung pada variasi dan corak syarikat atau organisasi masing-masing. Umum sedia maklum bahawa majikan merupakan kepala kepada struktur organisasi atau syarikat tetapi pekerja merupakan kaki dan tangan yang melakukan pekerjaan yang perlu bagi menjayakan objektif yang ditetapkan oleh majikan. Sehubungan dengan itu, layanan yang seyogianya harus diberikan kepada semua pekerja yang berkorban tenaga dan masa demi memenuhi hasrat dan visi majikan dengan memastikan kebajikan serta kadar gaji mereka diberikan mengikut ketetapan Kementerian Sumber Manusia. Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air, terletak kepada para majikan untuk menggilap dan melahirkan golongan pekerja profesional tempatan yang akan menjadi khazanah berguna buat negara dan nusa bangsa.

(513 patah perkataan)

SOALAN 2

Kemungkinan jawapan

1. Calon menghuraikan cara-cara/ usaha-usaha yang dilakukan belia terhadap pembangunan negara – maksimum memuaskan
2. Calon menghuraikan persediaan tetapi tiada mengaitkan dengan menyumbang kepada pembangunan negara – maksimum kepujian
3. Calon menghuraikan persediaan mencapai cita-cita – maksimum memuaskan
4. Calon menghuraikan sumbangan belia kepada kemajuan negara – maksimum kepujian

CADANGAN JAWAPAN

Menurut purata Kadar Pertumbuhan Tahunan (CAGR) 2020, jumlah populasi belia di Malaysia ialah sebanyak 24.0 peratus daripada 32.4 juta penduduk di Malaysia. Statistik ini menunjukkan bahawa golongan belia merupakan kelompok penting yang perlu diberi perhatian kerana mereka bakal menggantikan golongan pemimpin pada setiap peringkat sama ada keluarga, masyarakat, organisasi mahupun negara suatu masa kelak. Oleh itu, wajar untuk kita bincangkan, apakah usaha belia untuk mempersiapkan diri dalam membangunkan dan memajukan negara demi kemaslahatan bersama?

Peranan utama yang harus digarap oleh golongan belia adalah dengan menguasai ilmu pengetahuan kerana pengetahuan merupakan kunci kejayaan terhadap sesuatu perkara. Dengan kemudahan teknologi hari ini, tiada alasan yang menjadi penghalang kepada golongan belia untuk mendapatkan sebarang ilmu dan pengetahuan. Orang-orang di sekeliling golongan belia seperti ibu, bapa dan guru wajar memberikan sokongan untuk mereka mempelajari bidang pendidikan yang diminati oleh mereka serta pendedahan terhadap pengetahuan am yang penting. Misalnya di sekolah guru-guru mengajar subjek Sejarah perlu menekankan sikap patriotik terhadap negara dan di rumah, ibu dan bapa merasionalkan pengajaran di sekolah dengan berkongsi realiti yang berlaku pada hari ini. Hasilnya, golongan belia yang mempunyai ilmu tentang perkara yang telah berlaku pasti dapat menzahirkan sesuatu yang lebih berguna kepada diri sendiri, keluarga mahupun masyarakat. Tegasnya, mempelajari dan menguasai ilmu pengetahuan oleh golongan belia dapat membantu negara kerana laut yang ditimba tak akan kering.

Di samping itu, golongan belia juga seharusnya mempelbagaikan kemahiran diri. Sebagai contoh dari sudut alam pekerjaan, mereka yang mempunyai keterampilan yang menarik akan lebih menyerlah berbanding mereka yang mempunyai pencapaian akademik tetapi tiada kemahiran interpersonal. Oleh itu, golongan belia perlu sentiasa belajar untuk memperbaiki diri dari hari ke hari bak kata pepatah Melayu, belakang parang pun kalau diasah nescaya tajam. Dalam dunia yang semakin kompetitif hari ini, semangat tidak berputus asa dan konsisten dalam mempelajari sesuatu yang baharu hendaklah diamalkan oleh golongan belia.

Sekiranya berlaku kejutan ekonomi seperti pandemik COVID-19 baru-baru ini, kemahiran-kemahiran di luar bidang pekerjaanlah yang akan digunakan untuk menampung diri dan keluarga. Tegasnya, golongan belia hari ini perlu menyiapkan diri untuk menghadapi pelbagai cabaran dan ketidakpastian pada masa hadapan.

Di samping itu, golongan muda hendaklah memelihara kesihatan dari segala aspek sama ada fizikal, mental dan juga kerohanian. Dari segi fizikal, Malaysia pernah dikategorikan sebagai antara negara yang mempunyai kes obesiti tertinggi di rantau Asia Tenggara. Oleh itu, hakikat ini perlu diubah dan golongan belia mampu menjadi pemangkin kepada perubahan imej masyarakat negara yang lebih baik. Amalan pemakanan yang seimbang dan pemeriksaan kesihatan berkala wajar dijadikan budaya dalam kehidupan golongan belia. Tambahan pula, infrastruktur sukan yang bertambah lengkap dari tahun ke tahun seharusnya dimanfaatkan oleh masyarakat. Golongan belia sepatutnya menghabiskan masa lapang dengan melakukan aktiviti riadah seperti bersukan dan bersenam kerana boleh menjadi medan utama untuk bersosial. Izharanya, remaja yang sihat secara fizikal dan juga mental dapat membentuk jati diri yang mapan kerana badan sihat minda cerdas.

Kesimpulannya, golongan belia sebenarnya memainkan peranan yang sangat signifikan terhadap pembangunan negara serta kemajuan negara. Kedaulatan dan martabat nusa bangsa yang telah dicapai sejak kemerdekaan perlu dipelihara dan dipastikan kelangsungannya agar tanah air yang dicintai tidak dijajah kembali. Setiap pihak perlu membuang ego dan kepentingan diri apabila agenda negara menjadi aspek yang dibincangkan. Janganlah seperti masing-masing perahu, masing-masing kayuh dalam memastikan hasrat negara melahirkan generasi berjaya pada masa hadapan. Mulai hari ini, golongan belia perlu berazam untuk melaksanakan peranan seperti yang dibincangkan di atas kerana "pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara".

(495 patah perkataan)

SOALAN 3

Kehendak Soalan

- Calon membincangkan cara-cara yang dapat dilakukan untuk menghargai, menghormati dan membalas jasa warga tua.
- Calon boleh menggunakan kata ganti nama “kita” atau menggunakan pelbagai pihak seperti kerajaan, pihak sekolah, media massa dan lain-lain lagi.

Kemungkinan Jawapan

- Calon menghuraikan cara-cara menjaga ibu bapa, datuk nenek dan orang tua – maksimum baik
- Calon menghuraikan sebab-sebab warga tua harus dihargai – maksimum memuaskan
- Calon menghuraikan punca-punca warga tua diabaikan – maksimum TPM

Cadangan Isi

1. Kita/masyarakat perlu meningkatkan kehormatan dan martabat diri warga tua dalam keluarga, masyarakat, dan negara.
2. Kerajaan perlu memajukan potensi warga tua serta mewujudkan peluang untuk menyertai aktiviti pembangunan masyarakat dan negara
3. Pihak kerajaan hendaklah mewujudkan dan menyediakan kemudahan-kemudahan yang tertentu untuk warga tua
4. Mempergiat pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan warga tua oleh setiap individu dan kelompok, pertubuhan sukarela, masyarakat tempatan, agensi kerajaan, dan pihak swasta berpandukan Dasar Warga Tua Negara

CONTOH KARANGAN

Malaysia mampu untuk menjadi sebuah negara yang bersatu padu, bertoleransi, dengan masyarakatnya yang mempunyai keyakinan diri, nilai-nilai moral dan etika yang utuh, progresif dan makmur, serta mampu untuk memainkan peranan bagi menjamin kesejahteraan semua golongan masyarakat. Sehubungan dengan itu, warga tua yang merupakan sebahagian daripada ahli masyarakat dan negara juga perlu diambil berat supaya hasrat ini dapat direalisasikan. Banyak cara yang dapat kita lakukan untuk menghargai, menghormati, dan membalas jasa mereka.

Salah satu cara yang dapat kita lakukan untuk menghargai, menghormati, dan membalas jasa golongan warga tua ialah kita perlu meningkatkan kehormatan dan martabat diri warga tua dalam keluarga, masyarakat, dan negara. Hal ini penting untuk membolehkan warga tua hidup dengan penuh kehormatan dan bermartabat serta selamat daripada penindasan dan penganiayaan. Selain itu, kita perlu memastikan warga tua mendapat layanan yang adil dan

saksama tanpa mengira umur, jantina, keturunan, etnik, agama, kecacatan, atau keadaan-keadaan lain. Ternyata, warga tua harus menikmati peluang untuk merealisasikan potensi optimum mereka dan memudahkan warga tua mendapatkan akses terhadap sumber pendidikan, kebudayaan, rohaniah, dan rekreasi yang ada dalam masyarakat.

Bukan itu sahaja, kita dapat memajukan potensi warga tua serta mewujudkan peluang untuk menyertai aktiviti pembangunan masyarakat dan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana warga tua terus terpinggir daripada pembangunan masyarakat dan negara serta penyertaan mereka akan mengukuhkan sikap berdikari pada diri mereka dan menunjukkan penghormatan yang tinggi terhadap hak individu. Selain itu, hal ini membolehkan warga tua memainkan peranan dalam masyarakat dan melibatkan diri secara aktif dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar berkaitan kesejahteraan mereka serta menurunkan pengetahuan dan kemahiran kepada generasi muda. Peluang warga tua untuk menyumbang kepada masyarakat secara sukarela sesuai dengan keupayaan dan minat mereka juga akan diwujudkan. Sebagai contohnya, warga tua digalakkan untuk menubuhkan persatuan atau pertubuhan bagi menjalankan aktiviti untuk kesejahteraan dan bersesuaian dengan keupayaan mereka. Oleh itu, penyertaan ini akan menunjukkan penghormatan dan keistimewaan yang diberikan kepada warga tua.

Selain itu, pelaksanaan program dan aktiviti berkaitan warga tua oleh setiap dan kelompok, pertubuhan sukarela, masyarakat tempatan, agensi kerajaan, dan pihak swasta berpandukan **Dasar Warga Tua Negara** harus digiatkan. Program dan **Dasar Warga Tua Negara** bertujuan untuk melindungi, menghormati, dan membalas jasa mereka selama ini sejak era kemerdekaan yang telah memberikan keselamatan dan kesejahteraan yang kita nikmati pada masa ini. **Dasar Warga Tua Negara** dapat dibahagikan kepada beberapa aspek seperti pendidikan, pekerjaan, riadah, kesihatan, keselamatan sosial, media, dan lain-lain dengan pelaksanaannya sendiri. Sebagai contohnya, dalam aspek pekerjaan, warga tua digalakkan untuk terus menyumbangkan tenaga kepada pembangunan negara melalui penyertaan dalam pekerjaan berasaskan pengalaman dan kemahiran masing-masing. Oleh itu, hak warga tua akan sentiasa disanjung, dipelihara, dan dihormati.

Jelaslah bahawa terdapat pelbagai usaha yang dapat kita lakukan untuk menghargai, menghormati dan membalas jasa mereka. Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu **seperti aur dengan tebing** untuk melaksanakan usaha ini supaya dapat mewujudkan masyarakat warga tua yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri yang tinggi. Kita harus sedar akan isu ini dan membantu untuk melaksanakan usaha tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana pada suatu hari nanti kita juga akan menjadi tua dan kita juga ingin dihormati serta dihargai. Oleh itu, kita janganlah menjadi **seperti kacang melupakan kulit**. Hargailah, hormatilah, dan bantulah warga tua.

(475 patah perkataan)

SOALAN 4

Kehendak Soalan

- Calon membincangkan manfaat-manfaat industri kreatif.
- Calon boleh menggunakan manfaat dalam stimulus atau manfaat lain (tidak terikat)

Kemungkinan Jawapan

- Calon tidak menggunakan manfaat dalam stimulus – semak seperti biasa
- Calon menghuraikan kesan memajukan industri kreatif – semak seperti biasa
- Calon menghuraikan langkah memajukan industri kreatif – maksimum memuaskan
- Calon menghuraikan contoh industri kreatif– maksimum TPM

Cadangan Isi

1. mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan
2. membudayakan kreativiti dan inovasi
3. meningkatkan imej negara

CONTOH KARANGAN

Seiring dengan peredaran zaman mendepani era teknologi yang disulami Revolusi Industri 4.0, perkembangan industri kreatif turut bertambah rancak di samping industri lain. Industri kreatif ialah industri-industri yang melibatkan kreativiti individu, keterampilan dan bakat yang mempunyai potensi menjana pendapatan. Antara contoh bidang kerjaya dalam industri kreatif termasuklah pengarah filem, juruanimasi serta pereka grafik visual. Jika kita mengimbas kembali sekitar era 90-an, industri ini tidaklah begitu berkembang pesat. Namun kini, kita boleh berbangga dengan produk tempatan yang turut mengetengahkan kecanggihan seperti filem animasi Upin dan Ipin, Boboiboy dan filem Paskal. Persoalannya, apakah kepentingan industri kreatif kepada masyarakat dan negara? Benarkah industri ini membawa pelbagai manfaat?

Kepentingan prima industri kreatif ini adalah mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan. Lazimnya, sesuatu industri memiliki sejumlah produk yang dikeluarkan secara besar-besaran bagi memenuhi permintaan dan keperluan manusia. Demikian juga dengan industri kreatif, produk yang dikeluarkan walaupun hanya berbentuk karya filem atau animasi, namun tugas menghasilkannya memerlukan sejumlah pekerja yang kreatif dan inovatif. Oleh hal yang demikian, di sebalik tabir, ramai orang diperlukan untuk memastikan sesuatu karya berkualiti dapat dihidangkan kepada khalayak ramai. Sebagai contoh, syarikat animasi Les Copaque 190 yang mengeluarkan animasi Upin dan Ipin menggajikan kira-kira 120 orang pekerja untuk menghasilkan pelbagai produk kreatif mereka. Hal ini jelas menunjukkan bahawa industri kreatif amat penting dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan.

Sebagai lontaran idea saya yang kedua, industri kreatif juga penting dalam usaha membudayakan kreativiti dan inovasi. Hal ini dikatakan demikian kerana elemen kreatif dan inovatif menjadi keperluan utama dalam menggerakkan industri ini. Dalam hal ini, individu yang terlibat dalam industri ini perlu memiliki kreativiti yang tinggi serta mampu mencipta idea-idea baharu dan segar demi memenuhi permintaan masyarakat. Sebagai contoh, animasi Boboiboy memaparkan seorang kanak-kanak sebagai penyelamat negara dengan kecanggihan tertentu. Animasi ini tidak boleh diwujudkan tanpa daya kreativiti yang tinggi. Hal ini sudah tentu akan menyuburkan budaya berfikir secara kreatif dan inovatif kerana dilihat berpotensi menyumbangkan pendapatan yang tinggi pada masa hadapan.

Dilihat dari perspektif berbeza, industri kreatif turut memainkan peranan penting dalam meningkatkan imej negara. Hal ini dianggap sedemikian kerana kehebatan industri kreatif di sesebuah negara turut memberikan gambaran budaya hebat di negara tersebut. Dalam hal ini, kewujudan karya kreatif yang moden dan canggih bukan sahaja menarik minat masyarakat tempatan, malah juga masyarakat antarabangsa. Sebagai contoh, filem *Ola Bola* keluaran tempatan pernah ditayangkan di Korea Selatan, Kemboja dan Singapura. Hasilnya, imej negara di peringkat antarabangsa semakin baik dan dikenali ramai. Hal ini memberikan gambaran bahawa kualiti karya tempatan boleh berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara dunia yang lain serta boleh bersaing untuk pelbagai anugerah.

Konklusinya, sudah terang lagi bersuluh terdapat pelbagai kepentingan industri kreatif kepada masyarakat dan negara. Industri ini berpotensi untuk menjana pendapatan tinggi kepada negara. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan melalui pelbagai agensinya hendaklah merangka dasar-dasar yang boleh memajukan industri kreatif ke tahap terbaik dan dinamik. Pada masa yang sama, penggiat industri ini hendaklah konsisten melahirkan karya yang bermutu tinggi untuk tatapan penonton di samping meraih pujian di peringkat antarabangsa. Jika usaha ini dapat dijayakan, sudah tentu hasrat negara melihat kemajuan industri kreatif pada masa hadapan akan menjadi realiti, bukan sekadar melepaskan batuk di tangga.

(508 patah perkataan)

SKEMA JAWAPAN SET 3 TAMAT

CADANGAN SKEMA JAWAPAN 1103/2 : SET 1

MARKAH PENUH : 100 MARKAH

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada

Soalan 1 : 8 markah

Soalan 2 : 6 markah

Soalan 3 : 13 markah

Soalan 4 : 4 markah

Soalan 5 : 4 markah

PANDUAN PEMARKAHAN BAGI SOALAN 1: MORFOLOGI

1. Berikan 1 markah bagi setiap katayang diuji yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata yang diuji tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur **cakap ajuk** dengan mematuhi tanda baca yang betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diberi salah tetapi ayat yang dibina betul -0 markah.
6. **Calon meniru/menyalinsebahagian atau keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan- 0 markah.**
7. Perkataan digunakan sebagai kata nama khas, peribahasa atau digandakan- 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih- 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas - 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan markah yang diperoleh.

1. Penyakit
 1. sesuatu yang menyebabkan badan menjadi sakit (atau yang mengganggu kesihatan),
 2. sesuatu yang menyebabkan keburukan, kepincangan hidup dan lain-lain yang merebak (seperti pelacuran, rasuah, dll), sesuatu yang menyusahkan:
 3. bangsat, sial (makian)
2. menjadi
 1. dipilih atau diangkat sebagai;
 2. Berubah kepada rupa dan (keadaan, bentuk dan lain-lain) yang lain:
 3. hidup (tumbuh) dengan suburnya; mendatangkan hasil yang banyak:
3. berbanding
 1. dibandingkan:
 2. berbandingan;
4. meningkat
 1. menginjak (tangga dan lain-lain) untuk naik ke atas, memanjat (pokok dan lain-lain), menaiki (basikal dan lain-lain)
 2. mencapai tingkat (angka dan lain-lain), naik (meninggi, mengatas, dan lain-lain), bertambah banyak (hebat, penting, dan lain-lain)
 3. berubah dalam keadaan (masa dan lain-lain) yang lain
5. beriadah
 1. melakukan latihan gerak badan (senaman), bersenam;

2. Melakukan riadah (rekreasi), berekreasi.
6. mencegah
menghalang (menegah, menolak, dan lain-lain), mengikhtiarkan supaya jangan berlaku (kena dan lain-lain)
7. berlaku
 1. sedang berjalan (berlangsung), terjadi:
 2. membuat sesuatu tindakan, mengerjakan sesuatu (tugas dll), berbuat
 3. menjadi (sebagai)
 4. boleh diterima, diakui, sah
 5. dijalankan, dikenakan, dikuatkuasakan

JAWAPAN SOALAN 2

1. **Mengapakah** perlumbaan ini menarik penyertaan yang tinggi dari pelbagai negara?
Perlumbaan ini menarik penyertaan yang tinggi dari pelbagai negara **mengapa**?
Mengapakah negara lain begitu ramai menyertai perlumbaan itu?
Negara lain begitu ramai menyertai perlumbaan itu **mengapa**?
2. **Bilakah** festival ini diadakan/dianjurkan?
Pada bulan **bilakah** festival itu diadakan?
Festival ini diadakan/dianjurkan **bila**?
3. **Bagaimanakah** juragan menaikkan semangat pendayung setiap perahu?
Juragan menaikkan semangat pendayung setiap perahu **bagaimana**?
Siapakah yang berteriakan sambil memukul gendang untuk menaikkan semangat pendayung?
Orang yang berteriakan sambil memukul gendang untuk menaikkan semangat pendayung **siapa**?
Mengapakah juragan perahu berteriakan sambil memukul gendang?
Juragan perahu berteriakan sambil memukul gendang **mengapa**?

JAWAPAN SOALAN 3

Bahan 1 (7 markah)

1. Gemerlap - kerdipan
2. Pelancung – pelancong
3. Menyediakan – menyajikan
4. barat – Barat
5. Hubungkan - hubungi
6. D'Zarm Restoran – Restoran D'Zarm
7. Mee – Mi
8. Murtabak – martabak
9. Lauk pauk – lauk-pauk
10. E-mail – e-mel

Bahan 2 (5 markah)

1. Aturcara – atur cara
2. Alu-aluan – aluan
3. Perasmi – perasmian
4. Gimmik – gimik
5. Melawat - lawatan

JAWAPAN SOALAN 4

Deskripsi	Markah
	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis	3
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	2
Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak cukup , mengikut urutan dan ayat tidak gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	0

CADANGAN JAWAPAN

Bentara yang bernama Seri Amerta memberitahu kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, semua orang Kelang menghadap baginda untuk mengadu akan masalah mereka ke bawah Duli Yang Dipertuan.” Setelah tiga hari Seri Amerta berkata begitu, barulah Tun Perak menjawab, “Hai Seri Amerta, lebih baik tuan hamba menjaga sebilah pedang itu dengan baik dan jangan dibiarkan berkarat dan tumpul/tumpul matanya. Apa pun pekerjaan kami, adakah tuan mengetahuinya?

SOALAN 5

1. Jauh perjalanan, luas pemandangan, banyak pengalaman
P1 semakin jauh kita berjalan, semakin banyak pemandangan yang dilihat dan bertambah pengalaman.
2. bagai aur dengan tebing
P1 dikatakan mengenai orang yang suka bertolong-tolongan.
3. ibarat telur sesangkak, pecah sebiji pecah semuanya
P1 orang yang semuafakat itu sama hidup sama mati dan tidak berubah setianya
P2 orang/masyarakat yang bermuafakat

Bahagian B : Soalan Pemahaman
Markah penuh 35 markah dibahagi kepada:

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8(ii) hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

JAWAPAN SOALAN 6

(i)	Maksud	Markah
	- sebagai/ selaku/ dengan cara berlanjutan/ berkepanjangan/ tidak putus / konsisten	2
	- sebagai/ selaku/ dengan cara <i>berterusan</i>	1
	- <i>secara</i> berlanjutan/ berkepanjangan/ tidak putus /konsisten	1
(ii)	Beberapa manfaat	Markah
	Bahan 1	
P1	melahirkan pelajar yang berjaya dari segi pertukangan, pembinaan, pendawaian elektrik, dan bidang lain yang berkaitan	1
P2	merupakan 'tempat khas' bagi mereka yang kurang berminat dalam akademik	1
P3	mempunyai pilihan untuk memajukan diri mereka meskipun tidak memiliki kelulusan tinggi.	1
	Bahan 2	
P1	mampu mewujudkan nilai tambah dari segi sikap berdaya saing, berinovasi dan kreatif	1
P2	berupaya mengubah sikap para generasi muda, daripada tidak mengambil berat tentang isu sosial kepada individu yang cakna terhadap masalah yang dihadapi masyarakat sekeliling	1

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup: 2 isi]

(iv) Punca-punca berlakunya pengangguran dalam kalangan siswazah

P1	Sikap graduan yang memilih pekerjaan /gaji/kemudahan	1
P2	Graduan tidak menguasai kemahiran (komunikasi)	1
P3	Majikan mengutamakan pengambilan pekerja bukan siswazah	1
P4	Kekurangan tawaran pekerjaan	1
P5	Jurusan tidak sesuai dengan pekerjaan yang ditawarkan	1
P6	Ibu bapa tidak bersetuju dengan pekerjaan yang ditawarkan kepada anak/ lokasi/tempat	1

Nota: Punca lain yang sesuai diterima

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iv) Cadangan-cadangan

P1	Menyuruh/menasihati/meminta rakan/pihak ketiga memujuk ibu bapa dengan bersungguh-sungguh / alasan yang kukuh	1
P2	Menyuruh rakannya menceburi bidang keusahawanan sebagai pekerjaan sambilan	1
P3	Meminta bantuan rakan/ saudara untuk menguruskan syarikat bagi pihaknya	1
P4	Meminta rakan menceburi bidang keusahawanan selepas beberapa tahun bekerja/ bersara	1
P5	Meminta/ mendapatkan khidmat nasihat daripada usahawan berjaya	1

Nota: Cadangan lain yang sesuai diterima

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

JAWAPAN SOALAN 7

(i) Cabaran-cabaran

Bahan 1

P1	mengejar kemewahan / godaan harta benda	1
P2	lupa diri	1
P3	lupa tanggungjawab	1
P4	hilang budi bahasa dan budi pekerti	1

Bahan 2

P1	Emak mereka keluar bekerja. Jika masuk syif malam, esoklah baharu emak balik.	1
P2	ayah meninggalkan mereka hampir 10 tahun lalu	1
P3	emak menyara keluarga dengan bekerja di kilang komputer.	1
P4	emak semakin pendiam.	1

Nota : Jawapan calon mestilah daripada semua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Punca memberi dan menerima rasuah

Punca-punca/ faktor-faktor memberi rasuah

P1	kurang didikan agama	1
P2	masalah ketulusan sistem pentadbiran negara/ undang-undang yang longgar	1
P3	pihak berkuasa tidak serius menangani gejala rasuah	1
P4	hukuman yang ringan terhadap pesalah rasuah	1

Punca-punca/ faktor-faktor menerima rasuah

P1	Gaji yang rendah telah menjadi satu galakkan kepada petugas awam untuk melibat kan diri mereka dengan gejala rasuah/desakan hidup	1
P2	Jenis profesion juga boleh menjurus kepada amalan tersebut dan menggambarkan profesion tersebut lebih terdedah kepada amalan rasuah. (jenis pekerjaan)	1
P3	Peluang / kesempatan yang ada juga menjadi penyumbang terhadap masalah ini apabila orang yang terlibat dengan masalah ini dikatakan mempunyai peluang ataupun kesempatan melakukan perkara tersebut	1
P4	masalah birokrasi dalam pentadbiran	1
P5	Kelemahan peribadi seseorang (kurang didikan agama)	1
P6	Kelemahan kepimpinan	1
P7	Faktor perkembangan modenisasi	1
P8	Faktor sosial dan budaya	1

Nota : Jawapan calon mestilah menyentuh kedua-dua faktor memberi dan menerima rasuah. Faktor lain yang sesuai di terima

[Maksimum : 5 markah]

[Isi cukup : 4 isi]

(iii) Tindakan-tindakan

Tindakan-tindakan

P1	menolak pemberian wang dengan cara baik	1
P2	memberi nasihat kepada yang memberi rasuah	1
P3	memberi amaran yang keras supaya tidak mengulangi perbuatan tersebut	1
P4	melaporkan kepada pihak atasan	1

Nota : Tindakan lain yang sesuai diterima

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 8

- (i) P1 - aku hanya duduk di anjung rumah.
P2 - kadang-kadang aku menandai pelbagai buku latihan anak-anak didikku
P3 - aku juga menulis rancangan pelajaran dalam buku rekod mengajarku.
P4 - kadang-kadang aku akan bersembang dengan Tauke Lim.
P5 – kadang-kadang pula aku menulis puisi atau cerpen

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(ii) **Novel Di Sebalik Dinara :**

1. Peristiwa pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak.

Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agam Karl. Farisha menangis mengucapkan selamat tinggal kepada Karl dan tidak semena-mena air mata mengalir di pipi lelaki itu. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa menjaga hubungan kekeluargaan agar ikatan sentiasa erat.

2. Peristiwa Azraai bekerjasama dengan ayah dan ibunya menjaga Farisha sejak Farisha berumur 2 tahun.

Azraai turut memastikan semua mikrocip mesti kekal dalam tubuh Farisha dan Farisha mesti berkhidmat di Soft Lab apabila diperlukan. Azraai turut menyerahkan fail yang mengandungi surat arwah ayah tentang maklumat Farisha seperti dokumen permohonan dan sijil yang menunjukkan Farisha ialah anak angkat. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa menjaga amanah yang diberikan oleh orang tua untuk menjaga adik-beradik.

3. Peristiwa Azraai memasang retinal scanner dan intercom di rumah Farisha yang bersambung ke rumahnya bagi menjaga keselamatan Farisha.

Azraai telah memasang retinal scanner di rumah sewa Farisha setelah berlaku pembunuhan berdekatan rumah sewanya. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar menjaga hubungan yang baik antara adik beradik.

4. Peristiwa Farisha menangis apabila mengetahui Azraai menghidap penyakit jantung.

Apabila diberitahu bahawa Azraai menghidap penyakit jantung dan Farisha hanya anak angkat kepada keluarga Azraai sewaktu makan malam di rumah abangnya, Farisha menangis kesedihan. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar menyayangi ahli keluarga walaupun bukan adik-beradik kandung.

5. Peristiwa Farisha dibawa keluar oleh Azraai dari hospital kerana ada orang yang ingin menculiknya.

Medina telah mengupah Farid dan Amin untuk menculik Farisha agar Medina dapat berjumpa dengan Farisha. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar menjaga keselamatan adik-beradik.

6. Peristiwa wanita yang ditemui oleh Farisha di Lapangan Terbang Senai tidak sepatutnya bercakap di telefon dengan kuat sehingga membuatkan orang di sekelilingnya tidak selesa.

Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar tidak mementingkan diri sendiri apabila berada di tempat awam.

7. Peristiwa Farisha ditanam dengan implan dan dimasukkan pelbagai jenis ubat semasa dia masih bayi tanpa bius oleh ayah kandungnya, Karl.

Karl sanggup berbuat demikian untuk menjadikan Farisha genius. Marilyn pula sanggup membunuh anaknya kerana tidak mahu anaknya menderitanya oleh kegilaan Karl untuk menjadi saintis yang paling hebat. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca kerana ibu bapa sepatutnya melindungi anak-anak dan bukannya menganiayai anak kandung mereka sendiri.

8. Peristiwa pekerja Soft Lab menunaikan wasiat Karl.

Karl meninggalkan wasiat supaya mayatnya dibakar dan abunya ditaburkan di Selat Melaka. Karl meninggal dunia di rumah agamnya. Medina dan Farisha sempat bertemu dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Peristiwa ini dapat memberikan kesedaran kepada pembaca agar menjalankan amanah yang telah ditetapkan oleh majikan.

Novel Silir Daksina

1. Peristiwa Abdullah bin kayan meneruskan tugasnya mengembangkan warisan budaya dikampungnya.

Walaupun menghadapi penyakit berbahaya, Abdullah tetap berusaha menubuhkan Akademi Sastera Rakyat (AKSARA) dan menghidupkan tarian zapin jincat. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar tabah dalam menghadapi dugaan demi memperjuangkan seni budaya.

2. Peristiwa Tauke Ong menyerahkan wang simpanan hasil jualan buah kelapa sawit dari kebun kelapa sawit arwah ayah Haiqal kepada Haiqal semasa Haiqal pulang ke kampung Seri Purnama.

Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar bersikap amanah terhadap perkara yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

3. Peristiwa ibu atau umi Haiqal yang tidak membenarkan Haiqal untuk pergi ke kampung arwah ayahnya.

Umi telah melarang Haiqal daripada pergi ke kampung Seri Purnama atas alasan ayahnya telah meninggal dunia dan tiada sesiapa yang dikenalnya di kampung tersebut. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar mentaati perintah ibu bapa atau tidak mementingkan diri sendiri.

4. Peristiwa Ratna membantu ibunya menguruskan gerai makanan di pantai Batu Burok, Terengganu.

Setelah mengambil keputusan tidak melanjutkan pelajaran, Ratna telah membantu ibunya menjual keropok lekor di gerai mereka. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar membantu ibu bapa dalam melakukan sesuatu kerja.

5. Peristiwa cikgu Amirulnizam telah menumpangkan anak-anak Tauke Ong iaitu Ai ling dan Ai Ching untuk pergi ke sekolah kerana bateri kereta Tauke Ong rosak.

Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca agar membantu orang yang mengalami kesulitan.

6. Peristiwa Abdullah Kayan yang sanggup menumpahkan kasih sayang terhadap See Hwa dan menulis manuskrip untuk mencurahkan perasaan rindu terhadap anaknya, Haiqal.

Abdullah Kayan menumpangkan See Hwa ke sekolah. Apabila melihat See Hwa, dia terbayang-bayang akan anaknya, Haiqal segak berpakaian sekolah. Abdullah Kayan tidak dapat menemui anaknya itu sehingga dia meninggal dunia. Peristiwa ini menimbulkan kesedaran kepada pembaca tentang perasaan sebenar seorang ayah yang berjauhan dengan anak-anaknya.

7. Peristiwa Tauke Ong dan Ai Ling membantu Haiqal ketika dia berada di Johor.

Haiqal banyak mengetahui berkenaan bapanya melalui Tauke Ong dan Ai Ling. Ai Ling mengakui bahawa hubungannya dengan Abdullah bin Kayan amat rapat tetapi dia tidak layak untuk menggantikan tempat Haiqal Haqimi sebagai anak kandung. Haiqal Haqimi mengucapkan terima kasih kepada Ai Ling kerana telah membahagiakan ayahnya hingga ke akhir hayat. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar sentiasa membantu orang lain yang berada dalam kesusahan.

8. Peristiwa kebijaksanaan mengenal potensi murid.

Abdullah bin Kayan bijak mengenal potensi yang ada dalam diri See Hwa. Abdullah bin Kayan telah mengajar See Hwa cara mendeklamasikan puisi yang betul. Cikgu Zam/ Abdullah bin Kayan meminta See Hwa datang ke rumahnya bersama-sama kakaknya untuk belajar cara mendeklamasikan puisi. See Hwa telah memenangi pertandingan mendeklamasi puisi di sekolahnya. Cikgu Zam sudah menduga kejayaan See Hwa kerana persembahannya baik dan mengesankan. Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca bahawa setiap orang mempunyai potensi yang boleh diketengahkan.

9. Peristiwa Tauke Ong yang rajin bekerja menyara kehidupan keluarganya.

Tauke Ong bekerja menoreh getah pada sebelah pagi dan pada sebelah petang pula, dia akan meraih hasil kampung seperti pinang, biji kopi, pisang, getah beku dan getah sekerap untuk dijual di pekan. Sekiranya dia tidak menoreh getah, dia akan membersihkan kebun ayah Abdullah bin Kayan. Hasil kerajinannya berusaha, dia dapat membeli setengah ekar tanah kebun untuk dijadikan tapak rumah.

Peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca agar rajin bekerja untuk menampung keperluan keluarga.

SOALAN 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi maksimum - **20 markah**
- (b) Bahasa maksimum - **10 markah**

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berganda
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran
- penanda wacana
- peribahasa

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada semua fokus dan semua bahan ialah 8 isi sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima								Markah Isi Maksimum
(i) Pendahuluan	Fokus 1 + Fokus 2									2
(ii) Isi Bahan 1										16
Fokus 1	5	5	5	4	3	3	3	2	1	
Fokus 2	4	1	2	3	4	3	2	3	4	
(iii) Isi Bahan 2										
Fokus 1	3	2	1	1	1	2	3	3	3	
Jumlah Isi	12	8	8	8	8	8	8	8	8	
(iv) Penutup	Tema + Cadangan + Harapan									2
Jumlah Markah									20	

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

Cemerlang (8-10 markah)

- Kesenambungan ayat *sangat* baik, bahasa yang gramatis, kosa kata luas dan tepat dan pengolahan yang menarik dan berkesan.

Baik (5-7 markah)

- Kesenambungan ayat baik, bahasa masih gramatis, kosa kata masih luas dan tepat dan pengolahan masih menarik dan berkesan.

Sederhana (3-4 markah)

- Kesenambungan ayat *kurang* baik, bahasa kurang gramatis, kosa kata kurang luas dan kurang tepat dan pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan.

Lemah (1-2 markah)

- Keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami.

NOTA :

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin, markah bahasa ialah di peringkat lemah (1-2 markah).
- (ii) Jika markah isi **6 markah ke atas**, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- (iii) Jika markah isi **5 markah ke bawah** tetapi *bahasa sangat baik*, markah **maksimum bahasa ialah 5**.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan berikan 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

Rumusan / Bahan ini / Petikan ini / Sumber ini / Penulisan ini

Pendahuluan [2 markah]

Markah

P1	membincangkan usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara dan kepentingan-kepentingan / faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja	2
P2	membincangkan faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat / kelebihan-kelebihan / memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja	1
P3	membincangkan usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara / memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja	1

Isi [16 markah]

Fokus 1 : Usaha-usaha / langkah-langkah / cara-cara / memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja

Bahan 1

A1	Remaja hendaklah didedahkan tentang sejarah tanah air dan bangsa.	2
A2	Remaja perlu sentiasa disedarkan pemikiran mereka supaya tidak bersikap selesa dengan kemakmuran yang dikecapi.	2
A3	Remaja seharusnya mempertahankan Malaysia daripada sebarang ancaman sama ada daripada dalaman mahupun luaran.	2
A4	Remaja sewajarnya menghayati semangat kemerdekaan dan menghargai perjalanan berliku yang dilalui pejuang terdahulu.	2
A5	Remaja mestilah belajar bersungguh-sungguh sehingga mampu memberikan sumbangan kepada negara agar setanding dengan negara negara maju.	2

Bahan 2

B1	Remaja perlu mengibarkan Jalur Gemilang	2
B2	Subjek Sejarah dijadikan subjek wajib lulus Peperiksaan SPM	2
B3	Remaja harus digalakkan untuk melawat tempat-tempat bersejarah	2

Fokus 2 : Kepentingan-kepentingan / faedah-faedah / kebaikan-kebaikan / manfaat-manfaat /dan kelebihan-kelebihan / memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja

Bahan 1

C1	Melahirkan masyarakat yang lebih mengutamakan kepentingan negara berbanding kepentingan kaum.	2
C2	Negara pasti akan terus berada dalam keadaan aman dan damai.	2
C3	Tidak akan melibatkan diri dengan perkara negatif.	2
C4	Membentuk masyarakat yang berdaya saing.	2

Kesimpulan [2 markah]

- K1 **Remaja** hendaklah memupuk semangat patriotik dalam diri supaya/agar keamanan negara dapat dikekalkan. 2
- K2 **Remaja** hendaklah memupuk semangat patriotik dalam diri 1

CADANGAN JAWAPAN KERTAS 1103/2 :SET 2

SOALAN 1

Kata hubung pancangan

1. yang – kata penghubung untuk menyatakan bahawa kata keterangan berikutnya dipentingkan atau menunjukkan kelainan
2. jika – kata penghubung yang menyatakan syarat (janji), kalau dibenarkan, tentu saya akan pergi; (se)kiranya seandainya; kalau.
3. semasa
 1. sama masa dengan, pada ketika yang sama
 2. Sewaktu, pd ketika,
4. kerana – kata hubung yang menerangkan punca atau sebab berlakunya sesuatu keadaan atau kejadian; oleh sebab
5. untuk – ditentukan (disediakan) bagi, merupakan bahagian (seseorang dan lain-lain)

Soalan 2

- 1 Subjek : Malaysia
Predikat : merupakan antara penyumbang kepada peningkatan jumlah sisa plastik di dunia.
- 2 Subjek : Sifat plastik yang tahan lama dan mudah di dapati
Predikat : menjadikan plastik pilihan utama dalam sektor industri.
- 3 Subjek : Peningkatan pengeluaran plastik dunia
Predikat : disebabkan permintaan yang tinggi dalam penggunaan bahan tersebut telah mencetuskan fenomena mikro plastik
- 4 Subjek : Ada hidupan laut yang mati
Predikat : akibat terperangkap dalam sisa plastik.
- 5 Subjek : Hidupan laut yang tercemar
Predikat : memberikan kesan serius dalam sistem pencernaan manusia

SOALAN 3

Bahan 1

1. Arkib – khazanah
2. Pada – Kepada
3. Karbon dioksida – karbon dioksida
4. Mencegahkan – pencegahan
5. Kestabilan - menstabilkan
6. Dikekalkan - berkekalan

Bahan 2

1. habitat - tempat tinggal
2. Di antara – antara
3. ekologi - teknologi
4. Penerbangan - penebangan
5. Oleh kerana – oleh sebab
6. Pelbagai jenis-jenis – pelbagai jenis
7. Diakibatkan - mengakibatkan

SOALAN 4

Sebuah peristiwa berlaku apabila Seri Nara Diraja sedang duduk di balai bersama kerabatnya, Tun Nina Madi yang sedang berjalan disuruhnya untuk duduk di pangkuannya. Setelah itu, Seri Nara Diraja bertanya kepada kerabatnya, “Adakah kalian tahu bahawa Tun Nina Madi merupakan anak hamba?” Mereka menyahut dengan berkata; “Ya, kami mengetahui perkara tersebut, tetapi disebabkan tuan tidak membuat pengakuan, maka kami takut untuk mengatakan bahawa dia anak tuan.”

SOALAN 5

1. Alah bisa tegal biasa
2. Badan cergas otak cerdas

SOALAN 6

Soalan	Cadangan Jawapan	Markah
i	Licin beroperasi/ beroperasi tanpa tersangkut-sangkut	2m
	Beroperasi lancar	1m
ii	Persamaan Kelebihan	
P1	memerlukan pekerja yang tidak ramai /sedikit	1m
P2	mengurangkan kos operasi peniaga	1m
P3	pelanggan membayar secara dalam talian	1m

Nota : Jawapan mesti daripada setiap bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

iii	Keburukan	
P1	risiko jaminan kualiti barangan yang dibeli /kualiti produk yang rendah	1m
P2	penipuan urusan jual beli /produk yang dibeli tidak diterima/produk yang diterima tidak sama dengan produk yang dinyatakan secara atas talian	1m
P3	sukar untuk memulangkan barangan yang rosak	1m
P4	sukar untuk mendapatkan bayaran balik / wang pembelian jika barangan yang diterima rosak atau hilang	1m
P5	sukar untuk membatalkan kontrak jual beli yang dipersetujui secara dalam talian	1m

Nota : Keburukan lain boleh diterima sekiranya sesuai

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

iv	Usaha	
P1	Bekerja sebagai penghantar makanan seperti <i>Grab Food, Food Panda/ Delivery Eat</i>	1m
P2	Bekerja sebagai pemandu Grab/ teksi	1m
P3	Membuat perniagaan secara atas talian	1m
P4	Menanam sayur-sayuran/ bunga untuk dijual	1m
P5	Membuka kedai runcit/ restoran / gerai	1m

Nota : Usaha jawapan lain sila terima jika sesuai

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

SOALAN 7

Cadangan Jawapan

Soalan	Cadangan Jawapan	Markah
i	tanpa membaca keletihannya	
	tidak mempedulikan / menghiraukan/mengetahui kepenatannya	2m
	tidak mempedulikan / menghiraukan/mengetahui keletihannya	1m
	tanpa membaca kepenatannya	1m
ii	Bagaimana haiwan dianiaya	
	Bahan 1	
P1	sang gembala kuda menggunakan cemetinya untuk memukul kuda supaya kuda berlari pantas tanpa rasa belas kasihan.	1m
	Bahan 2	
P1	Kijang dibunuh untuk mendapatkan kulitnya supaya dijadikan jaket kulit.	1m

Nota : Jawapan mesti daripada setiap bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Iii	Kebaikan seseorang mempunyai haiwan peliharaan yang disukai	
P1	Menggembirakan seseorang tersebut	1m
P2	Memupuk rasa kasih sayang dalam diri seseorang	1m
P3	Mewujudkan rasa tanggungjawab terhadap haiwan	1m
P4	Membantu melepaskan stres	1m
P5	Menjaga keselamatan seseorang	1m
P6	Mengisi masa lapang	
P7	Haiwan peliharaan sebagai peneman setia setiap masa	
	Nota : Kebaikan lain boleh diterima sekiranya sesuai	

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Iv	Tindakan	
P1	Saya akan menyuruh rakan saya untuk membantu menyelamatkan kucing keluar daripada longkang	1m
P2	Saya akan membawa kucing tersebut balik ke rumah untuk dipelihara	1m
P3	Saya akan memandikan kucing tersebut	1m
P4	Saya akan memberikan makanan dan minuman kepada kucing tersebut	1m
P5	Saya akan mewujudkan tempat tidur yang selesa untuk kucing tersebut	1m
	Saya akan membawa kucing tersebut untuk berjumpa dengan doktor haiwan untuk mendapatkan vaksin / semasa sakit	1m
	Saya akan membawa kucing tersebut untuk bersiar-siar di taman berdekatan.	1m

Nota : Tindakan lain sila terima jika sesuai

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

SOALAN 8: Novel

8 (i)	sebab Medina ketawa berdekah-dekah sehingga keluar air matanya	Markah
P1	Karl tidak mampu menangani masalah besar dalam Dinara seorang diri.	1m
P2	Medina meraikan kemenangannya.	1m
P3	Karl mengaku kalah.	1m
P4	Medina mengatakan bahawa satu dunia mengetahui kehebatannya.	1m

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Novel “Di Sebalik Dinara”

8 (ii)	Dua peristiwa yang menggambarkan kasih sayang dalam kalangan masyarakat.	Markah
P1	Peristiwa Azraai memasang ‘ <i>retinal scanner</i> ’ dan intercom di rumah Farisha yang bersambung ke rumahnya kerana pernah berlaku pembunuhan tidak jauh dari apartmen tempat Farisha tinggal. Hal ini menunjukkan Azraai sangat menyayangi dan mengambil berat perihal keselamatan adiknya itu.	
P2	Peristiwa Farisha sangat menyayangi abangnya Azraai. Farisha menangis teresak-esak setelah mengetahui abangnya Azraai menghidap penyakit jantung.	
P3	Peristiwa Farisha menyayangi ayahnya dan sanggup memaafkan kesilapan ayahnya. Karl pernah mengimplan dan memasukkan cip dalam tubuhnya tanpa dibius ketika dirinya masih bayi. Sikap penyayangannya itu dibuktikan apabila Farisha memaafkan ayahnya, Karl dengan menggenggam tangan ayahnya ketika saat kematian Karl.	
P4	Peristiwa Marilyn/Medina sangat menyayangi anaknya, Farisha. Marilyn/Medina berusaha untuk menyelamatkan anaknya Farisha daripada dipergunakan oleh Karl yang taasub terhadap bidang sains.	

Novel “Silir Daksina”

8 (ii)	Dua peristiwa yang menggambarkan kasih sayang dalam kalangan masyarakat.	Markah
P1	Peristiwa Abdullah bin Kayan amat menyayangi anaknya, Haiqal. Dia telah dipisahkan daripada anaknya oleh bekas isterinya kerana mereka telah bercerai. Abdullah bin Kayan telah menulis manuskrip tentang dirinya dengan anaknya sebagai tanda kasih sayang dan rindunya terhadap anaknya itu.	
P2	Peristiwa Haiqal amat menyayangi ayahnya, Abdullah bin Kayan. Haiqal sanggup pergi ke Kampung Seri Purnama seorang diri untuk menjejaki kehidupan ayahnya, Abdullah bin Kayan. Sebelum ini, Haiqal tidak pernah menjejaki kakinya ke Johor seorang diri.	
P3	Peristiwa walid menyayangi anak tirinya, Haiqal. Hal ini dibuktikan melalui peristiwa walid sanggup memberi belanja kepada Haiqal ke Kampung Seri Purnama di Johor apabila uminya sendiri tidak mahu memberinya belanja kerana marah akan Haiqal yang mahu menjejaki kehidupan ayahnya di kampung tersebut.	
P4	Peristiwa sewaktu arwah ayah Abdullah bin Kayan masih hidup, dia amat menyayangi Ai Ching dan Ai Ling iaitu anak Tauke Lim. Sekiranya ke pekan, untuk membeli barang-barang dapur, ayah akan membawa kedua-duanya menaiki kereta Proton Saganya. Merekalah tempat ayah Abdullah bin Kayan menumpahkan kasih sayangnya sejak kematian isterinya.	

SOALAN 9 : RUMUSAN

Pendahuluan [2 Markah]

		Markah
P1	membincangkan faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan/ manfaat-manfaat/ bidang seni dalam kehidupan dan langkah-langkah/ cara-cara / usaha-usaha untuk menarik minat murid meminati bidang seni	2
P2	membincangkan langkah-langkah/ cara-cara / usaha-usaha untuk menarik minat murid meminati bidang seni	1
P3	Membincangkan faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan/ manfaat-manfaat/ bidang seni dalam kehidupan	1

Isi [16 Markah]

FOKUS 1: Langkah-langkah menarik minat murid menyertai bidang seni.

Bahan 1

		Markah
A1	Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Sekolah Seni Malaysia Malaysia (SSeM)	2
A2	dicadangkan supaya mata pelajaran seni turut diajarkan kepada murid di sekolah harian	2

Bahan 2

B1	sokongan moral daripada ibu bapa dan guru dalam bidang yang diceburi	2
B2	menyertai pertandingan yang dapat mengasah bakat seni sama ada pada peringkat tempatan atau antarabangsa	2

FOKUS 2: Faedah-faedah/ kepentingan-kepentingan/ manfaat-manfaat menyertai bidang seni dalam kehidupan

Bahan 1

C1	mampu menjana ekonomi sekiranya diasah dengan betul.	2
C2	dapat menghasilkan karya yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri dan menunjukkan identiti seseorang pengkarya	2
C3	mampu menjadi platform untuk murid mengembangkan bakat dan menghasilkan karya yang bervariasi	2
C4	mampu melahirkan murid yang kreatif dan mampu berfikir di luar kotak	2
C5	murid juga dapat mengembangkan minat mereka ke peringkat yang lebih tinggi	2
C6	mereka tidak diketepikan untuk mengisi keperluan industri semasa.	2

Kesimpulan [2 Markah]**Markah**

- | | | |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya, bidang seni perlulah diperkasakan agar dapat melahirkan generasi yang tinggi ilmu pengetahuan dan mampu bersaing di peringkat global. | 2 |
| K2 | Kesimpulannya, kerajaan perlulah memperkasakan bidang seni di negara kita agar dapat melahirkan generasi yang berpengetahuan dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa. | 2 |
| K3 | Semua pihak perlulah memartabatkan seni di negara kita. | 1 |

SKEMA JAWAPAN SET 2 TAMAT

CADANGAN JAWAPAN KERTAS 1103/2: SET 3

Peraturan pemarkahan

SOALAN 1

Kata Pinjaman bahasa Inggeris

1. **etnik** – bukan bangsa manusia: ia juga tidak memaksa perubahan terhadap kepercayaan agama atau membuang unsur ~sesuatu kaum; masyarakat majmuk mempunyai kelompok ~ yang hidup berlainan.
2. **digital** – (komp) beroperasi dengan menggunakan angka atau aksara lain untuk mewakili data; mendigitalkan menukarkan (data dsb) kepada bentuk digital supaya dapat diproses secara langsung oleh computer.
3. **televisyen** – penyiaran (pemancaran) gambar hidup (gambar bergerak) berserta bunyi menerusi kabel atau udara pada skrin atau kaca peti televisyen.
4. **radio** – pemancaran (penghantaran, pengiriman, siaran) bunyi dll menerusi udara
5. **telefon** – alat untuk bercakap dengan orang yang jauh (dengan menggunakan tenaga elektrik dan kawat atau hubungan satelit).

SOALAN 2

Cadangan jawapan

Bil	Ayat	Jawapan	Markah
i	Eh, lama saya tidak melihat kamu bermain badminton di sini!	Ayat seruan	2
ii	Kaki saya tercedera semasa saya menyertai ekspedisi menjelajah Gua Niah pada bulan lepas.	Ayat penyata	2
iii	Di manakah terletaknya Gua Niah?	Ayat tanya	2
iv	Harapan saya juga dapat ke sana pada suatu hari nanti.	Ayat perintah	2

[Maksimum : 8 markah]

SOALAN 3

Bahan 1

Bil	Kesalahan	Pembetulan
1	Jawatan kuasa	jawatankuasa
2	Perletakan	persaraan
3	berjemput	menjemput
5	Ke	di
6	Melayu Baju	Baju Melayu

[4 markah]

Bahan 2

Bil	Kesalahan	Pembetulan
1	Perlaksanaan	Pelaksanaan
2	Dimasukkan	Diterapkan
3	para guru-guru	Para guru / guru-guru
4	Mendidik	Mengajar
5	Topic	Topik
6	Menjelaskan	Diperjelaskan
7	di dalam	Dalam

[5 markah]

SOALAN 4

Cadangan jawapan

Sultan menyuruh memanggil Seri Nara Diraja dan dia pun hadir. Sultan bertanya kepada Seri Nara Diraja, “Adakah Seri Nara Diraja mahu/ingin beristeri?” Sembah Seri Nara Diraja, “Jika ada kurnia Duli yang Dipertuan, hamba setuju.” Baginda bertitah lagi, “Adakah kamu berkenan dengan Tun Bulan, anak kepada Orang Kaya Hitam?” Sembah Seri Nara Diraja, “Hamba tidak bersetuju, Tuanku.” Baginda bertitah lagi, “Adakah kamu mahu/ingin akan Tun Rakna Sandari, saudara kepada Paduka Raja?”

SOALAN 5

- I. Tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
- II. Biar mati anak jangan mati adat
- III. Melentur buluh biar dari rebungunya

SOALAN 6

- | | | |
|------|--|--------|
| (i) | Maksud | Markah |
| | Anggapan /pendapat/ tanggapan/ fikiran/ seluruh/ segenap/ sekaliannya | 2 |
| | Anggapan /pendapat/ tanggapan/ fikiran <i>semesta</i> | 1 |
| | <i>Pandangan</i> seluruh/ segenap/ sekaliannya | 1 |
| (ii) | Beberapa peranan | |
| | Bahan 1 | |
| | P1 <i>lingua franca</i> atau Bahasa perhubungan antara pelbagai etnik | 1 |
| | P2 medium perpaduan kaum | 1 |
| | P3 lambang dan unsur penyatuan bangsa Malaysia. | 1 |
| | Bahan 2 | |
| | P1 alat komunikasi dan ciri asas sesebuah tamadun | 1 |
| | P2 membina konsep diri seseorang penutur | 1 |

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Usaha-usaha guru

- P1 mengadakan taklimat/ atau penerangan tentang Bulan Bahasa Kebangsaan
- P2 pelaksanaan kempen menggunakan media sosial atau internet
- P3 mengadakan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan/ pertandingan bahasa
- P4 mempertontonkan rakaman-rakaman aktiviti Bulan Bahasa Kebangsaan yang menarik minat pelajar untuk mengetahui perkara berkaitan program.
- P5 Menampal poster aktiviti Bulan Bahasa papan notis
- P6 Membuat pengumuman semasa sekolah

Nota : Usaha lain yang sesuai diterima

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iv) Tindakan

- P1 sentiasa mengajak rakan bertutur menggunakan bahasa Melayu agar dia menyedari kesantunan bahasa Melayu.
- P2 Mengajak rakan menyertai kempen / program bahasa Melayu
- P3 Menceritakan/ berkongsi pengetahuan tentang kehebatan bahasa Melayu di peringkat kebangsaan/antarabangsa
- P4 menyokong rakan menyertai aktiviti/ pertandingan berkaitan bahasa Melayu
- P5 meminta bantuan guru untuk menasihati rakan

Nota : Tindakan lain yang sesuai diterima

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

SOALAN 7

i. Maksud rangkai kata "*melarat dalam kemiskinan*"

Soalan	Jawaban	Markah
i	merempat / merana / menderita / terbiar dalam kepapaan / fakir / daif / sengsara	2 m
	merempat / merana / menderita / terbiar dalam kemiskinan	1 m
	melarat dalam kepapaan / fakir / daif / sengsara	1 m

ii. Dua cara mengukuhkan perpaduan kaum di Malaysia .

Pilihan / bahan	Jawaban	Markah
P1B1	Menggunakan satu bahasa pertuturan yang sama	1 m
P2B1	Agihan kekayaan yang sama rata	1 m
P1B2	Bekerjasama	1 m
P2B2	Bergotong royong	1 m
(Jawapan lain yang sesuai diterima) Isi cukup 2, markah penuh 3		

- iii. Punca penjajah menempatkan kaum-kaum di Malaysia secara berasingan

Pilihan	Jawaban	Markah
P1	Inggeris sengaja menyekat sebarang usaha penyatuan kaum.	1 m
P2	Penjajah ingin mengelak risiko penentangan terhadap penjajahan.	1 m
P3	Inggeris ingin mengekalkan penduduk peribumi di kampung-kampung.	1 m
P4	Kaum cina ditempatkan di bandar dan lombong bagi menjalankan aktiviti perniagaan dan perlombongan.	1 m
P5	Kaum India ditempatkan di estet untuk mengerjakan ladang-ladang British	1 m
(Jawapan lain yang sesuai diterima) Maksimum 4 : Isi cukup 2 (1+1)		

- iv. Tindakan anda selaku penyelar program untuk meredakan pertelingkahan

Pilihan	Jawaban	Markah
P1	Bertanyakan punca masalah	1 m
P2	Sedia menjadi pendengar dan memberi pandangan positif terhadap masalah yang dihadapi.	1 m
P3	Memberi cadangan aktiviti yang boleh diterima oleh kedua-dua mereka.	1 m
P4	Menasihati kedua-duanya agar sentiasa menghormati kepelbagaian budaya.	1 m
(Jawapan lain yang sesuai diterima) Maksimum 4 : Isi cukup 3		

SOALAN 8

(i)	Sebab-sebab Mak Menah berasa risau terhadap budak-budak muda di kampungnya	Markah
P1	ke hulu ke hilir bermotosikal	1m
P2	berlonggok tepi jalan	1m
P3	bersembang sampai larut malam	1m
P4	macam tak ada matlamat hidup	1m

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

- ii. Peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

Novel Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa pekerja Soft Lab menunaikan wasiat Karl. Karl meninggalkan wasiat supaya mayatnya dibakar dan abunya ditaburkan di Selat Melaka. Karl meninggal dunia di rumah agamnya. Medina dan Farisha sempat bertemu dengan Karl ketika Karl sedang nazak.

Huraian : Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar menjalankan amanah/ wasiat yang telah ditinggalkan.

2. Peristiwa Doktor Maxi dan Akram menyerahkan Farisha kepada keluarga Azraai untuk dijadikan sebagai anak angkat kerana bimbang akan keselamatan dan masa depannya.

Huraian: Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar bersikap prihatin dan bertanggungjawab terhadap kanak-kanak supaya mereka juga dapat merasai kehidupan yang lebih selamat

3. Peristiwa pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak di rumah agam. Ketika pertemuan itu, Farisha hanya merenung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha sebak dan mengucapkan selamat tinggal kepada Karl.

Huraian : Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar sentiasa memaafkan orang lain walaupun pernah melakukan kesalahan yang sangat menyakitkan kita.

4. Peristiwa Farisha berbincang dengan abangnya dahulu iaitu Azraai sebelum mengambil keputusan untuk menerima tawaran daripada Aqram mengenai projek di Soft Lab sebanyak RM 1.5 juta

Huraian : Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca agar bertindak bijak sebelum mengambil sebarang keputusan dan tindakan bagi mengelakkan sebarang masalah pada masa hadapan.

5. Peristiwa Farisha dan Rosman bekerjasama dalam memajukan syarikat milik mereka dengan bijak membahagikan tugas. Rosman mengurus projek di Senawang manakala Farisha mengurus projek yang ditawarkan oleh Soft Lab

Huraian : Peristiwa ini dapat memberikan teladan kepada pembaca tentang kepentingan sikap Kerjasama dalam sesuatu pasukan dalam memastikan sesebuah syarikat atau organisasi beroperasi dengan baik.

Peristiwa yang dapat memberikan teladan kepada pembaca.

Novel Silir Daksina karya Nizar Parman.

1. Peristiwa Abang Saleh dan Abang Bidin menjaga kebun kelapa sawit arwah ayah Haiqal dengan penuh tanggungjawab. Mereka mengemas kebun dengan bersih dan menyusun pelepah-pelepah sawit dengan teratur dan kemas

Huraian: Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kerana kita perlu menjaga dan menjalankan amanah yang telah diberikan kepada kita dengan sebaik-baiknya.

2. Peristiwa Ai Ling yang gigih berlatih mendeklamasikan sajak dengan Cikgu Zam pada setiap hari sehingga lewat petang untuk menyertai pertandingan deklamasi sajak di sekolahnya. Ai Ling akhirnya memenangi pertandingan tersebut.

Huraian: Peristiwa ini dapat dijadikan teladan kepada pembaca agar sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu yang akhirnya akan membawa kejayaan.

3. Peristiwa keberanian Haiqal untuk pergi ke kampung arwah ayahnya iaitu Kampung Seri Purnama seorang diri bagi menjejaki kisah hidup ayahnya.

Huraian : Peristiwa ini dapat memberi teladan kepada pembaca tentang sikap keberanian yang dimiliki oleh seorang anak dalam menjejaki asal usul ayahnya walaupun menghadapi cabaran dan risiko.

4. Peristiwa Ong See Hwa yang bersetuju menggantikan tempat Lazim dalam persembahan tarian zapin kerana terlibat dalam kemalangan.

Huraian: Peristiwa ini dapat memberi teladan kepada pembaca tentang kepentingan sikap tolong-menolong dan semangat sepasukan dalam menjayakan sesuatu program.

5. Peristiwa Tauke Ong yang gigih mencari rezeki bagi menampung kehidupan keluarganya dengan menorah getah pada waktu pagi dan memungut hasil kampung pada waktu petang demi menyara keluarganya.

Huraian: Peristiwa ini dapat memberi teladan kepada pembaca tentang sikap kegigihan mencari rezeki yang ditunjukkan oleh seorang bapa dalam menanggung keluarganya.

SOALAN 9

Panduan Permarkahan

Pendahuluan

Rumusan membincangkan kesan negatif / keburukan media sosial dan cara-cara untuk mengatasi masalah penyalahgunaan media sosial.

Markah

2

Bahan 1

Kesan negatif media sosial

- | | |
|--|---|
| A1. Penyebaran berita palsu secara berleluasa. | 2 |
| A2. Menyebabkan golongan muda mudah terpengaruh dengan gejala negatif seperti melihat gambar dan video lucu. | 2 |
| A3. Media sosial banyak mempengaruhi minda kanak-kanak dan remaja dengan meniru aksi ganas dan berbahaya. | 2 |
| A4. Terdapat juga pengguna yang terpengaruh dengan iklan produk yang dipaparkan dan mempercayai produk tersebut dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi. | 2 |
| A5. Media sosial menjadikan remaja kurang bersabar dalam tindakan | 2 |
| A6. Mewujudkan ketidakstabilan politik dan sosial apabila hal yang menjadi rahsia negara diperkatakan di laman sembang. | 2 |

Cara-cara / peranan/ usaha-usaha mengatasi masalah penyalahgunaan media sosial

- | | |
|--|---|
| B1. Ibu bapa sewajarnya memantau perlakuan anak-anak yang sedang melayari media sosial. | 2 |
| B2. Ibu bapa sewajarnya memantau perlakuan anak-anak yang sedang melayari media sosial. | 2 |
| B3. Pengguna mesti berhati-hati dalam membeli sesuatu produk yang diiklankan di media sosial. | 2 |
| B4. Remaja menapis maklumat sebelum membuat apa-apa keputusan. | 2 |
| B5. Kerajaan perlu memperkukuh peranan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk menjalankan pemantauan. | 2 |

Bahan 2

Peranan ibu bapa dan anak-anak mengawal penyalahgunaan media sosial

- | | |
|--|---|
| C1. menghadkan masa anak-anak menggunakan gajet | 2 |
| C2. mengajar anak-anak cara memanfaatkan kebaikan media sosial | 2 |
| C3. memantau penggunaan media sosial anak-anak | 2 |
| C4. meluangkan masa hujung minggu bersama dengan anak untuk melakukan pelbagai aktiviti. | 2 |

Kesimpulan

Kesimpulannya, penggunaan media sosial perlu dikawal agar remaja tidak terlibat dalam masalah negatif.	2
--	---

Kesimpulannya, media sosial perlu dimanfaatkan supaya kita boleh menikmati manfaatnya.	2
--	---

****Terima mana-mana jawapan sesuai**

SKEMA JAWAPAN BM2 SET 3 TAMAT

SEGUNUNG BUDI SELAUT KASIH

PENYELARAS

NAMA PEGAWAI	JABATAN
En.Sairi bin Adenan	Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Sarawak
Pn. Kariah@ Sariah binti Haji Mos	Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Sarawak
En. Rakin anak Sebastian Rumpang	Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Sarawak

PANEL PEMBINA MODUL SEMARAK KASIH EDISI KETIGA TAHUN 2022

	NAMA PEGAWAI / GURU	PPD / SEKOLAH
1	Puan Hasiah binti Pukim	PPD Sibu
2	Pn. Dayang Zakiah binti Abang Johnny	PPD Bintulu
3	Tn. Hj Zambri bin Ismail	SMK Petra Jaya, Kuching
4	Encik Aidil Fitri Abu Hassan	SMK St Mary, Kuching
5	Pn.Yustina Hendon Khadijah	SMK St.Teresa, Kuching
6	En Muhammad Nur Aiman bin Kamarudin	SMK Oya, Mukah
7	Pn. Rosni binti Man	SMK Bandar Kuching No.1
8	En. Ismail bin Hadadak	SMK Sadong Jaya, Samarahan
9	Pn. Siti Hajar binti Ahmad	SMK Wira Penrissen, Samarahan
10	Pn. Norleza@ Norlega binti Hossen	SMK Sacred Heart, Sibu
11	Pn Hayati binti Kiprawi	SMK Tiong Hin, Sibu
12	Encik Mohamad Nizam bin Humdani	SMK Agama, Sibu
13	Encik Mohamad Azizi bin Seli	SMK Engkelili, Lubuk Antu
14	En. Abang Mostapha bin Abang Mantaril	SMK Pusa, Betong
15	Encik Zainudin bin Lokman	SMK Lawas, Lawas
16	Pn. Lilywati binti Merais	SMK Dato Permaisuri, Miri
17	En. Erman Ngah bin Mauzi	SMK Agama Miri
18	En. Mohamad Shahril Bakri Abdullah	SMK Pujut, Miri
19	Puan Nancy binti Ahmad Chin	SMK Bintulu Baru Bintulu Sarawak
20	Pn. Sabtuyah binti Wasli	SMK Bintulu
21	Puan Sharifah Hamisah binti Wan Hashim	SMK St. Anthony, Sarikei

APRESIASI

**JPN SARAWAK
SEKTOR PEMBELAJARAN JPN SARAWAK**

**YBHG. DATU DR HAJI AZHAR BIN HAJI AHMAD
(PNGARAH JABATAN PENDIDIKAN SARAWAK)**

BIDANG BAHASA JPN SARAWAK

PENYELARAS MODUL BAHASA MELAYU SPM JPN SARAWAK

**EN.SAIRI BIN ADENAN, PN. KARIAH@ SARIAH BINTI HAJI MOS,
EN. RAKIN ANAK SEBASTIAN RUMPANG**

SEMUA PENYUNTING BAHAN

SEMUA PENGETUA SEKOLAH MENENGAH JPNS SARAWAK

**GURU-GURU BAHASA MELAYU (PENYUMBANG BAHAN MODUL)
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SARAWAK**

**KULIT DEPAN MODUL
MOHAMAD SAHRIL BAKRI ABDULLAH**

**YANG KURIK ITU KUNDI,
YANG MERAH ITU SAGA;
YANG BAIK ITU BUDI,
YANG INDAH ITU BAHASA.**

**FLY KENYALANG FLY
FLY HIGH**